



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 6777]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 6894]

**USUL:**

**Akta Acara Kewangan 1957—**

**Menambah Butiran Baru "Tabung Kumpulanwang Amanah Pustaka  
Peringatan P. Ramlee" [Ruangan 6895]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) [Ruangan 6897]**

**Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) [Ruangan 6959]**

**UCAPAN PENANGGUHAN:**

**Majlis Perbandaran Seberang Prai—Perkhidmatan Asas kepada Orang Ramai,  
Y.B. Tuah Teoh Teik Huat [Ruangan 6975]**

**Tunggakan Bil Air di Petaling Jaya/Selangor—Y.B. Dr Eng Seng Chai  
[Ruangan 6979]**

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., p.i.s. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasm).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., j.p. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pemmahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah),
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., j.p. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- > < Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAPPREY (Silam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAJL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., p.j.k. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH Kui (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABOUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUKPATINGGIHAJI ABDUL TALIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ADBULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Matan).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., p.s. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.U., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I- (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, **J.P.** (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

Yang Berhormat TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).

- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITNG BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MoHAMED (Titivangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUANTANKOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun)
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

Yang Berhormat DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,  
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' HAJI ZAKARTA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,  
P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Selasa, 10hb Mac, 1987

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*perusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**Tuan Teoh Teik Huat:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Satu penjelasan. Ada satu soalan saya dalam buku di sini. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti, saya ingat jikalau ada apa-apa minta Yang Berhormat. ....

**Tuan Teoh Teik Huat:** Mengenai soalan. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak boleh! Kalau Yang Berhormat hendak apa-apa, uruslah dengan saya di pejabat.

Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Ali.

(*Soalan No. 1 Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Ali tidak hadir*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Abu Bakar Rautin Ibrahim.

## YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA

**2. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menjelaskan tentang:

- (a) tujuan utama penubuhan Yayasan Kebajikan Negara; dan
- (b) sejauh ini berapakah jumlah wang tabungan tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini.

- (a) Tujuan utama Yayasan Kebajikan Negara ialah untuk memajukan kebajikan dan pembangunan sosial rakyat Malaysia khususnya kebajikan keluarga dan kanak-kanak serta untuk mengadakan satu tabung kewangan yang dikawal dan ditadbirkan oleh Lembaga Pemegang Amanah;
- (b) Pada masa kini, Tabung Amanah Yayasan Kebajikan Negara mempunyai lebih kurang \$7.3 juta.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini tentang berapa banyak yang telah dibelanjakan dari Yayasan Kebajikan di negara ini dan apakah jenis bantuan yang telah dikeluarkan.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai belanjawan, saya ada angka di sini, tetapi mengenai jenis saya minta maaf

sebab jika Yang Berhormat hendak tahu berapa jenis-jenis bantuan yang diberi, saya harap Yang Berhormat boleh menulis satu surat kepada Kementerian saya dan selepas itu Kementerian boleh menjawab penuh.

Mengenai belanjawan, Tuan Yang di-Pertua, kedudukan Yayasan Kebajikan Negara adalah seperti berikut:

Jumlah kutipan Yayasan Kebajikan Negara sejak ianya ditubuhkan sehingga sekarang ialah \$12,925,010.81 sen. Belanjawan pada masa itu ialah \$5,586,489.37 sen, iaitu tabung ini sekarang ialah \$7,338,611.44 sen. Inilah untuk menjawab belanjawan.

**Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam jawapan awal Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan tujuan penubuhan Yayasan ini ialah bagi kebajikan keluarga. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu apakah definisi kebajikan keluarga itu. Apakah bentuk-bentuk kebajikan yang dimaksudkan yang telah diberi melalui tabung ini?

Yang kedua, apakah cara-cara yang digunakan untuk dikeluarkan wang tabungan ini bagi tujuan perbelanjaannya?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, untuk definisi tujuan Yayasan Kebajikan ini saya boleh membawakan tujuan-tujuan yang meluaskan tujuan utama yang saya sebut tadi. Di sini saya boleh nyatakan Yayasan Kebajikan memanglah tetap sebab satu perbadanan di dalam Ordinan Pemegang-pemegang Amanah Perbadanan Tahun 1950 ditubuhkan dan dilancarkan. Dan mengenai. ....

**Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun. Ada hendak membuat apa?

**Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, hendak menjelaskan soalan saya. Bukan saya maksudkan tujuan penubuhan Tabung ini. Tadi dalam jawapan awal, Yang Berhormat telah menyatakan tujuannya ialah untuk bantuan kepada kebajikan keluarga. Jadi, apakah maksud kebajikan keluarga di situ?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Keluarga dalam soalan itu boleh kata Yang Berhormat itu hendak minta jenis bantuan untuk keluarga-keluarga. Sebab itu saya minta notis dan saya boleh jawab. (*Ketawa*)

#### PERTUKARAN GURU SAINS/ BAHASA—MALAYSIA/INDONESIA

**3. Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimana dengan cadangan Kementerian Pelajaran untuk menghantar guru-guru Sains Malaysia ke Indonesia dan sebaliknya menerima Guru-guru Bahasa dari Indonesia di Malaysia. Bagaimana cara dan syarat pengambilan. Apakah syarat-syarat perkhidmatan dan pembayaran gaji serta elaun-elaun yang telah dicadangkan ataupun telah dipersetujui.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, pertukaran guru-guru antara Malaysia dan Indonesia dirancangan memandangkan bahawa Indonesia memerlukan guru-guru sains yang berlebihan bekalnya di Malaysia, manakala Malaysia pula memerlukan guru Bahasa Malaysia yang boleh dibekalkan oleh Indonesia.

Walau bagaimanapun, sebelum program ini dapat dilaksanakan beberapa perkara perlu kita ambil kira dan laksanakan seperti orientasi dan

penyesuaian mengenai kaedah dan bahasa perlu dikaji dengan lebih teliti lagi.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, bolehkah Kerajaan menerangkan bahawa adakah Menteri Pelajaran sedar atau tidak di negara kita mempunyai banyak guru-guru yang layak untuk mengajar Bahasa Malaysia. Adakah Kerajaan sedar dan kalau sedar mengapakah Kerajaan tidak mengambil rakyat Malaysia menjadi guru Bahasa Malaysia terutamanya, keperluan selain daripada itu kalau sekiranya menghadapi kekurangan, barulah kita mengambil guru-guru daripada negara-negara asing.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua program ini masih berada di peringkat perancangan lagi. Tidak semestinya kalau kita mengatakan bahawa sekiranya ada dari guru kita yang boleh mengajar Bahasa Malaysia, maka kita mesti ambil guru kita itu kerana ini bergantung kepada taraf mana yang kita hendak capai.

Kalau kita katakan bahawa guru berkelulusan Tingkatan I yang layak dan boleh diterima untuk mengajar, maka sudah tentulah ini bermakna kita akan berlebihan guru. Tetapi kalau kita ingin pencapaian dan prestasi yang lebih tinggi untuk meningkatkan mutu pelajaran bahasa di negara kita ini, maka kita perlu mereka yang berkelulusan lebih tinggi daripada mereka itu.

Jadi, ini di peringkat perancangan dan perundingan dan sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kita mengambil kira akan semua faktor dalam melaksanakan program ini.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Wujudnya rancangan pertukaran guru Malaysia-Indonesia khususnya dalam bidang sains dan

bahasa adalah difahamkan bahawa Kementerian Pelajaran berlebihan guru dalam jurusan sains. Apakah Kementerian sedar bahawa berlakunya kelebihan guru-guru sains ini adalah oleh sebab salah perancangan daripada Kementerian yang berkenaan kerana satu masa dahulu kita menggalakkan anak-anak kita supaya mengambil jurusan sains dan akhirnya mereka telah mengambil jurusan tersebut dan pada hari ini kita berlebihan siswazah dalam jurusan tersebut.

Jadi, apakah Kementerian mempunyai strategi bagi mengatasi masalah ini dan sebaliknya kita juga kekurangan guru bahasa kerana galakan untuk mengambil jurusan sains tadi dan apakah usaha Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan ini selain daripada rancangan untuk mengambil guru-guru daripada Indonesia?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang sebagaimana yang dikatakan, kita sekarang ini mendapati bahawa kita berlebihan guru sains tetapi perlu saya jelaskan bahawa guru-guru sains ini bukanlah guru-guru yang ditaja oleh pihak Kementerian Pelajaran yang membuktikan bahawa dari segi perancangan yang dibuat oleh pihak Kementerian kita telah membuat perancangan yang betul tetapi ada agensi-agensi yang tertentu yang telah menaja pelajar-pelajar ini dan apabila mereka itu keluar, mereka tidak dapat memenuhi tempat-tempat, kerana kita sudah penuhkan tempat itu.

Misal kata dalam tahun 1984-1986, kita berlebihan 312 orang guru sains iaitu guru siswazah sains yang bukan menerima biasiswa/dermasiswa Kementerian Pelajaran yang tidak dapat ditempatkan di sekolah-sekolah, manakala bagi tahun 1987 keluaran

universiti tempatan terdapat seramai 427 orang guru-guru yang bukan di bawah tajaan Kementerian Pelajaran.

Namun demikian, kita merasai bahawa adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menempatkan mereka itu dan program yang kita adakan atau rancang adalah bertujuan untuk menentukan supaya mereka itu setidak-tidaknya dapat kita tempatkan di sekolah-sekolah untuk berkhidmat sama ada di negara kita ataupun di negara jiran yang ingin dan bersedia untuk menerima mereka dan kita juga bersedia menerima guru-guru mereka.

Dari segi perancangan perlu saya jelaskan banyak faktor yang telah mempengaruhi perancangan kita walaupun mula-mula kita merasai bahawa perancangan kita itu betul. Namun akibat daripada misal kata kemelesetan ekonomi, perancangan kita itu telah tidak menepati akan target ataupun matlamat yang kita tuju. Dan banyak lagi masalah, perkara yang perlu yang telah menjejaskan akan perancangan.

Namun demikian, kita berusaha untuk menentukan supaya perancangan kita untuk masa akan datang akan terus dapat kita laksanakan untuk menemui matlamat yang kita hajati.

#### **KEM SEMANGAT GHAFAR BABA—KEGIATAN UMNO**

**4. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada "Kem Semangat Ghafar Baba", satu kem ahli-ahli UMNO di Sg. Amang, Ulu Klang, Selangor di mana latihan "Commando" diberi oleh bekas ahli Polis, ada diberi kebenaran dan izin untuk kegiatan itu yang sebenar dan sepatutnya diberi oleh pihak polis dan Tentera sahaja kepada ahli-ahli pasukan masing-masing; jika ada diberi izin, bolchkah Kementerian memberi jaminan bahawa

permohonan lain-lain parti politik untuk mengadakan kem yang sama akan diberi kebenaran juga.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua dalam hal soalan Ahli Yang Berhormat dari Petaling, pihak saya pecahkan kepada 4 jawapan:

- (1) Sepanjang yang saya tahu, UMNO tidak mempunyai kem sepertimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Apa yang ada di Kem Sungai Amang, Ulu Klang, Selangor adalah seperti juga kem-kem yang lain yang terdapat di tempat-tempat lain dalam negara kita ini yang bertujuan untuk melatih para belia meninggikan semangat dan meningkatkan perasaan cintakan bangsa dan negara. Secara kebetulan, kem ini digunakan oleh Pergerakan Pemuda UMNO. Ianya bukanlah Kem Latihan Pemuda UMNO.
- (2) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, oleh sebab kem itu baru sahaja dibuka, ia telah mengambil sempena. Nama Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, lalu dinamakan Kem Semangat Ghafar Baba. Ini juga adalah satu perkara biasa oleh sebab banyak tempat-tempat dan bangunan-bangunan yang lain juga diberikan nama pemimpin-pemimpin ulung negara ini.
- (3) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tidak ada latihan ala-komando yang dijalankan di kem tersebut. Jika pun ada bekas tentera atau bekas polis yang terlibat, mereka itu hanya ditugaskan untuk memberikan latihan jasmani ala-tentera kepada

peserta-peserta kursus di kem tersebut. Aktiviti-aktiviti ini juga hanyalah merupakan 5% sahaja daripada keseluruhan kurikulum yang dijalankan di situ.

- (4) Mana-mana pertubuhan yang berdaftar boleh menjalankan aktiviti mereka termasuklah mengadakan kursus semangat tanpa perlu kebenaran, jika ia tidak bercanggah dengan undang-undang tubuhnya sendiri dan tidak bercanggah dengan peruntukan Akta Pertubuhan, 1966 atau lain-lain peruntukan undang-undang.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, berapakah jumlah kem seperti itu yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan dengan penglibatan bekas-bekas polis dan tentera itu adakah ini bermakna Kementerian itu bermaksud untuk mengadakan latihan ala-tentera?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, kem-kem seperti ini yang wujud ialah di Telok Batek, Lumut, Port Dickson dan di Kem Ghafar Baba, tetapi kem-kem lain yang tidak rasmi boleh diadakan di mana-mana sahaja jikalau sekiranya mana-mana pertubuhan suka.

Penglibatan bekas tentera dan bekas polis tidak bermaksud kita hendak melatih orang-orang kita menjadi ala tentera, tetapi apa yang penting, kalau doktor kerjanya mengubat, kalau lawyer kerjanya mempertahankan orang, jadi kalau hendak buat exercise eloklah cari orang yang betul-betul boleh mengajar exercise iaitu bala tentera. *(Tepuk)*

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana setengah pemimpin-pemimpin UMNO sendiri ada kata bahawa ada

komando-komando dalam UMNO, adakah ini bersangkutan-paut dengan kem-kem yang wujud dalam soalan ini?

Kedua, apa jenis latihan jasmani ala tentera ini, adakah satu semakan dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri, atau adakah jawapan ini dijawab dari segi pemimpin UMNO dan bukan daripada segi Kementerian Dalam Negeri? *(Tepuk)*

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Soalan yang pertama Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat dari Tanjong ini eloklah jaga DAP, jangan ambil hal langsung fasal UMNO. *(Tepuk)*

Mengenai soalan kedua, . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan saya ialah ada komando atau tidak ada komando? Itu bukan hal DAP dan bukan hal LJMNO, tetapi hal negara, ada komando atau tidak ada? *(Tepuk)*

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama tadi menyebutkan bahawa ada pemimpin-pemimpin UMNO menyebut, itu sebab saya jawab, jagalah hal DAP, jangan jaga hal UMNO. *(Tepuk)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat-Yang Berhormat. . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan saya benar atau tidak benar sila jawab?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat teruskan dan saya mintalah supaya janganlah menjadi kacau-bilau. Sila teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sila jawab dahulu.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak jawab, saya minta wakil daripada Tanjong buat soalan lain.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada komando atau tidak ada komando wujud dalam UMNO bersangkutan-paut dengan kem-kem ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada komando.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan kedua belum lagi dijawab.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kelima.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bahagian kedua belum dijawab, dia lagi ada. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya lihat Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah duduk, dan seseorang Menteri boleh kalau sekiranya dia suka di bawah Peraturan Mesyuarat tidak menjawab mana-mana soalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat tidak mahu jawab, itu lain hal, tetapi belum jawab bahagian yang kedua. Mana boleh lari seperti ini, Ah! jawab.

### BAHASA INGGERIS DI PERINGKAT SRP

**5. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebab-sebabnya keputusan bahasa Inggeris di peringkat Sijil Rendah Pelajaran (SRP) bagi tahun 1986 merosot daripada tahun sebelumnya. Nyatakan sama ada kemerosotan ini berlaku juga di sekolah-sekolah dalam bandar; apakah langkah-langkah Kementerian yang akan diambil untuk mengatasi masalah yang tersebut.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab

soalan ini perlu saya memperingatkan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama sekali dari pihak Pembangkang supaya mengikuti Peraturan Mesyuarat. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, kerana mengikut Peraturan Mesyuarat, kalau saya tidak lupa, kalau Tuan Speaker membuat keputusan adalah muktamad. ....

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order. Mahu kecualikan. ....

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, ....

**Tuan Lim Kit Siang:** Mahu ketepikan Tuan Speaker belum jadi Speaker. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, keputusan bahasa Inggeris di peringkat Sijil Rendah Pelajaran (SRP) bagi tahun 1986 menunjukkan kemerosotan sebanyak 2.1% daripada tahun 1985. Turun naik peratus kelulusan ini adalah dipengaruhi oleh perkara-perkara berikut:

- (i) pencapaian dan kemampuan murid-murid dari setahun ke setahun adalah berbeza;
- (ii) suasana pembelajaran dan peperiksaan bagi satu-satu kumpulan murid turut berbeza; dan
- (iii) soalan-soalan peperiksaan juga berbeza dari setahun ke setahun.

Kejatuhan sebanyak 2.1% tidaklah mencemaskan, malahan merupakan perkara biasa bagi satu-satu mata pelajaran.

Ditinjau dari segi kedudukan pencapaian sekolah-sekolah bandar di beberapa buah negeri, didapati ada sekolah-sekolah mencatatkan kenaikan peratus kelulusan manakala ada pula yang mencatatkan keputusan yang merosot sedikit.

Antara program-program yang sedang dijalankan untuk mengatasi masalah ini ialah:

- (i) menggalakkan penglibatan lebih banyak sekolah dengan Rancangan Bacaan Tambahan Bahasa Inggeris;
- (ii) membekalkan sekolah-sekolah Luar bandar dengan guru-guru yang terlatih dalam bidang pengajaran pembelajaran bahasa Inggeris;
- (iii) menggalakkan sekolah-sekolah menengah menggunakan bahan-bahan bantu mengajar bahasa Inggeris keluaran Kementerian Pelajaran;
- (iv) memberi kursus tambahan dalam bidang pengkaedahan pengajaran bahasa Inggeris kepada guru-guru;
- (v) mengeluarkan jurnal pengajaran dan pembelajaran bahasa yang dimuatkan, antara lain, pengkaedahan pengajaran bahasa Inggeris mengikut satu-satu kemahiran tertentu; dan
- (vi) melakukan lawatan ke sekolah-sekolah untuk memberi bimbingan iktisas kepada guru-guru mata pelajaran bahasa Inggeris.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan tentang latihan guru-guru untuk mengajar mata pelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di negara kita. Adakah benar bahawa rancangan latihan guru-guru itu tidak memberi tekanan yang sesuai kepada pengajaran bahasa Inggeris. Adakah benar bahawa mereka pergi mengajar murid-murid, maka murid-murid pun mempelajari bahasa yang sudah tercemar seperti merujuk kepada tindakan orang yang pindah dari satu negara ke negara yang lain sebagai migrate dan bukan immigrate.

Sebenarnya hanya burung-burung atau binatang migrate, manusia immigrate dan kesilapan ini pun wujud secara am di antara golongan guru-guru. Ini sahaja. Terima kasih.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, kesilapan seumpama yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak pernah dilaporkan kepada saya, dan insya Allah kita akan selidiki. Namun demikian, perlu saya jelaskan Kementerian Pelajaran dengan sedaya-upaya, seboleh-bolehnya melatih guru-guru supaya dapat mencapai matlamat latihan yang sempurna supaya dapat menyampaikan pengajaran bahasa Inggeris ini dengan sempurna kepada pelajar-pelajar supaya mutu prestasi peningkatan bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar kita akan dapat kita pertingkatkan.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu antaranya ialah 6 langkah untuk membaiki pengajaran bahasa Inggeris di peringkat SRP.

Saya ingin tahu apakah soal kemerosotan ini begitu teruk berbanding dengan pengajaran bahasa Inggeris di zaman sebelum merdeka dahulu.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, susah untuk kita membandingkan sebenarnya, kerana saya katakan tadi terpulang kepada suasana pengajaran dan pembelajaran.

Yang kedua, perbezaan di antara penggunaan bahasa sendiri walaupun sekarang kita menitikberatkan soal penggunaan bahasa Inggeris juga di sekolah-sekolah untuk menentukan tingkat bahasa Inggeris pencapaian itu bertambah. Namun demikian, kita juga tidak boleh lupa bahawa bahasa

pengantar yang utama ialah Bahasa Malaysia dan oleh kerana itu untuk kita membandingkan sama ada sekarang lebih baik atau lebih merosot daripada sebelum merdeka adalah perkara yang relative, yang perlu kita beri ulasan secara terperinci dan adalah jahil sekiranya kita mengatakan bahawa ini merosot daripada yang sebelum merdeka tanpa memberi ulasan yang sewajarnya.

### **BUMIPUTERA DALAM PERNIAGAAN/PERINDUSTRIAN DI SARAWAK**

**6. Tuan James Jimbun anak Pungga** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan program yang telah dirancang dan akan dirancang oleh MARA di Sarawak untuk membantu kaum bumiputera di Bahagian Ke 7 yang masih mundur di bidang perniagaan dan industri kecil.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu kaum bumiputera dalam bidang perniagaan dan perindustrian kecil di negeri Sarawak, beberapa program telah dan sedang dilaksanakan seperti memberi bantuan modal, menyediakan ruang-ruang niaga serta memberi khidmat nasihat dan bimbingan. Bantuan-bantuan ini dibuat secara menyeluruh meliputi kaum bumiputera yang berada di Bahagian Ke 7.

Sehingga akhir tahun 1986 MARA telah berjaya membantu kaum bumiputera di Sarawak mengikut program-program seperti berikut:

- (a) memberi pinjaman \$16.82 juta kepada 2,999 perainjam;
- (b) membina 6 projek rumah kedai mengandungi 129 umt;
- (c) mengadakan 137 kursus usahawan kepada 6,638 peserta; dan

- (d) memberi khidmat nasihat dan bantuan galakan kepada 1,438 orang usahawan.

Tuan Yang di-Pertua, bantuan-bantuan seperti ini akan diteruskan bagi menjamin kejayaan perniagaan kaum bumiputera di Sarawak. Di dalam Rancangan Malaysia Kelima, MARA telah merancang untuk membina dan memberi bantuan seperti berikut:

- (a) memberi pinjaman \$10 juta kepada 800 orang peminjam;
- (b) membina 5 projek rumah kedai yang mengandungi 61 unit; dan
- (c) mengadakan 145 kursus usahawan kepada 4,349 orang peserta.

### **ZON PERDAGANGAN BEBAS DI SABAH**

**7. Tuan Bernard Giluk Donipok** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerian beliau boleh mengkaji kemungkinan mendirikan satu kawasan perdagangan bebas atau free trade zone di Sabah untuk membantu memperkembangkan perdagangan dan perindustrian, terutama perusahaan pembuatan (manufacturing industry) di negeri itu memandangkan keadaan ekonomi yang meleset.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua pembangunan zon perdagangan bebas di semua negeri di dalam negara kita ini adalah dikenalpasti dan dimajukan oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Zon perdagangan bebas adalah skim untuk memudahkan industri berorientasikan eksport dan menggunakan dengan banyak bahan mentah yang diimport dalam urusan dengan pihak kastam.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan boleh membantu Kerajaan Negeri Sabah dalam usaha mengkaji

kemungkinan mendirikan satu kawasan perdagangan bebas dalam negeri Sabah setelah Kerajaan Negeri mengenalpastikan kawasan yang dirancang.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, menurut jawapan yang diberi daripada Timbalan Menteri Kewangan, bolehkah Timbalan Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan selain daripada negeri Sabah, adakah cadangan untuk mengadakan zon cukai bebas yang diadakan di negeri Perak di mana Timbalan Menterinya berada?

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Pinji itu, setakat ini Kementerian Kewangan belum menerima apa-apa cadangan untuk mendirikan kawasan zon perdagangan bebas di dalam negeri Perak yang di mana saya datang.

#### UNIT PENYELIDIKAN SOSIO EKONOMI—KAJIAN

**8. Drs Sulaiman bin Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi Jabatan Perdana Menteri telah menjalankan satu kajian pendapat orang ramai sebelum menjelang pilihanraya umum yang lepas, bolehkah beliau menjelaskan apakah penemuan-penemuan penting hasil daripada kajian tersebut dan apakah tindakan Kerajaan untuk memenuhi kehendak rakyat berdasarkan penemuan tersebut.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi tidak pernah menjalankan kajian pendapat orang ramai, sama ada sebelum atau selepas pilihanraya umum yang lepas.

#### BANDUAN MELARIKAN DIRI DARI PENJARA

**9. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan banduan yang melarikan diri dari penjara-penjara untuk tahun-tahun 1980, 1981, 1982, 1983, 1984, 1985, 1986 dan sehingga 28-2-1987 dan berapa ramai yang telah ditangkap semula;
- (b) adakah Menteri berpuashati dengan langkah-langkah keselamatan di penjara-penjara ekoran kejadian tebusan Penjara Pudu dan Penjara Kuantan dan apakah langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa langkah-langkah ini akan dipatuhi sepenuhnya;
- (c) jumlah bilangan warden penjara berbanding dengan bilangan banduan dalam semua penjara sehingga 28-3-1987; dan
- (d) berapa kalikah Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan untuk mengkaji sistem penjara bermesyuarat dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Jawatankuasa berkenaan untuk mengatasi bilangan masalah dalam penjara seperti kesesakan, keselamatan dan lain-lain aspek.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan banduan yang melarikan diri dari penjara dari tahun 1980 hingga 28-2-87 ialah seramai 153 orang. Dari jumlah itu seramai 113 orang telah ditangkap semula, manakala bakinya masih dikesan.
- (b) Langkah-langkah keselamatan sentiasa diambil di institusi penjara, tetapi selepas

berlakunya kejadian penahanan tebusan di Penjara Pudu dan Kuantan, langkah-langkah keselamatan telah dipertingkatkan dengan segera. Ini termasuklah:

- (i) orang tahanan dan banduan dibawa seorang demi seorang sewaktu dirawat oleh pegawai perubatan yang juga diiringi dan dikawal oleh 3 orang pegawai penjara;
- (ii) menggarit tangan banduan dan orang tahanan apabila mereka perlu dirawat, kecuali atas nasihat doktor;
- (iii) membina pagar-pagar keselamatan di kawasan-kawasan yang perlu; dan
- (iv) mengadakan jaringan besi pemisah di antara banduan dan majistret semasa mahkamah bersidang.

Saya berpendapat langkah-langkah keselamatan ini adalah memadai sebagai tindakan segera untuk satu jangka masa yang pendek.

- (c) Jumlah bilangan warden penjara pada 28-2-87 adalah seramai 3,691 orang dan bilangan banduan adalah seramai 20,403 orang, iaitu ratio 1 pegawai, 6 banduan.
- (d) Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan untuk mengkaji masalah di penjara telah mengadakan mesyuaratnya yang pertama pada 28hb Januari yang lalu. Untuk mengkaji masalah kesesakan dan keselamatan di penjara-penjara secara mendalam, Jawatankuasa telah menubuhkan 2 Jawatankuasa

Kerja, iaitu Jawatankuasa Kerja Mengkaji Masalah Kesesakan, dan satu lagi Jawatankuasa Kerja Mengkaji Masalah Keselamatan. Kedua-dua Jawatankuasa Kerja ini akan memperakukan kepada Jawatankuasa Khas mengenai langkah-langkah jangka panjang yang perlu diambil supaya masalah-masalah di penjara dapat diatasi dalam mesyuaratnya yang kedua pada 30hb Mac, 1987.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan soal langkah-langkah keselamatan dan juga apabila soal Penjara Kuantan disebutkan, iaitu Kuantan kawasan saya. Baru-baru ini apabila berlakunya peristiwa tragedi di Kuantan itu saya dapati daripada segi keselamatan Penjara Kuantan itu letaknya sangat-sangat tidak sesuai kerana di selatannya Hospital Kuantan, di sebelah baratnya rumah-rumah Kerajaan dan di depannya ialah Bandar Kuantan, iaitu Kompleks Teruntum. Jadi, apakah langkah-langkah yang konkrit yang sedang dirancang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk memindahkan penjara ini ke satu tempat yang lebih bererti pada hakikat langkah-langkah keselamatan itu?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri memang sedar akan keadaan ini dan ini bukan sahaja disuarakan oleh Wakil Rakyat daripada Kuantan, tetapi disuarakan oleh banyak pihak-pihak yang tertentu, termasuk Kerabat Diraja di Pahang sendiri. Oleh kerana memandangkan keadaan kewangan, pihak Kementerian Dalam Negeri tidak dapat mengubah penjara di Kuantan itu buat sementara kerana ia memerlukan sekurang-kurangnya \$50 juta untuk membina sebuah penjara

sedemikian rupa. Bagaimanapun, perkara ini adalah dalam perhatian yang serius daripada pihak Kementerian Dalam Negeri.

**Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa salah satu daripada masalah penjara sekarang ialah masalah perbelanjaan yang meningkat. Adalah difahamkan juga bahawa sistem penjara di negara kita adalah merupakan satu sistem yang mana layanan kepada banduan-banduan terlalu baik sangat. Adakah Kerajaan akan mengkaji semula sistem yang ada sekarang, seolah-olah seperti kita memberi layanan yang baik, bukan hukuman kepada banduan-banduan, terutamanya kepada banduan-banduan jangka pendek seperti menempatkan mereka di satu tempat untuk menyelesaikan sesuatu projek sebagai satu hukuman kepada mereka.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui apa yang telah disuarakan oleh Wakil Rakyat daripada Parit Buntar tadi. Bagaimanapun, kita terpaksa menjaga nama baik negara kita dari kacamata dunia, terutama dari kehendak-kehendak Bangsa-bangsa Bersatu terhadap layanan ke atas banduan-banduan ini. Bagaimanapun, tentang kerja-kerja yang akan diberi kepada banduan-banduan yang bersesuaian, perkara ini akan diambil berat.

#### GAJI BULANAN DI SEKTOR LADANG

**10. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada benar pihak majikan ladang-ladang yang begitu enggan untuk melaksanakan gaji bulanan dan telah memberi tentangan yang hebat dalam perkara ini, oleh kerana ini akan lebih menguntungkan satu kaum jika dibandingkan dengan lain-lain kaum.

**Timbalan Menteri Buruh (Tuan Kalakau Untol):** Tuan Yang di-Pertua, perkara mengenai pelaksanaan gaji bulanan di sektor perladangan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah dibangkitkan dalam satu kes pertikaian di antara Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Tanah Melayu dengan Kesatuan Pekerja-pekerja Perladangan. Selanjutnya, pertikaian ini telah dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan untuk satu keputusan. Mahkamah tersebut telah pun membicarakan kes ini dan satu keputusan telah pun diturunkan melalui keputusannya Bilangan 111/86. Oleh yang demikian, soal pihak majikan ladang-ladang enggan melaksanakan gaji bulanan tidak timbul sama sekali dan dakwaan bahawa keengganan ini akan lebih menguntungkan satu kaum jika dibandingkan dengan lain-lain kaum juga tidak timbul.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, beliau mengatakan bahawa Mahkamah Perusahaan telah pun memutuskan terhadap permintaan ataupun tuntutan gaji bulanan yang dibawa oleh NUPW dan keputusan itu tidak dapati diterima oleh anggota-anggota dan juga pekerja-pekerja ladang-ladang, Adakah pihak Kementerian atau Kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang khas yang akan memaksa pihak majikan untuk membayar gaji bulanan bagi pekerja-pekerja dalam ladang-ladang.

**Tuan Kalakau Untol:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak.

#### LAPANGAN TERBANG BARU SIBU

**11. Tuan Tieu Sung Seng** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada pembinaan Projek Lapanganterbang Baru Sibu akan

dimulakan pada tahun 1987 memandangkan pemulihan ekonomi negara kita telah semakin menggalakkan. Jika tidak, bilakah pembinaan itu akan tetap dimulakan.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya mempunyai rancangan untuk membina sebuah lapangan terbang baru di Sibu. Bagaimanapun, projek ini telah terpaksa ditangguhkan untuk sementara waktu kerana keadaan kemelesetan ekonomi negara. Walaupun demikian, Kerajaan sedang mengkaji kedudukan projek ini dan jika keadaan kewangan mengizinkan, Kerajaan akan menimbangkan kemungkinan melaksanakan projek tersebut dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

#### BELIA/BELIAWANIS— MENERAPKAN NILAI ISLAM

**12. Tuan Muhammad Subky bin Haji Abdul Raof** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan kenapa aktiviti yang bercorak memupuk nilai-nilai Islam di kalangan beliawanis dan belia yang dijalankan selama ini berkurangan, jika dibandingkan dengan lain-lain aktiviti seperti sukan, kebudayaan dan seumpamanya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, memahami Islam sebagai cara hidup yang syumul, program ataupun aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam memupuk nilai-nilai Islam di kalangan belia dan beliawanis di negara ini tidaklah berkurangan, kerana zat bersukan itu sendiri pun adalah merupakan satu program mem-pertingkatkan nilai-nilai Islam secara praktikal. Tambahan pula pada masa ini pihak Kementerian telah mengadakan program khas dengan

Pusat Islam di Jabatan Perdana Menteri dalam mewujudkan lebih banyak program-program agama dengan bantuan kepakaran dari Pusat Islam sendiri.

Satu Jawatankuasa Khas juga telah ditubuhkan dengan Pusat Islam bertujuan menyelaraskan semua syllabus aktiviti keagamaan di semua peringkat institusi belia dan program-program dakwah Islamiah anjuran Kementerian ini.

#### PENGERUSI LEMBAGA PELESENAN PENGANGKUTAN JALAN SABAH—LANTIKAN

**13. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan kenapa ada kelewatan untuk melantik Pengurus bagi Lembaga Pengangkutan Jalan Raya dan Pelesenan di Sabah.

11-3-87

**29. Tuan Metah bin Asang** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan mengapakah perlantikan ahli Lembaga Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Sabah begitu memakan masa untuk dibentuk mahupun disahkan. Oleh kerana beribu-ribu pemohon berbagai jenis permit daripada seluruh negeri terpaksa menunggu dan tidak kurang pula mungkin mendapat hasutan daripada pihak Pembangkang yang telah membuat tuduhan yang tidak baik kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Sabah. Dan kalau belum dibentuk diminta supaya dapat dilaksanakan dengan seberapa segera.

20-3-87

**43. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah sebabnya kelewatan perlantikan Pengarah bagi LPPJ (Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan) Sabah. Kedua-dua kontrak

pengarah bagi LPPJ Sarawak dan Sabah telah tamat tempoh pada bulan September, 1986. Di Sarawak pengarah LPPJ dilantik pada masa yang sama sewaktu tamat tempoh, manakala di Sabah, hingga sekarang, Februari 1987, sudah 5 bulan, belum ada Pengarah LPPJ Sabah untuk mengadakan mesyuarat dan mengemaskinikan permohonan-permohonan permit dan lesen yang sudah bertimbun. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya untuk mengatasi permohonan yang bertimbun ini.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat kawasan Tawau, saya mohon izin untuk menjawab sekali pertanyaan-pertanyaan Yang Berhormat kawasan Jambongan yang dijadual dijawab pada 11-3-87 dan Yang Berhormat kawasan Tanjong Aru yang dijadual dijawab pada 20-3-87 memandangkan pertanyaan-pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut adalah di atas perkara yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pengerusi Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan Sabah termasuk juga lima ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain telah pun dilantik pada 1hb Februari, 1987. Perlantikan ini mengambil masa sedikit disebabkan masalah mengenalpasti calon serta mendapatkan maklumat lengkap dan butiran-butiran peribadi bagi calon-calon yang sesuai untuk dilantik menjadi Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah. Ini adalah penting untuk memastikan calon-calon yang dilantik benar-benar layak. Pra-syarat dalam perlantikan Pengerusi Lembaga (dan juga Ahli-ahli yang lain) ialah mereka perlu tidak mempunyai

kepentingan diri dalam perusahaan pengangkutan dan juga kepentingan politik.

Walaupun ada kelewatan perlantikan Lembaga baru, permohonan-permohonan yang diterima terus juga diproses oleh Urusetia Lembaga. Kementerian ini akan menentukan supaya Lembaga yang baru ini mengadakan mesyuarat yang lebih kerap untuk menimbangankan permohonan-permohonan yang bertunggak itu.

**Tuan Gerard Math Lee Min:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa akibat kelewatan atau kelambatan melantik seorang Pengerusi sejak September, 1986 terdapat sebanyak lebih kurang 5,000 permohonan yang masih belum diproses termasuk lesen yang belum diperbaharui?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Perkara ini akan diselesaikan setelah Lembaga Pengarah dilantik.

## PROJEK PKEN-PKEN

**14. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa beberapa projek Perbadanan Kemajuan Negeri tidak dirancang dengan teliti sehingga beberapa projek kompleks perniagaan, perkedai, perumahan dan kawasan perindustrian terbengkalai tanpa permintaan. Kiranya sedar, apakah rancangan-rancangan Kerajaan supaya perkara ini tidak berlaku lagi pada masa yang akan datang dan pelaksanaannya pula menepati Dasar Ekonomi Baru.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, di antara projek-projek PKEN, memang ada sebilangan kecil yang telah tidak dirancang dengan teliti daya hidup

projek-projek itu. Ini telah menyebabkan ada di antaranya yang salah lokasi dan tidak mendapat pasaran. Tetapi pada keseluruhannya, projek-projek PKEN-PKEN telah diteliti dalam semua aspek-aspek yang wajar untuk mencapai kejayaan matlamat. Pada masa ini memang terdapat beberapa projek bagi pembangunan harta yang kekurangan permintaan. Masalah yang serupa juga dihadapi oleh sektor swasta terutama dalam keadaan kemelesetan ekonomi yang dialami oleh negara sekarang.

Untuk menentukan projek-projek berkenaan terus mendapat permintaan, usaha-usaha telah dan akan terus dilaksanakan melalui beberapa skim jualan dan galakan untuk memudahkan pembeli memiliki kemudahan perniagaan itu dan perumahan sesuai dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Di samping itu juga, semua PKEN telah pun diarah supaya tidak meneruskan dengan projek-projek baru di beberapa kawasan tertentu sehingga keadaan permintaan projek-projek tersebut mengizinkan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan berapa banyakkah kerugian yang dialami oleh Perbadanan Kemajuan Negeri akibat daripada beberapa projek yang tidak dapat pasaran. Yang kedua, apakah benar bahawa kalaulah ada Perbadanan Kemajuan Negeri yang melaksanakan projek perumahan misalnya, tetapi ianya tidak mendapat sambutan ataupun penepatan janji daripada pihak Perbadanan yang lain sedangkan projek itu dilaksanakan semata-mata untuk memenuhi ataupun diambil oleh Perbadanan yang tersebut. Misalannya, saya katakan bahawa Perbadanan Kemajuan Iktis Negeri Terengganu melaksanakan satu projek perumahan di kawasan Kerteh di mana janjinya

mahu diambil oleh PETRONAS. Tetapi apabila projek tersebut disediakan, projek perumahan tersebut tidak diambil oleh pihak PETRONAS. Apakah ini benar, dan kalaulah benar, apakah ianya tidak ada satu kordinasi yang baik di peringkat Persekutuan.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Mengenai soalan yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis kerana ini terlalu menghendaki detail-detail yang banyak;

Kedua, mengenai masalah projek perumahan di Kerteh, memang ada perkara ini berlaku dan pihak PKEN belum lagi putus harapan untuk berunding terus dengan pihak PETRONAS dan bagi pihak Kementerian akan mengusahakan supaya perundingan ini dapat mencapai kejayaan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat bercadang untuk menyelesaikan masalah penjualan ini untuk melaksanakan jualan lelong seperti yang dicadangkan oleh Kementerian Perumahan semalam untuk melakukan rumah-rumah dan juga kedai-kedai yang terbengkalai tadi.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Kalau cadangan dilelong rumah-rumah ini mungkin akan menyebabkan pasaran rumah menjadi rosak. Sebab itu kita tidak bercadang untuk melelong rumah-rumah tersebut tetapi kita mencari jalan-jalan yang sesuai untuk menjualkannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Zainal Abidin bin Johari.

*(Soalan No. 15 Y.B. Dato' Zainal Abidin bin Johari tidak hadir)*

**PERTUBUHAN PELADANG—  
KEMPEN TAMBAH AHLI**

**16. Tuan Mohd. Sharif bin Jajang** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) perkembangan dan kejayaan kempen menambah ahli dan saham Pertubuhan Peladang dan berapakah jumlah pertambahan ahli dan saham; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Menteri untuk memastikan tidak ada persaingan antara agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dengan Pertubuhan Peladang di semua peringkat.

12-3-1987

**18. Tuan Douglas Uggah Embas** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa jumlah keluarga petani telah menyertai pertubuhan peladang di seluruh negara sehingga Disember 1966; dan
- (b) apakah langkah Kementerian untuk menggalak ramai lagi petani menyertai pertubuhan peladang.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta izin menjawab soalan daripada Yang Berhormat dari kawasan Betong bersama-sama dengan soalan ini oleh kerana soalan ini seolah-olah serupa. Soalan Ahli Yang Berhormat dari Betong ini pada 12hb Mac, 1987 ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, usaha menggalak penambahan ahli dan saham ahli-ahli pertubuhan-pertubuhan peladang dijalankan secara berterusan. Walau bagaimanapun, kempen penambahan ahli dan saham ahli secara rasmi telah dilancarkan untuk peringkat

Kebangsaan pada 10hb November, 1986. Sebagai susulan kepada pelancaran kempen itu, usaha yang sama juga telah dan sedang dilaksanakan di peringkat negeri-negeri dan kawasan-kawasan. Oleh itu pada masa ini adalah terlalu awal bagi menjangkau pencapaian kempen tersebut. Walau bagaimanapun, keahlian dan jumlah saham ahli bagi tempoh sepanjang tahun 1985 dan menunjukkan pertambahan. Bilangan ahli pertubuhan peladang kawasan sehingga akhir Disember 1986 telah meningkat kepada 287,666 orang iaitu pertambahan 5.4% berbanding dengan jumlah bilangan pada akhir tahun 1985. Jumlah saham ahli juga telah meningkat sebanyak \$573,411.00 atau 7.73%, iaitu \$7,985,147.00 daripada \$7,411,736.00.

Di peringkat LPP, kita telah wujudkan jawatankuasa-jawatankuasa penyelarasan dengan agensi-agensi di bawah Kementerian seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, MARDI, Bank Pertanian Malaysia, FAMA, LKIM/Perikanan dan juga dengan agensi-agensi lain yang berkaitan kegiatan pertubuhan peladang seperti LPN, FELCRA, Bahagian Industri Kampung (Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan), KEMAS dan Jabatan Pembangunan Koperasi. Menerusi Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut, LPP dapat mengemukakan isu-isu berkaitan dengan kegiatan dan program pertubuhan peladang yang perlu diselaraskan dengan kegiatan agensi-agensi berkenaan. Dengan cara demikian dapat mengelakkan berlakunya persaingan. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut bukan sahaja diwujudkan di peringkat Ibu Pejabat, bahkan juga diadakan di peringkat negeri.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam Lembaga Pertubuhan Peladang ini, berapa peratuskah yang diperuntukkan untuk ahli-ahlinya?

Dan yang keduanya, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa tidak berlaku penyelewengan di dalam pertubuhan tersebut?

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon notis bagi soalan Yang Berhormat itu yang pertama tadi, oleh kerana kegiatan para persatuan peladang ini ada banyak dan juga kita ada memperuntukkan berbagai anggaran untuk perkhidmatan itu.

Itulah sebabnya kita menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa yang disebutkan tadi supaya mengawasi serta menyelidiki kesulitan dan penyelewengan yang mungkin berlaku di dalam bidang tersebut.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa kempen untuk menambahkan ahli pertubuhan peladang kawasan telah berlarutan beberapa tahun yang lampau sehingga masa kini. Dan saya difahamkan bahawa dari sudut kekesanan kempen ini difahamkan bahawa penyertaan ini ataupun penglibatan pemuda-pemuda ataupun pemudi-pemudi dalam melibatkan diri sebagai ahli pertubuhan peladang adalah sangat berkurangan. Oleh yang demikian, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah usaha-usaha Kementerian untuk menggalakkan kaum-kaum pemuda dan juga pemudi ini untuk melibatkan diri dalam pergerakan ini sebagai pelapis dan juga mengurangkan penghijrahan daripada luar bandar ke bandar?

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang, pihak saya sendiri belum dapat memberi jawapan yang begitu tepat terhadap begitu sedikitnya para pemuda-pemudi yang melibatkan diri dalam bidang ini, tetapi saya memberitahu kepada Yang Berhormat, saya akan

meneliti perkara ini dengan teliti supaya saya dapat memberi penjelasan yang lebih jelas lagi kepada beliau dan juga nampaknya Tuan Yang di-Pertua, sekarang oleh kerana para muda-mudi sukar mendapat kerja yang lebih baik seperti dahulu dalam Jabatan Kerajaan, mereka sekarang sudah mulai mencari bidang tanah yang sesuai untuk diusahakan oleh beberapa ahli-ahli iaitu muda-mudi yang sudah graduate ataupun yang sudah tamat pelajaran tinggi. Saya yakin juga bukan hanya ini memberi gaiakan kepada para graduates yang lepas daripada universiti yang tidak dapat pekerjaan dengan Kerajaan, bahkan juga menjadi contoh bagi muda-mudi kita yang diam di kampung supaya tidak berhijrah ke bandar untuk mengusahakan tanah-tanah mereka supaya mendapat hasil yang lebih mewah lagi.

## PENGALIRAN WANG KE LUAR NEGERI

**17. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab pengaliran wang yang tinggi ke luar negeri oleh rakyat Malaysia bagi pelaburan di luar negeri ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ini bagi menggalakkan rakyat Malaysia melabur di negeri sendiri.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia mengamalkan sistem kawalan pertukaran wang asing yang liberal. Ini membolehkan rakyatnya membawa keluar modal secara bebas dari negara kita ini untuk pelbagai tujuan termasuklah pelaburan. Para pelabur asing juga bebas membawa masuk modal dan melabur di sini.

Pengaliran wang ke luar negeri mungkin telah meningkat sedikit pada tahun-tahun yang lepas disebabkan

oleh kemerosotan ekonomi negara kita ini. Tetapi oleh kerana keadaan ekonomi negara telah bertambah baik dan kini telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan, keyakinan pelaburan telah kembali di kalangan para pelabur asing. Maklumat-maklumat terbaru ini telah menunjukkan bahawa pengaliran wang keluar telah juga berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing dan tempatan untuk melabur di negara kita ini. Di antara langkah-langkah ini termasuk melonggarkan peraturan pelesenan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 dan peraturan Jawatankuasa Pelaburan Asing dan syarat-syarat ekuiti asing.

Di samping itu Kerajaan telah meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 untuk menggalakkan lebih banyak lagi pelaburan dalam negara ini dengan memberi insentif-insentif yang lebih menarik. Bayaran-bayaran terhadap penggunaan kemudahan-kemudahan awam, seperti perkhidmatan elektrik, perkhidmatan telefon dan teleks oleh perusahaan-perusahaan telah dikurangkan supaya kos perniagaan di Malaysia dapat direndahkan lagi. Kerajaan juga telah menubuhkan Tabung Pelaburan Baru bernilai \$1,000 juta bagi membantu pelabur-pelabur membiayai pelaburan mereka dalam sektor-sektor pertanian, perkilangan, pelancongan dan perlombongan.

Di samping itu, Kerajaan juga telah melonggarkan syarat-syarat pertukaran wang asing supaya memudahkan lagi aliran masuk modal ke negara kita ini dan mudahtunai sistem kewangan negara telah ditingkatkan dengan melonggarkan syarat-syarat mudahtunai dan berkanun bank-bank perdagangan.

Kadar faedah pinjaman asas bank-bank perdagangan juga telah diturunkan dan berkuatkuasa mulai 1hb Februari, 1987.

Oleh itu institusi-institusi kewangan dapat meminjamkan lebih banyak wang kepada sektor swasta, terutamanya pelabur-pelabur tempatan dengan kos pinjaman yang lebih rendah. Umpamanya Bank Kemajuan telah menyediakan kemudahan kredit untuk kegiatan perkapalan dan industri berteknologi tinggi. Manakala Bank Pembangunan dan MIDF, masing-masing telah menyediakan kemudahan kredit untuk industri kecil dan sektor perkilangan. Kerajaan juga telah memperkenalkan syarat-syarat yang lebih menarik di bawah Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport bagi membantu pengeksport-pengeksport dalam pembiayaan eksport mereka.

Oleh itu dengan adanya langkah-langkah tersebut ekonomi Malaysia telah bertambah baik dan keyakinan para pelabur terhadap ekonomi negara kita ini pun telah meningkat semula. Kemasukan modal asing ke negara ini dijangka akan bertambah. Langkah-langkah ini juga akan menggalakkan lebih banyak rakyat Malaysia untuk melabur di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukaulah saya nyatakan langkah-langkah untuk mengukuhkan ekonomi tidaklah terhad kepada menggalakkan pelaburan tempatan sahaja tetapi juga adalah untuk menarik pelabur-pelabur asing.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa salah satu daripada sebab mengapa pengaliran wang yang tinggi keluar dari negara kita oleh rakyat Malaysia ke negara-negara lain adalah kerana kemerosotan ekonomi. Tetapi selepas mendengar satu gambaran

yang begitu indah yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin dapat tahu sama ada rakyat Malaysia yang sudah pun membawa keluar wang daripada Malaysia sekarang dengan senarai kemudahan-kemudahan yang telah disenaraikan tadi itu sama ada mereka sudah pun membawa balik wang yang telah dibawa keluar? Kalau tidak, tidakkah itu menunjukkan bahawa rakyat Malaysia masih tidak mempunyai keyakinan terhadap pucuk pimpinan kerana itulah timbulnya krisis keyakinan.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, adalah susah bagi Kementerian Kewangan untuk mengasingkan wang yang diperolehi oleh rakyat Malaysia yang telah melabur di luar negeri balik kembali ke negara kita ini tetapi sebagai tunjuk kepada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh bahawa langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan telah menunjukkan keberkesanan.

Jadi, di sini saya ingin menyatakan bahawa bagi tahun 1985 aliran keluar kasar pelaburan adalah \$3,134 juta. Dan aliran masuk bagi tahun serupa adalah \$1,688 juta tetapi bagi tahun 1986 aliran keluar kasar pelaburan adalah \$2,949 juta.

Dan bagi tahun yang sama aliran masuk kasar pelaburan ini ialah \$2,097 juta. Jadi, nampaknya perbezaan telah bertambah kecil. Dengan ini adalah tanda baik bahawa bukanlah hanya pelabur-pelabur asing masuk ke dalam negara kita ini dan juga pelabur-pelabur rakyat sendiri kita mungkin telah balik kembali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 15 dan 18 hingga 89 adalah diberi di bawah ini).*

## UNDANG-UNDANG ISLAM

**1. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Perdana Menteri menyatakan apakah undang-undang Islam (hukum sebat) seperti dilaksanakan di Kelantan terhadap mereka yang melakukan zina dan meminum arak di khalayak ramai akan diselaraskan kepada semua negeri dan bilakah akan dilaksanakan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Saya mohon keizinan untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Pagoh pada 13-3-87 dan Yang Berhormat daripada Bachok pada tartkh yang sama kerana soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan mempunyai maksud dan tujuan yang sama.

Sememangnya menjadi hasrat Kerajaan untuk menyeragamkan undang-undang pentadbiran hukum syarak di negara ini dan menyelaraskan pelaksanaannya. Kanun Jenayah Syariah 1985 yang dikuatkuasakan di negeri Kelantan itu adalah telah digubal berpandukan perakuan Jawatankuasa Mengkaji Kadar Hukuman Bagi Kesalahan Jenayah Syariah yang telah ditubuhkan di Bahagian Hal Ehwal Islam dalam tahun 1983 oleh Persidangan Ketua-ketua Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri. Perakuan itu juga dijadikan panduan oleh pihak-pihak berkuasa agama Islam negeri dalam usaha yang sedang dilaksanakan bagi meminda Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak negeri masing-masing. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak adalah undang-undang negeri dan bukan undang-undang persekutuan. Oleh itu terserahlah kepada pihak berkuasa Kerajaan

Negeri untuk memutuskan bilakah enakmen yang demikian akan dikuatkuasakan.

Dalam hubungan ini, Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah ditubuhkan oleh Majlis Raja-raja pada tahun 1968. Salah satu tugas Majlis Kebangsaan ini ialah "memberi nasihat kepada Majlis Raja-raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri atas apa-apa perkara berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran agama Islam dan pelajaran agama Islam dengan tujuan hendak memperbaiki, menyamakan atau menggalak persamaan undang-undang atau pentadbiran". Bidang tugas Majlis yang saya sebutkan tadi itu sekali gus menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai tumpuan penyelarasan iaitu untuk memperbaiki dan mensekukan undang-undang. Langkah-langkah yang telah diambil adalah dalam dua aspek. Pertama aspek undang-undang. Dalam aspek ini Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak negeri-negeri telah dan sedang dikaji semula menuju ke arah penyeragaman. Aspek kedua ialah pentadbiran. Dalam aspek ini langkah yang telah diambil ialah menyusun semula organisasi mahkamah syariah dan sistem pentadbirannya dan mengadakan skim latihan bagi kadi-kadi. Di samping itu usaha-usaha sedang giat dibuat untuk mengada dan mensekukan peraturan dan kaedah perjalanan mahkamah dan prosedur kerja bagi kadi-kadi dalam mengendalikan kes-kes.

Satu lagi aspek penyelarasan ialah fatwa. Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Fatwa Peringkat Kebangsaan. Melalui Jawatankuasa ini masalah fatwa-fatwa dibincang terlebih dahulu untuk diselaraskan.

## INSIDEN BERKHATAN SHAHFUR DI HOSPITAL IPOH

**15. Dato' Zainol Abidin bin Johari** minta Menteri Kesihatan menyatakan insiden berkhatan kanak-kanak yang bernama SHAHFUR di rumah sakit Ipoh yang menyebabkan terpotong sebahagian kecil kemaluannya.

- (a) apakah tindakan diambil ke atas kecuaiannya tersebut; dan
- (b) adakah langkah kawalan dibuat, supaya perkara seperti itu tidak berulang lagi.

### Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):

- (a) Tindakan tatatertib sedang diambil oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri Perak ke atas kakitangan-kakitangan yang cuai.
- (b) Kementerian telah sekali lagi mengeluarkan arahan kepada semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri untuk memastikan supaya peraturan-peraturan seperti berikut dipatuhi dengan sepenuhnya dalam urusan berkhatan—
  - (i) Hanya Pembantu-pembantu Perubatan yang diberi latihan dalam pembedahan berkhatan dan berpengalaman dibenar menjalankan pembedahan berkhatan;
  - (ii) Pengawasan yang rapi diadakan ke atas Pembantu-pembantu Perubatan semasa mereka membuat kerja-kerja berkhatan; dan
  - (iii) Hanya teknik-teknik pembedahan berkhatan yang selamat digunakan.

## CUKAI PERNIAGAAN

**18. Tuan Abdul Mulok Awang Damit** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilakah penurunan cukai perniagaan di Wilayah Persekutuan Labuan akan dikuatkuasakan.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan penurunan lesen operasi perniagaan yang berkuatkuasa mulai daripada 1 Januari, 1986, dan urusan pengwartaan sedang dibuat untuk melaksanakannya. Walau bagaimanapun, sekiranya ada pembayaran lebih yang perlu dibuat oleh pemilik lesen setelah kadar baru diwartakan, maka wang tersebut akan dibayar balik kepada pemilik lesen berkenaan.

## ZAKAT—PENYELARASAN

**19. Tuan Mohammed Yusof bin Abdul Latiff** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) mengenai penyelarasan zakat di seluruh negara, adakah perkara ini telah dilaksanakan dan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai; dan
- (b) sehingga hari ini sudahkah akta zakat digubal.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:**

- (a) Penyelarasan zakat di seluruh negara belum dilaksanakan.
- (b) Draf Akta Zakat telah pun siap digubal.

## SEKOLAH SWASTA— KEMASUKAN PENUNTUT

**20. Tuan Maidon bin Pansai** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan sedar dengan masalah yang dihadapi oleh para penuntut yang menuntut di sekolah persendirian

seperti sekolah anjuran "The Seventh Day Adventist" kerana tidak diterima untuk pindah bersekolah di sekplah Kerajaan. Kalau sedar, tidakkah Kerajaan dapat bertolak ansur dalam perkara ini demi untuk memberi peluang kepada para penuntut yang ingin melanjutkan persekolahan di sekolah Kerajaan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Kemasukan penuntut dari sekolah swasta ke sekolah Kerajaan adalah tertakluk kepada beberapa syarat seperti had umur, kelayakan dan kekosongan tempat di sekolah Kerajaan yang dipohon. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran bersedia memberi pertimbangan kepada sesuatu permohonan jika ianya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan itu.

## BERAS YANG DISERANG ULAT—JUALAN

**21. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar yang dalam bulan Februari tahun ini, semua beras yang dijual di seluruh Sabah telah dijangkiti ulat dan serangga, mengapakah ini berlaku, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya untuk mengatasi masalah demikian di masa depan.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Saya memphon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat yang sama atas perkara yang sama yang dijadual dijawab pada 20 Mac 1987.

Kementerian ini sedar bahawa terdapat beras yang diserangi ulat dan serangga telah dipasarkan dalam bulan Februari 1987 di Sabah. Jumlah beras tersebut adalah sebanyak 500 tan metrik sahaja dan dikeluarkan dari gudang LPN Likas. Beras ini telah seterusnya dijual oleh peruncit-peruncit di kawasan Kota Kinabalu

dan kawasan pendalaman iaitu Keningau dan Ranau. Beras sebanyak 500 tan metrik tersebut hanya merupakan sebahagian kecil sahaja, iaitu 5% daripada jumlah beras yang dipasarkan oleh LPN Sabah setiap bulan. Oleh itu tidaklah benar dakwaan Yang Berhormat bahawa semua beras yang dijual dalam bulan Februari 1987 dijangkiti oleh ulat dan serangga dan tidaklah juga benar bahawa beras yang dijangkiti itu telah dijual di seluruh Sabah.

Berkait dengan mengapa beras tersebut dijangkiti ulat dan serangga, adalah dimaklumkan bahawa beras itu ialah sebahagian daripada beras sebanyak 3,090 tan metrik yang disusun di dalam satu stek. Selain daripada beras sebanyak 500 tan metrik tersebut, beras lain dalam stek itu tidak dijangkiti oleh ulat atau serangga. Dengan demikian, apabila beras dikeluarkan daripada stek tersebut, kedua-dua beras yang dijangkiti dan tidak dijangkiti telah dikeluarkan.

Ekoran kepada kejadian tersebut, LPN telah mengambil tindakan menentukan bahawa hanya beras yang baik sahaja dijual kepada pemborong-pemborong dan beras yang dijangkiti serangga dibersihkan semula terlebih dahulu sebelum dijual.

#### NILAI MATAWANG US DI PASARAN ANTARABANGSA

**22. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Kewangan menyatakan apa kesan baik dan buruk terhadap Negara-negara

Asean yang membangun, khususnya Negara kita, apabila nilai matawang US turun dan matawang Jepun meningkat, terangkan:

- (a) sejauh manakah ia akan melibat perdagangan antarabangsa Malaysia;
- (b) keuntungan dan kerugian bagi pengimportan dan pengeksportan Negara kita; dan
- (c) tambahan atas hutang-hutang Negara.

#### Tuan Loke Yuen Yow:

- (a) Walaupun nilai matawang AS telah turun di pasaran antarabangsa nilai ringgit telah jatuh terhadap nilai dolar Amerika Syarikat pada tahun 1986. Nilai ringgit juga telah menurun terhadap yen Jepun dalam tempoh yang sama. Kejatuhan nilai ringgit telah menjadikan eksport Mataysia kepada Amerika Syarikat dan Jepun lebih murah. Dengan itu eksport imbalan perdagangan (trade balance) di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat dan Jepun telah meningkat, walaupun kejatuhan nilai ringgit telah menjadi import-import Malaysia dari kedua-dua negeri itu lebih mahal.

Imbalan perdagangan Malaysia dengan Amerika Syarikat dan Jepun adalah seperti berikut:

#### Arah Perdagangan (\$ juta)

		Amerika Syarikat			Jepun		
		<i>Eksport</i>	<i>Import</i>	<i>Imbalan Perdagangan</i>	<i>Eksport</i>	<i>Import</i>	<i>Imbalan Perdagangan</i>
1985	.. ..	4,891.0	4,627.3	+263.7	9,272.0	7,006.0	+2,266.0
1986	.. ..	5,934.7 (+21,3%)	5,264.7 (+13.8%)	+670.0	8,115.4 (-12.5%)	5,738.2 (-18.1%)	+2,377.2

Perangkaan dalam kandungan adalah peratus perubahan dalam tahun 1986 berbanding dengan tahun 1985.

(b) Dari segi kesan ke atas hutang-hutang negara, penurunan nilai ringgit terhadap matawang Amerika Syarikat tidak membawa kesan yang begitu buruk kepada Malaysia. Ini adalah kerana Malaysia telah membayar dahulu (pre-paid) beberapa pinjaman dolar Amerika Syarikat dalam tahun 1985. Ini adalah kesan penyusunan semula pengurusan profail hutang Kerajaan, Sebaliknya peningkatan nilai yen telah menambah pembayaran pokok serta pembayaran faedah atas pinjaman-pinjaman Malaysia

dalam tahun 1986. Jumlah pembayaran pokok dan pembayaran faedah atas pinjaman yen telah bertambah sebanyak \$480.08 juta dalam tahun 1986 akibat daripada kenaikan nilai yen. Pertambahan ini tidaklah begitu banyak kerana jumlah pinjaman Yen Malaysia merupakan hanya 21% daripada jumlah pinjaman-pinjaman asing negara kita. Jumlah pembayaran pokok dan faedah atas pinjaman luar dalam dolar Amerika Syarikat dan yen Jepun adalah seperti yang berikut:

#### Hutang Kerajaan Persekutuan

	<i>Pinjaman \$ Amerika Syarikat</i>		<i>Pinjaman Yen</i>	
	<i>1985</i>	<i>1986</i>	<i>1985</i>	<i>1986</i>
(a) Bayaran Pokok (M\$ juta)	5,916.45	1,241.24	244.71	399.43
(b) Bayaran Faedah (M\$ juta)	2,027.83	1,502.33	400.00	725.36
Jumlah ..	5,820.23	2,743.57	644.71	1,124.79

#### KOPERASI PENGAMBILAN DEPOSIT—NAMA PEMINJAM

**23. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa Bank Negara tidak menunai janjinya untuk mengumumkan senarai nama peminjam-peminjam 24 Koperasi Ambil Deposit, pengumuman yang sedemikian akan menolong mendapat balik jumlah wang yang besar yang dihutang oleh mereka kepada koperasi-koperasi itu.

**41. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan hendak mengumumkan senarai nama peminjam-peminjam yang meminjam wang berjuta-juta ringgit daripada 24 buah koperasi

penerimaan wang berlesen; jika ya, bilakah ia akan diumumkan; jika tidak, mengapa.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Saya mohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Seputeh (soalan no. 41), kerana pertanyaan itu adalah sama maksudnya.

Saya sedar bahawa Bank Negara telah didesak untuk mengeluarkan senarai nama peminjam-peminjam besar Koperasi Pengambilan Deposit supaya peminjam-peminjam ini membayar balik pinjaman yang diambil oleh mereka sebanyak yang boleh, untuk dipulangkan kepada pendeposit-pendeposit. Walau bagaimanapun, sebelum nama

peminjam-peminjam yang gagal membayar balik pinjaman itu dapat dikeluarkan, Bank Negara haruslah terlebih dahulu memenuhi tanggungjawab moralnya dan ia hendaklah dibuat dengan ikhlas tanpa niat jahat.

Bank Negara telah pun mengarahkan penerima Koperasi Pengambilan Deposit supaya menulis kepada semua peminjam-peminjam meminta mereka mengesahkan pinjaman yang diambil, mengkaji semula ketepatan semua pinjaman yang dikeluarkan oleh koperasi Pengambilan Deposit dan juga meminta peminjam-peminjam yang gagal membayar balik pinjaman supaya membayar balik pinjaman-pinjaman yang tertangguh, dengan segera. Penerima juga telah diminta mengambil tindakan undang-undang untuk mendapat balik pinjaman yang tidak dibayar balik (non-performing loans).

Selepas daripada langkah-langkah tersebut diambil, senarai peminjam-peminjam yang gagal membayar balik pinjaman, setelah mereka yang berkenaan dihadapkan ke mahkamah, akan dikeluarkan untuk pengetahuan orang ramai.

#### **PANGKALAN TENTERA UDARA GONG KEDAK— PEMBINAAN**

**24. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Pertahanan menyatakan kemajuan yang dicapai dalam pembinaan Pangkalan Tentera Udara Hadapan Gong Kedak di Perlis yang dikatakan telah pun ditangguhkan dan nyatakan jumlah wang yang dibelanjakan setakat ini dalam ini. Adakah Kerajaan sedar bahawa dengan menangguhkan projek ini, keselamatan negara kita adalah terancam.

**Menteri Pertahanan (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas yang dijadualkan pada 13hb Mac, 1987 kerana kedua-dua soalan ini bertanyakan perkara yang lebih kurang sama.

Sebenarnya Pangkalan Tentera Udara Gong Kedak bukanlah terletak di Negeri Perlis sebagaimana yang ditahamkan oleh Yang Berhormat dari Rasah itu jawapan saya ini tertumpu pada Gong Kedak di Negeri Kelantan.

Projek TUDM Gong Kedak di Kelantan tidak ditangguhkan sebagaimana yang difahami oleh Ahli Yang Berhormat itu tetapi ianya akan diteruskan oleh Kerajaan. Namun begitu perlaksanaannya terpaksa diperlahankan akibat kemelesetan ekonomi yang kita hadapi sekarang. Pelaksanaan projek ini akan dijalankan secara berperingkat dan bergantung kepada keadaan ekonomi negara semasa. Perbelanjaan bagi kos Pengambilan balik tanah dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan sehingga hari ini ialah \$38.6 juta. Namun begitu kelewatan menyiapkan Pangkalan TUDM Gong Kedak ini tidak akan menjejaskan keselamatan negara buat masa ini. Rancangan jangka panjang pangkalan yang sedang dibina ini adalah untuk dijadikan Pusat Latihan Tentera Udara. Buat ketika ini Pusat-pusat Latihan yang sedia ada masih mampu menampung keperluan latihan TUDM.

#### **INDUSTRI KECIL- PEMBANGUNAN**

**25. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan betapa pentingnya pembangunan industri kecil baik di bandar mahupun di luar bandar, apakah satu dasar yang comprehensive mengenainya merupakan suatu kehendak yang

kemuncak pada masa ini, adakah pihak Kementerian sedar bahawa agensi-agensi pengawal (regulatory agencies) seperti MDKY dan Majlis Bandaraya terpaksa menggunakan standards dan spesifikasi industri berat untuk menimbang permohonan membangun industri kecil dan sederhana, di dalam ketiadaan sesuatu dasar industri kecil.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Buat masa ini sememangnya tidak ada satu dasar yang khusus mengenai pembangunan perusahaan kecil dan sederhana di negara kita. Oleh yang demikian, satu saranan supaya diadakan satu dasar pembangunan sektor ini yang menyeluruh akan dikemukakan kepada Kerajaan bagi memastikan arah tujuan pembangunan sektor ini. Perakuan untuk mengadakan dasar ini adalah selaras dengan perakuan Pelan Induk Perindustrian yang menekankan supaya sektor ini diambilkira bersama-sama dengan pembangunan perusahaan besar terutamanya dari segi pertaliannya (linkages) sebagai industri sokongan kepada industri besar.

Perakuan yang akan dikemukakan kepada Kerajaan itu adalah meliputi semua aspek berhubung dengan pembangunan sektor ini dan juga perusahaan sederhana termasuk aspek-aspek "regulatory".

#### AKTA ZAKAT GUBALAN

**26. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sebarang kajian pernah dibuat supaya wang simpanan milik orang-orang yang beragama Islam di negara ini yang terdapat di dalam berbagai Yayasan seperti ASN, EPF, Bank-bank dan lain-lain dapat dikeluarkan zakatnya; jika ada apakah perkembangannya dan jika tidak mengapa.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Kajian dari segi hukum telah dibuat oleh Jawatankuasa Pemandu Zakat Kebangsaan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menggubal Akta Zakat yang antara lain memperuntukkan perkara-perkara berkait dengan zakat syarikat, zakat pinjaman dan zakat saham. Apabila akta itu dikuatkuasakan kelak yaysan-yaysan dan institusi-institusi yang ada menyimpan wang orang Islam di negara ini bolehlah menguruskan sistem pembayaran zakat berdasarkan panduan dan peraturan dalam akta tersebut.

#### PEGAWAI AWAM MENJALANKAN KERJA LUAR—KEBENARAN

**27. Dr V. David** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bolehkah seorang kakitangan Kerajaan (sama ada dalam perkhidmatan tadbir, perkhidmatan mengajar atau universiti-universiti) dilantik bekerja secara sambil masa oleh Kerajaan pada waktu kerja rasminya yang bergaji; dan
- (b) adakah patut dan bertepatan bagi sesebuah institusi awam (dalam hal ini Institut Teknologi MARA) menggunakan perkhidmatan kakitangan secara sambilan untuk mengajar sepanjang dua puluh jam seminggu dengan kadar gaji \$50.00 sejam, dan bolehkah kakitangan separuh masa ini mendapat gaji sebanyak \$4,000.00 sebulan, walaupun Kerajaan menyedari masalah pengangguran yang dihadapi oleh beratus-ratus mahasiswa yang mencari pekerjaan sepenuh masa dengan gaji rendah sebanyak \$1,000.00 sebulan sahaja.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad):** Perintah Am 5 (1), Bab "D" 1980 menyatakan seseorang pegawai awam tidak dibenarkan menjalankan pekerjaan luar. Walau bagaimanapun, Perintah Am 5 (2) Bab "D" 1980 menyatakan seseorang pegawai boleh memohon kebenaran daripada Ketua Jabatannya untuk menjalankan pekerjaan luar sepertimana dinyatakan di Perintah Am 5 (1) Bab "D" 1980 bagi faedah dirinya atau faedah saudara mara yang dekat atau bagi mana-mana badan yang bukan mencari keuntungan yang ia adalah pemegang jawatannya.

Soalan sama ada patut atau tidak sesebuah institusi awam menggunakan tenaga sambilan adalah bergantung kepada keperluan institusi berkenaan. Dalam hal Institut Teknologi MARA (ITM), pensyarah-pensyarah sambilan yang digunakan adalah terdiri dari pensyarah-pensyarah tetap ITM, universiti-universiti, pihak swasta, pegawai-pegawai yang telah bersara dan siswazah yang menganggur. Mereka ini mempunyai pengalaman yang luas dan kelulusan yang sesuai. Kadar bayaran untuk syarahan ialah \$50.00 sejam dan kadar bayaran untuk tutorial ialah \$25.00 sejam. Hanya sebilangan kecil daripada mereka ini mungkin memperoleh \$4,000.00 sebulan jika tidak ada cuti kelepasan am. Mereka itu semuanya terdiri dari pensyarah-pensyarah sambilan yang telah bersara ataupun yang tidak mempunyai pekerjaan tetap. Perlu ditegaskan pensyarah-pensyarah tetap ITM dan universiti membuat kerja sambilan ini di luar waktu pejabat dan biasanya di waktu malam.

**POLICE DIVISIONAL  
OFFICE—TARAF**

**28. Tuan Joe Ojihin Supiring** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah taraf, Daerah untuk layak dijadikan sebagai Police Divisional Office; dan

- (b) Pejabat Polis Kudat merangkumi tiga Daerah dan satu Sub-district, iaitu Daerah Kudat, Pitas, Kota Marudu dan Sub-district Banggi. Adakah taraf kedaerahan ini layak untuk dijadikan Divisional Office, jika layak bilakah Kementerian ini akan menjadikan Pejabat Polis Kudat sebagai Divisional Office.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menentukan sesebuah daerah polis itu layak dijadikan sebagai bahagian (division), faktor-faktor berikut perlu diambilkira iaitu:

- (i) Luas kawasan;
- (ii) Jumlah penduduk serta kadar pertambahan;
- (iii) Perkembangan sosio-ekonomi;
- (iv) Kadar peningkatan jenayah; dan
- (v) Butir-butir lain seperti perseimbangan kawasan dengan pentadbiran am dan kuasa-kuasa tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dari kajian telah dijalankan mendapati bahawa masanya belum tiba untuk menjadikan Kudat serta kawasan sekitarnya sebagai satu Bahagian Polis kerana kedudukan sekarang adalah mencukupi.

**JALAN RAYA BEAUFORT/  
SINDUMIN**

**29. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah Kementerian Kerja Raya akan memperbaiki jalan raya yang menghubungkan Beaufort dengan Sindumin memandangkan kian

bertambah bilangan pengguna-pengguna yang menggunakan jalan raya ini tiap-tiap hari.

**Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Vellu):** Kerajaan memang bercadang untuk menaikkan taraf jalan raya Beaufort/Sindumin. Buat masa sekarang rekabentuk jalan tersebut telah pun siap dan proses prakelayakan kontraktor telah juga siap. Walau bagaimanapun projek ini ditangguhkan buat sementara disebabkan oleh kekurangan peruntukan.

### KEDUDUKAN EKONOMI MELAYU DALAM KEMELESETAN

**30. Tuan Zubir bin Embong** minta Perdana Menteri menyatakan usaha-usaha berkesan dan langkah-langkah konkrit Kerajaan di dalam menolong membantu dan mempertingkatkan kedudukan ekonomi kaum Melayu yang ternyata telah begitu jauh merosot berlaku secara mendesak dalam keadaan negara mengalami kemelesetan ekonomi yang getir.

*11-3-1987*

**75. Tuan R. Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan apa langkah yang sedang diambil untuk meringankan kesusahan yang dihadapi oleh rakyat disebabkan oleh keadaan ekonomi yang merosot pada masa sekarang.

**Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman:** Saya meminta izin untuk menjawab soalan ini dan soalan daripada Ahli Yang Berhormat Tuan Karpal Singh pada 11 Mac, 1987 secara sekaligus oleh kerana kedua-dua soalan ini adalah berkaitan.

Kemelesetan ekonomi yang dialami oleh banyak negara termasuk negara kita khususnya sejak tahun 1985, telah menjejaskan pencapaian ekonomi semua kaum di berbagai sektor.

Kejatuhan harga barangan utama, umpamanya telah menjejaskan kedudukan Sosio-Ekonomi golongan pekebun-pekebun luar bandar sementara pengurangan permintaan menyebabkan peluang-peluang perniagaan di kawasan bandar khususnya menjadi semakin ketat dan mencabar.

Menyedari kesan-kesan ini, Kerajaan telah menyusun strategi dan langkah-langkah positif untuk mengatasinya, khususnya meringankan kesan terhadap golongan berpendapatan rendah. Pada asasnya, strategi Kerajaan terkandung dalam langkah-langkah anti-kemelesetan dalam berbagai sektor yang sedang dirancang dan dilaksanakan. Langkah-langkah tersebut, antara lain, bertujuan untuk mewujudkan tebih banyak peluang-peluang pekerjaan dan meningkatkan kegiatan-kegiatan ekonomi di kawasan bandar dan luar bandar serta meninggikan berbagai peluang pendapatan. Program-program seperti pengusahaan tanah terbiar, perbagaian tanaman, pembangunan potensi industri kecil-kecilan serta lain-lain kegiatan luar kebun telah berjalan dan akan terus dikekalkan. Langkah-langkah ini akan memberi faedah kepada semua rakyat. Tetapi rakyat sendiri mestilah sedia menyambut peluang-peluang ini dan sanggup bekerja lebih keras untuk menjayakan tujuan-tujuan tersebut.

Antara langkah-langkah khusus yang telah dilaksanakan ialah:

- (i) Program pembinaan rumah kos rendah sebanyak 240,000 unit bagi tempoh 3 tahun, program bekalan air luar bandar serta program pembinaan lebuhraya dan kerja-kerja pembaikan yang akan menggunakan lebih banyak bahan-bahan tempatan dan seterusnya memerlukan banyak tenaga pekerja tempatan.

- (ii) Di kalangan peneroka, FELDA telah melaksanakan Skim Pendahuluan Pendapatan yang dapat membantu peneroka menerima pendapatan bulanan sebanyak \$250 untuk penoreh getah dan \$350 untuk peneroka kelapa sawit. Setakat ini FELDA telah membelanjakan sebanyak \$61.5 million dan memberi faedah kepada seramai 42,300 peneroka.
- (iii) Bagi pekebun kecil kelapa, FAMA telah melaksanakan Program Sokongan Harga bagi membantu mereka mendapat pendapatan melebihi kos pengeluaran.
- (iv) Untuk menambah peluang-peluang pekerjaan khasnya di sektor pertanian, Kerajaan telah mengenalpasti tanah-tanah yang sesuai bagi kegiatan-kegiatan seperti tanaman pisang, ternakan udang dan ikan serta "integrated farming". Kegiatan-kegiatan luar ladang juga dijalankan untuk meningkatkan lagi pendapatan petani-petani.
- (v) Bagi kawasan bandar, khasnya sektor perniagaan, syarikat-syarikat dan usahawan-usahawan termasuk Bumiputera sentiasa digalakkan mencari dan mendapatkan peluang-peluang perniagaan di sektor swasta memandangkan peluang-peluang perniagaan di sektor Kerajaan adalah semakin terhad.
- (vi) Untuk membantu peniaga-peniaga kecil khasnya, Kerajaan akan berusaha melonggarkan syarat-syarat untuk mendapatkan lesen perniagaan. Sementara itu, lebih banyak pasar-pasar malam dan pasar tani akan diadakan oleh Majlis-majlis Perbandaran/Tempatan.
- (vii) Kempen membeli barangan buatan tempatan telah juga dijalankan dan ini secara tidak langsung membantu syarikat-syarikat dan usahawan-usahawan di negara ini memasarkan keluaran mereka.
- (viii) Kerajaan juga telah dan akan menggerakkan semula industri kampung dan industri perusahaan kecil. Untuk tujuan ini, kawasan dan bantuan serta bimbingan akan terus disediakan oleh Kerajaan untuk pembangunan sektor tersebut secara berkelompok sementara Skim Kilang Bimbingan akan diperluaskan lagi untuk membantu khasnya golongan Bumiputera menambahkan pendapatan.

#### JAMBATAN MERINTANGI SUNGAI IJOK

**31. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada FELCRA akan mendirikan sebuah jambatan merintang di Sungai Ijok bagi projeknya di Klian Tok Budi, daerah Selama, Perak.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Sebelum menjawab soalan ini saya ingin mengucapkan terima kasih di atas perhatian Yang Berhormat terhadap projek FELCRA. Setelah kajian dibuat pihak FELCRA membuat keputusan tidak akan membina jambatan merintang di Sungai Ijok

sebagai penghubung ke projeknya di Klian Tok Budi, Selama, Perak. Sebaliknya FELCRA memutuskan untuk membina jalan masuk melalui FELDA Ijok kerana cara ini didapati lebih sesuai dan ekonomik.

### KERETA YANG MENGGUNAKAN CERMIN HITAM

**32. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa tahun lalu Polis di Kota Kinabalu telah menahan kereta-kereta yang mempunyai cermin hitam dan mengenakan sambil mengutip denda dari tuan-tuanpunya kereta tersebut;
- (b) sama ada beliau sedar bahawa tindakan sedemikian dari pihak polis adalah tidak sah selagi undang-undang bagi cermin hitam beium lagi disebar ke Sabah;
- (c) sama ada denda-denda tersebut akan dikembalikan kepada mereka yang berkenaan dan jika tidak, mengapa; dan
- (d) bilakah undang-undang bagi cermin-cermin hitam akan disebar ke Sabah dan jika sedemikian, sama ada "grace period" akan diberi bagi membenarkan tuan-tuan kereta untuk menguji sama ada cermin hitam di kereta mereka lulus 70% yang dikehendaki.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Mengenai perkara yang dibangkitkan Ahli Yang Berhormat itu, sukaiah dimaklumkan bahawa polis telah mengambil tindakan menahan kereta-kereta di atas kesalahan-kesalahan melanggar peraturan kesalahan-kesalahan lalutintas. Semasa tindakan tersebut beberapa kereta yang bercermin gelap turut ditahan. Mereka yang didapati bersalah telah

dikenakan denda tetapi bukan kerana kesalahan memasang cermin gelap. Polis belum lagi bertindak terhadap pemandu-pemandu yang memiliki kereta bercermin gelap. Polis belum lagi bertindak terhadap pemandu-pemandu yang memiliki kereta bercermin gelap kerana pihak polis sedia maklum bahawa kaedah mengenai pemasangan cermin gelap belum lagi dikuatkuasakan di Negeri Sabah dan juga Sarawak. Oleh yang demikian tuntutan untuk mengembalikan denda-denda yang telah dikutip oleh Polis Kota Kinabalu tidak timbul. Kerajaan bercadang untuk menguatkuasakan kaedah-kaedah mengenai cermin gelap di Sabah dan Sarawak tidak berapa lama lagi.

### PREMIUM INSURAN NYAWA—PELEPASAN

**33. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada premium insuran nyawa berjumlah \$3,000 yang dikecualikan dari cukai sekarang ini dapat dinaikkan kepada satu jumlah yang berpatutan supaya lebih ramai lagi penduduk menggunakan kemudahan ini. Adakah Kerajaan bercadang supaya jumlah \$3,000 itu dikenakan kepada satu individu sahaja dan bukan dibahagi-bahagikan di antara suami dan isteri (di mana berdua membayar cukai) sepertimana yang diamalkan sekarang.

**Tuan Loke Yuen Yow:**

- (i) Sukacita dimaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa pada masa sekarang pelepasan untuk premium insuran nyawa adalah dicantumkan dengan pelepasan bagi sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan jumlah yang dibenarkan ialah sehingga maksima \$3,500.00. Pelepasan ke atas premium insuran nyawa

adalah bertujuan untuk memberi galakan terutama kepada mereka yang berpendapatan rendah atau sederhana untuk membeli insuran nyawa sebagai perlindungan. Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang menaikkan paras maksima pelepasan ini kerana ianya adalah mencukupi dan apa-apa kenaikan hanya akan menguntungkan mereka yang berpendapatan tinggi.

- (ii) Berhubung dengan bahagian kedua soalan, amalan untuk membahagikan pelepasan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan premium insuran nyawa di antara suami dan isteri adalah berdasarkan kepada konsep bahawa isteri dan suami dianggap sebagai satu unit cukai. Yang demikian buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan isteri dan suami menikmati pelepasan cukai bagi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan premium insuran secara berasingan.

### PERIBADI BELIA-BELIA

**34. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan setakat ini sejauh manakah Kementerian ini dapat membentuk peribadi belia-belia kita mengikut lunas-lunas Islam. Dan apakah bentuk kursus-kursus dan latihan-latihan yang telah diberi kepada belia-belia kita dan apakah rancangan Kementerian ini supaya belia-belia kita dapat berdisiplin mengikut pandangan Islam.

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Kementerian ini dalam usahanya membentuk keperibadian belia-belia ke arah kesempurnaan sesuai dengan

ajaran Islam telah pun mewujudkan satu Cawangan Agama yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan program-program keagamaan di kalangan masyarakat belia dan dengan ini adalah diharap akan dapat melahirkan satu generasi yang beragama, berdisiplin serta bermoral. Dari segi pengukuran sejauh manakah tercapainya, tidaklah dapat diberi angka yang tepat tetapi mengikut kajian yang telah dijalankan adalah didapati bahawa belia-belia yang berpersatuan boleh dikatakan amat sedikit yang terlibat dengan unsur-unsur yang tidak sihat.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di bawah Bahagian Belia telah menjalankan dua bentuk kursus bercorak keagamaan. Pertama, Seminar/Kursus Dakwah dan Kepimpinan Islam Peringkat Negeri dan keduanya Seminar Dakwah dan Kepimpinan Islam (Peringkat Zon).

Dalam kursus-kursus ini input-input dan modul-modul yang dikenalpasti sesuai dan relevan dengan peringkat kaum belia digunakan, bertujuan untuk menimbulkan rasa tanggungjawab, kesedaran dan kefahaman mengenai ajaran Islam ke arah pembentukan peribadi belia yang berdisiplin dan bermoral bukan sahaja kepada diri sendiri bahkan agama, bangsa dan negara.

Bagi kursus yang diadakan di Pusat-pusat Latihan Belia Negara, pihak Kementerian telah pun merangka satu sukatan pelajaran Agama yang merangkumi bidang Aqidah/Tauhid, Feqah, Sejarah dan Akhlak/Moral.

### SIZE PERKHIDMATAN AWAM

**35. Tuan Mohamed bin Jamrah** minta Perdana Menteri menyatakan "size" kakitangan Kerajaan yang menasabah. Kerana akhir-akhir ini

Kerajaan ada menyatakan bahawa kakitangan Kerajaan adalah terlalu besar. Jadi sila nyatakan:

- (a) adakah bilangan kakitangan Kerajaan di semua kategori ataupun di sebahagian kategori sahaja yang terlalu besar; dan apakah kategori-kategorinya itu;
- (b) adakah Kerajaan sudah memberhentikan pengambilan kakitangan dalam kategori yang berlebihan itu; dan
- (c) berapakah bilangan yang dianggarkan optima bagi tiap-tiap kategori itu mengikut jangkaan Kerajaan.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:**

- (a) Kedudukan keanggotaan perkhidmatan awam sekarang adalah terbahagi kepada—

Kumpulan A—61,814 orang  
 Kumpulan B—47,656 orang  
 Kumpulan C—270,543 orang  
 Kumpulan D—511,624 orang

Daripada perangkaan tersebut, ternyata bahawa bilangan anggota perkhidmatan awam di dalam Kumpulan C dan D adalah boleh dikatakan "terlalu besar". Kedua-dua kumpulan ini adalah merupakan 86.5% daripada jumlah keseluruhan anggota perkhidmatan awam pada masa ini.

- (b) Kerajaan sudah pun memberhentikan pengisian jawatan-jawatan kosong, terutamanya jawatan-jawatan dalam Kumpulan-kumpulan C dan D. Pengisian melalui kelulusan khas agensi-agensi pusat

hanya dibenarkan bagi perkhidmatan-perkhidmatan penting seperti perguruan, kesihatan dan sebagainya. Jawatan-jawatan Tingkatan Biasa dalam Kumpulan-kumpulan C dan D yang telah lama kosong dan kekosongannya tidak menjejaskan perjalanan agensi-agensi berkenaan juga telah dikaji semua dan sebanyak 21,674 jawatan seperti itu telah pun dimansuhkan mulai 1 Januari 1987.

- (c) Adalah sukar bagi menentukan saiz yang optima bagi tiap-tiap kumpulan anggota ataupun menetapkan saiz perkhidmatan awam yang menasabah seperti yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu. Dalam hal ini, perkara yang perlu dipastikan ialah tiap-tiap anggota digunakan secara optimanya bagi mengendalikan fungsi dan memenuhi tugas dan tanggungjawabnya selaras dengan tujuan mencapai objektif sesuatu agensi itu dengan cara yang paling cekap serta berkesan dan dengan melibatkan perbelanjaan yang paling minimum. Dengan andaian tersebut adalah menjadi dasar Kerajaan sekarang supaya bilangan keanggotaan perkhidmatan awam tidak bertambah daripada apa yang sedia ada sambil tindakan-tindakan tertentu diusahakan untuk menyusun dan menyesuaikan struktur keanggotaan itu dengan keperluan-keperluan sebenarnya. Pendekatan seperti ini dijangka akan membolehkan pencapaian matlamat akhir mengecil sambii meninggikan mutu perkhidmatan awam Malaysia.

**SEKOLAH RENDAH/  
MENENGAH DI SABAH—  
KELULUSAN**

**36. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil untuk mempertingkatkan peratus kelulusan di sekolah-sekolah rendah dan menengah di negeri Sabah yang mana telah berpunca akibat kekurangan bahan-bahan buku teks dan tenaga guru-guru yang mahir; dan
- (b) berapa peratuskah bilangan penuntut Sabah yang memasuki Universiti dan Institusi Pengajian Tinggi di Mataysia hingga hari ini, dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mempertingkatkan lagi kemasukan pelajar-pelajar tersebut.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:**

- (a) Tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian Pelajaran ialah—
1. Menambah bilangan guru pelatih di maktab-maktab perguruan.
  2. Memberi kursus tambahan (dalam perkhidmatan) dari masa ke semasa kepada guru terlatih supaya mereka dibekalkan dengan kemahiran-kemahiran tertentu bagi tujuan mempertingkatkan kecekapan mereka.
  3. Menempatkan guru-guru terlatih dari Semenanjung ke Sabah.

4. Mengadakan kelas-kelas pemulihan khas bagi murid-murid yang menghadapi masalah pembelajaran.
5. Mengambil langkah-langkah supaya buku-buku teks tidak lewat sampai ke sekolah-sekolah.
6. Memperkenalkan rancangan bacaan di sekolah-sekolah.
7. Menyediakan beberapa senarai buku bacaan tambahan untuk dibeli oleh sekolah-sekolah yang berkemampuan.

- (b) Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kira-kira 3 hingga 4 peratus pengambilan pelajaran ke universiti tempatan hingga kini terdiri daripada pelajar-pelajar Sabah. Untuk mempertingkatkan lagi kemasukan pelajar Sabah, usaha-usaha telah dibuat untuk menggalakkan lebih ramai pemohon berkelayakan STPM mengemukakan permohonan dan membuka peluang kepada pemohon berkelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengan STPM seperti Diploma ITM dan kelayakan A Level.

Peratus kemasukan pelajar-pelajar Sabah di Institut Teknologi MARA, (ITM) dari tahun 1976 hingga 1986/87 ialah 7.65% daripada jumlah bilangan pelajar ITM seluruh Malaysia. Di antara langkah-langkah yang dijalankan bagi meningkatkan kemasukan pelajar-pelajar Sabah di ITM ialah dengan memberi kursus enam hingga dua belas bulan bagi calon-calon yang tidak

mempunyai kelayakan yang cukup untuk mengikuti kursus peringkat diploma.

### PELAN INDUK PERINDUSTRIAN— PELAKSANAAN

**37. Tuan Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan pada bulan Mac 1986 Kerajaan mengumumkan penubuhan dua jawatankuasa khas untuk mengkaji semua cadangan dasar utama dalam Pelan Induk Perindustrian, apakah kesan dan hasil cadangan jawatankuasa khas itu.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Setelah Kerajaan menerima secara prinsip pada akhir tahun 1986 untuk melaksanakan Pelan Induk Perindustrian (PIP), beberapa buah Jawatankuasa dan Pasukan Petugas telah dibentuk di berbagai Jabatan dan Kementerian untuk mengkaji dan meneliti cadangan-cadangan yang dikemukakan di dalam 22 buah laporan PIP tersebut.

Pada asasnya dua buah Jawatankuasa peringkat tinggi yang mempunyai peranan yang lebih penting bagi tujuan untuk penelitian, bimbingan dan pelaksanaan perakuan-perakuan PIP tersebut telah dibentuk oleh Kerajaan. Jawatankuasa Pemandu Pelan Induk Perindustrian telah dibentuk di bawah Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara, Jabatan Perdana Menteri yang berperanan untuk meneliti dan mengawasi pelaksanaan pelan tindakan di bawah PIP oleh berbagai Jabatan dan Kementerian keseluruhannya. Jawatankuasa Tindakan PIP telah ditubuhkan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang berperanan untuk

membimbing dan mengawasi perjalanan 12 buah pasukan petugas yang ditubuhkan untuk meneliti cadangan-cadangan di tiap-tiap sektor industri yang dikenalpasti di bawah PIP.

Secara ringkas dan sebagai permulaan, beberapa perakuan Pelan Induk Perindustrian telah dirumuskan oleh Jawatankuasa Tindakan PIP di Kementerian saya untuk dilaksanakan. Untuk maksud itu, beberapa kajian-kajian pelaksanaan sedang dijalankan oleh Jawatankuasa tersebut di antaranya adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeksport utama tayar di dunia menyusun semula industri penapisan minyak sawit, meningkatkan eksport keluaran-keluaran koko, buah-buahan dan sayur-sayuran; pengwujudan "Furniture Complex" dan "Furniture Export Consortium" serta mencari peluang-peluang pasaran eksport bagi simen dan lantai jubin (tiles). Kajian-kajian tersebut adalah untuk meningkatkan peluang eksport bagi keluaran-keluaran berkenaan. Usaha-usaha sedang dilakukan untuk meninjau dan memperakukan langkah-langkah yang sesuai untuk mengurangkan pergantungan kepada eksport "semi conductor" dan menentukan rangkaian (linkages) yang lebih berkesan melalui penglibatan pengusaba-pengusaha tempatan di dalam sektor elektrik dan elektronik; mengkaji semula secara menyeluruh mengenai dasar import kenderaan, rancangan kandungan tempatan kenderaan dan "assembly slots" sejajar dengan keperluan kemajuan jangka panjang sektor peralatan pengangkutan di negara ini dan mengkaji untuk memperkukuhkan dan membuat penyesuaian (rationalisation) bagi industri besi dan keluli pada keseluruhannya serta meningkatkan peluang bagi industri "foundry", "moulds and dies" dan "fabrication". Beberapa usaha juga sedang

dilakukan untuk menggalakkan pengeksporan tekstil dan pakaian termasuk keluaran batik. Kajian-kajian tersebut dilakukan oleh tiap-tiap Pasukan Petugas industri-industri yang berkaitan di bawah Jawatankuasa Tindakan PIP.

Seperti yang semua maklum, PIP hanya dilancarkan pada tahun 1986, sementara Jawatankuasa dan Pasukan-pasukan Petugas tersebut dibentuk dan memulakan usahanya pada pertengahan tahun 1986. Oleh yang demikian, perakuan-perakuan seperti di dalam PIP masih diteiti dengan kerjasama sepenuhnya dari wakil-wakil swasta untuk menentukan peringkat pelaksanaannya nanti akan mendapat sambutan dari sektor swasta yang berupa faktor terpenting dalam pelaksanaan PIP. Setakat ini hasil utama dari PIP ini adalah berupa sistem galakan cukai baru yang telah pun diluluskan di Dewan yang mulai ini dalam bulan Ogos dan pindaan-pindaan selanjutnya dalam bulan Disember tahun lepas. Segala tambahan dan pemberian galakan tersebut adalah secara langsung berpandukan kepada perakuan PIP.

Akhir kata PIP memberikan perspektif pembangunan perindustrian jangka panjang 10 tahun dan saya menjangka Kerajaan akan melaksanakannya dengan cara yang teliti dan berperingkat-peringkat.

### HARI THAIPUSAM

**38. Tuan P. Patto** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan boleh mengisytiharkan Hari Thaipusam sebagai cuti am bagi seluruh negara, jika tidak, mengapa; dan pernahkah mana-mana pihak meminta Kerajaan secara rasmi supaya hari ini dijadikan cuti am bagi seluruh negara, jika pernah, sebutkan pihak-pihak yang memintanya.

17-3-57

**44. Tuan R. Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bersedia mengisytiharkan Thaipusam sebagai cuti am seluruh negara.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat wakil dari Ipoh bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat wakil Jelutong pada 17 Mac 1987.

Sayugia dimaklumkan bahawa pada masa ini sebanyak 12 hari diisytiharkan sebagai hari cuti am Persekutuan, yang meliputi hari-hari perayaan, keagamaan, termasuk Hari Deepavali, iaitu hari perayaan Agama Hindu. Di samping itu tiap-tiap negeri dalam Malaysia telah pula menetapkan purata 4 hari sebagai hari cuti am Negeri. Ini bermakna bahawa tiap-tiap negeri mendapat purata sejumlah 16 hari dalam setahun sebagai cuti am.

Negara kita adalah sebuah negara yang pesat membangun. Oleh itu adalah difikirkan bahawa jumlah cuti am pada masa sekarang adalah mencukupi, malah adalah banyak jika dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Indonesia.

Penambahan cuti am akan mengurangkan jumlah hari kerja bagi sektor awam dan swasta dan seterusnya akan mengurangkan pendapatan dan perkhidmatan dalam negeri yang akhirnya akan menjejaskan ekonomi negara.

Mengikut rekod, Kerajaan Persekutuan tidak pernah menerima tuntutan secara rasmi daripada mana-mana pihak supaya Hari Thaipusam dijadikan hari cuti am bagi seluruh negara dan Kerajaan tidak ada cadangan untuk menambah hari-hari cuti am selain daripada yang wujud sekarang.

**BEKAS LEMBAGA PENGARAH  
BANK BUMIPUTRA—  
SIASATAN POLIS**

**39. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan hasil penyiasatan ke dalam laporan polis yang dibuat oleh Bank Bumiputra dalam bulan Mac 1986 terhadap bekas Lembaga Pengarah Bank Bumiputra yang diketuai oleh Pengerusinya waktu itu, Dr Nawawi Mat Awin, seperti diperakukan oleh Jawatankuasa Penyiasat BMF yang diketuai oleh Tan Sri Ahmad Nordin kerana "bersubahat menipu pemegang-pemegang saham BBMB serta "breach of their fiduciary duties" berkait dengan pembelian US\$76 juta aset-aset di Amerika Syarikat, sama ada penyiasatan polis telah selesai dan apakah keputusan yang diambil oleh Kamar Peguam Negara berkait dengan soal pendakwaan.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Penyiasatan polis telah selesai. Dari keterangan yang diperolehi pihak polis adalah jelas dan nyata bahawa perolehan aset-aset di Amerika Syarikat dengan harga US\$76 juta oleh Lembaga Pengarah bank berkenaan dibuat setelah mengambilkira dua laporan penilaian yang telah dibuat oleh penilai-penilai antarabangsa. Buat masa ini, tidak ada keterangan-keterangan yang menunjukkan apa-apa kesalahan oleh Lembaga Pengarah bank berkenaan.

**SYARIAH ISLAMIAH—  
PELAKSANAAN**

**40. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Perdana Menteri menyatakan apakah program-program pelaksanaan syariah Islamiah yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Perdana Menteri dalam usaha hendak melaksanakan undang-undang atau hukum Islam di negara ini.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Noor:** Sebelum saya menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat, suka saya membuat penjelasan mengenai beberapa perkara yang disentuh dalam pertanyaan itu. Pertama perkataan Syariah Islamiah. Ini adalah meliputi semua aspek agama Islam iaitu akidah, ibadah, kemasyarakatan, ekonomi, akhlak, falsafah, politik dan sebagainya. Perkara kedua ialah undang-undang Islam. Undang-undang Islam mencukupi semua aspek kehidupan manusia secara individu dan bermasyarakat. Biasanya undang-undang Islam dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Ibadat, Munakahat, Muamalat dan Jenayah. Perkara ketiga yang perlu saya beri penjelasan ialah bahawa peranan dan tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri, melalui Bahagian Hal Ehwal Islam adalah sebagai badan penyelaras khususnya dalam usaha untuk mengwujudkan keseragaman dan penyelarasan dalam pentadbiran hal ehwal Islam dan perundangan Islam di seluruh negara. Tugas ini dilaksanakan melalui Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Mataysia yang telah ditubuhkan oleh Majlis Raja-raja pada tahun 1968. Perkara yang keempat ialah sepertimana umum mengetahui bahawa agama Islam adalah termasuk di bawah bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri dengan DYMM Sultan sebagai ketua agama. Pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu terlalu umum dan tidak begitu jelas maksudnya. Umpamanya apakah aspek dalam syariah Islamiah yang dimaksudkan dengan program-program pelaksanaan syariah Islamiah. Sementara itu Jabatan Perdana Menteri bukanlah badan yang bertanggungjawab melaksanakan program-program itu tetapi adalah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa agama Islam Kerajaan Negeri.

*(Soalan No. 41. Sila lihat Jawapan No. 23).*

## IMPORT TEMBAKAU— SEKATAN

**42. Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan kenapakah pihak Kerajaan tidak menyekat dan mengenakan cukai yang lebih tinggi terhadap "tembakau yang diimport" sebaliknya mengapakah tidak digalakkan penanam-penanam tembakau menanam lebih banyak bahan yang tersebut; sedangkan pada hari ini jumlah kawasan tanaman tembakau adalah dipastikan dan dihadkan oleh pengusaha rokok dan penanam tembakau tidak dibenarkan menanam lebih daripada yang ditentukan.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik):** Pihak Kerajaan sehingga kini memang tidak menyekat pengimportan tembakau ke negara ini kerana pengilang-pengilang rokok masih perlu mengadun tembakau tempatan dengan tembakau yang diimport. Pada penilaian pengilang, tembakau tempatan tidak memenuhi ciri-ciri tertentu yang diperlu mendangkan ia hanya merupakan "filler tobacco" (tembakau isian) dan bukannya "flavour tobacco" (tembakau perasa). Namun demikian secara tidak langsung Kerajaan memang tidak menggalakkan import bahan ini oleh pengilang-pengilang dengan mengenakan kadar cukai import iaitu \$50.00 sekilogram atau hampir 3 kali ganda harga import purata yang dianggap pada masa ini mencukupi bagi menjaga kepentingan industri tembakau tempatan.

Kerajaan kalau boleh memang mahu menggalakkan lebih ramai lagi penanam-penanam menanam tembakau kerana ini boleh menguntungkan mereka. Walau bagaimanapun, oleh sebab penggunaan tembakau adalah terhad pada pengilang-pengilang rokok tempatan sahaja, Kerajaan terpaksa menghadkan pengeluaran tembakau

tempatan. Sekiranya penanam-penanam ini dibenarkan menanam lebih banyak tembakau maka akan timbul masalah untuk memasarkan tembakau-tembakau ini kelak.

Kenyataan mengenai jumlah kawasan tanaman tembakau adalah dipastikan dan dihadkan oleh pengusaha-pengusaha rokok adalah tidak benar. Ini adalah disebabkan penanaman tembakau adalah dikawal oleh Kerajaan melalui Lembaga Tembakau Negara (LTN) dan semua penanam-penanam yang ingin menanam tembakau dikehendaki mendaftarkan diri dengan LTN. Jumlah keluasan pula adalah terikat kepada kuota pengeluaran yang ditentukan berasaskan kepada keperluan industri rokok. Ini adalah untuk memastikan pengeluaran dapat diseimbangkan dengan permintaan supaya tidak akan timbul masalah lebihan pengeluaran yang boleh menjejaskan kestabilan industri ini.

## PENSWASTAAN KERETAPI TANAH MELAYU

**43. Tuan Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bagaimanakah caranya Kementerian Pengangkutan hendak membahagi-bahagikan penswastaaan Keretapi Tanah Melayu (KTM);
- (b) jika KTM diswastakan adakah tanah-tanah kepunyaan Kerajaan-kerajaan Negeri di mana stesyen-stesyen KTM itu didirikan akan juga diswastakan atau tanah KTM itu diserahkan kembali kepada negeri-negeri berkenaan; dan
- (c) bila Kementerian Pengangkutan berhasrat meminda atau menukar Akta Keretapi Tanah Melayu yang ada bagi membolehkan ianya diswastakan.

**Dato' Dr Ling Liong Sik:**

- (a) Keputusan untuk men-swastakan KTM telah dibuat di Dewan yang mulia ini oleh Kerajaan melalui ucapan belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan kepada 24hb Oktober, 1986 yang lalu. Pada masa ini, Kerajaan merancang untuk melantik sebuah Bank Saudagar untuk menjalankan kajian mengenai cara-cara yang sebaik-baiknya KTM diswastakan.
- (b) Memandangkan perkhidmatan Keretapi adalah dtgunakan untuk rakyat seluruh negara, maka jika sekiranya KTM diswastakan, Kerajaan Persekutuan akan meminta kerjasama dan persefahaman semua Kerajaan-kerajaan Negeri yang terlibat mengenai kegunaan tanah-tanah rizab keretapi. Adalah diharapkan tanah-tanah rizab yang digunakan untuk landasan dan stesyen-stesyen keretapi dapat terus dipajakkan kepada siapa jua orang atau syarikat yang dapat menjalankan perkhidmatan keretapi dengan tujuan memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan selesa kepada penumpang-penumpang mengikut prinsip-prinsip perdagangan.
- (c) Kerajaan memang bercadang untuk menggantikan Ordinan Keretapi 1948 dengan satu Akta yang baru jika perlu di masa hadapan. Buat masa sekarang adalah memadai pindaan dibuat kepada ordinan yang sedia ada untuk membolehkan sebahagian atau keseluruhan perkhidmatan-perkhidmatan KTM diswastakan.

**PERSIDANGAN NEGARA-  
NEGARA OIC—ISU**

**44. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakbalas terhadap isu-isu yang dibawa oleh Malaysia ke Persidangan Negara-negara OIC baru-baru ini; dan
- (b) apakah keputusan-keputusan yang telah dibuat di persidangan tersebut.

**Menteri Luar Negeri (Dato' Rais Yatim):** Pada keseluruhannya Sidang Kemuncak Ke 5 ini telah berjaya dalam usaha untuk memupuk kerjasama dan perpaduan di katangan negara-negara Islam. Walaupun banyak masalah sensitif yang boleh mengakibatkan kerenggangan malah perpecahan negara anggota namun ianya dibincangkan dengan penuh persefahaman untuk mengekalkan perpaduan dan kerjasama antara negara-negara anggota.

Mengenai isu Palestin, Sidang Kemuncak sekali lagi telah menekankan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin di bawah pimpinan PLO dan mana-mana usaha untuk mencari penyelesaian damai hendaklah menerusi penyertaan PLO serta perlunya diadakan dengan seberapa segera persidangan antarabangsa mengenai keamanan di Asia Barat di bawah anjuran Bangsa-bangsa Bersatu

Masalah perang Iran-Iraq pada mulanya dijangka akan diberi keutamaan dalam Sidang Kemuncak dalam rangka usaha mencari penyelesaian damai secara aman. Walaupun dengan ketiadaan Iran, Sidang Kemuncak telah memberi perhatian berat terhadap masalah ini dan menggesa supaya segala usaha dilaksanakan ke arah penyelesaian oleh kerana ianya telah mengorbankan begitu banyak nyawa

dan harta benda serta mengancam keamanan dan kestabilan di kawasan Teluk.

Jawatankuasa Damai Islam juga telah mengadakan mesyuaratnya semasa Sidang Kemuncak dalam meneruskan usaha-usahanya serta membincang keadaan semasa perang ini walaupun Jawatankuasa Damai tidak dapat melaksanakan usaha-usaha damainya oleh kerana pendirian Iran dan Iraq yang tidak dapat direkonsailkan. Dalam rangka ini Sidang telah memberi penghargaan terhadap usaha-usaha Jawatankuasa ini dan telah menggesa supaya negara-negara anggota bekerjasama untuk menamatkan peperangan.

Malaysia tidak pernah dilantik sebagai orang tengah mengenai perang Iran-Iraq. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah mengenai penubuhan kontek group atau kumpulan kecil dari negara-negara anggota Jawatankuasa Damai yang ditugaskan untuk mengadakan perbincangan dengan Iran dan Iraq. Jikalau ini dimaksudkan ianya tidak dapat dilaksanakan oleh kerana usaha-usaha untuk mengadakan lawatan ke Iran tidak dapat diterima.

Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia inginkan supaya peperangan ini ditamatkan dalam segera demi kepentingan perpaduan negara-negara Islam dan oleh sebab inilah Malaysia telah memainkan peranan penting dalam Jawatankuasa Damai Islam. Malaysia juga mengambil berat tentang masalah penjualan senjata oleh kerana ianya membawa akibat yang lebih buruk kepada kedua-dua negara dalam mesyuarat yang lalu. Dalam rangka ini Malaysia telah menggesa negara-negara OIC yang berpengaruh bagi mengelakkan penjualan senjata oleh negara-negara pengeluar senjata. Malaysia juga mengharapkan supaya

kemajuan akan dicapai berikutan dengan usaha-usaha yang akan dilaksanakan oleh Pengerusi OIC iaitu Baginda Amir Kuwait. Malaysia juga menyokong inisiatif Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu untuk mengadakan satu "Ad Hoc Committee" untuk mencapai penyelesaian ke atas masalah ini.

Mengenai masalah Afghanistan, Sidang Kemuncak memandangkan serius terhadap pencerobohan tentera Soviet Russia dan menghargai langkah yang dibuat oleh Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu bagi mencari penyelesaian damai dan menggesa Soviet Russia supaya menarik balik tenteranya dari Afghanistan.

Dalam bidang ekonomi, Malaysia telah memainkan peranan utama untuk bagi meningkatkan kerjasama antara negara-negara anggota memandangkan bahawa ini adalah merupakan satu faktor yang penting bagi mencapai kemajuan dalam bidang ini. Untuk mencapai tujuan ini adalah perlu bagi OIC sebagai pertubuhan utama mengadakan "infrastructure" untuk menggalakkan hubungan ini dengan menubuhkan beberapa badan bagi memajukan aktiviti-aktiviti perdagangan dan lain-lain. OIC juga telah menubuhkan skim "longer term trade financing" bagi membantu dalam bidang perdagangan.

OIC juga telah mengadakan rancangan khusus untuk meningkatkan kemajuan dan perkembangan dalam bidang kebudayaan, sains dan teknologi bagi faedah-faedah negara-negara anggota.

Di samping ini Malaysia telah juga mengemukakan dua isu yang penting iaitu mengenai masalah dadah dan Antartika yang telah mendapat sokongan penuh di Sidang Kemuncak. Mengenai masalah dadah, Sidang Kemuncak telah meluluskan usul menggesa supaya negara-negara anggota bukan sahaja bekerjasama

dalam membanteras penyalahgunaan dadah dan supaya negara-negara anggota mengambil bahagian yang aktif dalam persidangan Antarabangsa Mengenai Dadah yang akan datang. Mengenai masalah Antartika pula, Sidang Kemuncak telah meluluskan usul supaya negara-negara anggota mengambil bahagian dalam usaha untuk menubuhkan satu regim baru mengenai Antartika untuk faedah manusia sejagat.

Malaysia menyokong penuh tindakan OIC dalam rangka untuk meningkatkan kerjasama dalam semua bidang di kalangan negara-negara anggota dan telah memainkan peranan yang penting berasaskan kepada dasar kita terhadap pertubuhan ini. Selaras dengan int Malaysia telah memberi sumbangan yang membina bukan sahaja bagi menentukan kejayaan usaha yang dilaksanakan oleh OIC bahkan juga dalam rangka untuk melicinkan pentadbiran pertubuhan ini supaya ianya menjadi lebih berkesan.

#### PERJANJIAN UDARA MALAYSIA-SINGAPURA

**45. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan butir-butir perjanjian MAS dan SIA dan bilakah perjanjian yang berjalan sekarang ini dikuatkuasakan. Adakah perlu perjanjian ini dibatalkan atau sebaliknya dan sebab-sebabnya.

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Perjanjian udara di antara Malaysia dengan Singapura telah ditandatangani pada 28hb Ogos 1972. Di bawah perjanjian ini, pertukaran hak-hak trafik bagi kegunaan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan Singapore Airlines (SIA) yang berkuatkuasa sekarang adalah ditentukan di bawah Memorandum persefahaman sulit yang dibuat pada 8hb Julai 1980. Berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang dipersetujui di bawah

Memorandum tersebut, MAS adalah dibenar mengadakan perkhidmatan di antara tempat-tempat di Malaysia dan Singapura tertakluk kepada jumlah kapasiti yang ditetapkan bagi memenuhi keperluan-keperluan trafik. SIA juga diberi hak timbal-balik (reciprocal) untuk mengadakan perkhidmatan khususnya daripada Singapura ke Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Di samping itu, SIA juga mengadakan perkhidmatan ke Kuantan di bawah peraturan khas di luar Perjanjian tersebut.

Di sini sukalah saya memaklumkan bahawa adalah memang menjadi amalan Kementerian Pengangkutan untuk sentiasa mengulangkaji dan mengemaskini Perjanjian-perjanjian Udara dengan negara-negara asing yang berkenaan dari masa ke semasa bagi menentukan perbekalan-perbekalan di bawah Perjanjian-perjanjian tersebut dapat memenuhi keperluan negara dari segi menggalakkan perkembangan rangkaian MAS dan juga peningkatan industri pelancongan negara.

Berhubung dengan ini, ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan pada masa ini sedang mengkaji Perjanjian Udara Malaysia/Singapura yang sedia ada. Oleh yang demikian, saya tidak dapat memberi maklumat mengenai langkah-langkah yang akan diambil kerana perkara ini seharusnya diberi penelitian yang mendalam sebelum sebarang keputusan dibuat ke atasnya.

#### PENAGIHAN DAN PENGEDAR DADAH

**46. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan setiap kali diadakan perbincangan seminar sama ada di luar Malaysia atau dalam Malaysia tidak ketinggalan menyuarkan masalah dadah. Oleh itu ingin bertanya apakah

reaksi-reaksi yang diberi oleh negara-negara yang menghadiri persidangan tersebut, sama ada mendapat galakan atau sebaliknya.

**Dato' Rais Yatim:** Malaysia memang mementingkan masalah penagihan dan pengedaran dadah dan oleh yang demikian soal ini sentiasa dibincangkan di seminar-seminar di luar dan di dalam negeri sehingga berjaya mendapat perhatian antarabangsa. Reaksi negara-negara yang menghadiri persidangan-persidangan/seminar-seminar ini adalah sangat menggalakkan. Ini dapat dilihat dari persetujuan masyarakat antarabangsa atas cadangan ASEAN di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu yang ke-40 untuk mengadakan satu Persidangan Antarabangsa mengenai Dadah di Vienna, Austria dengan tujuan mengadakan satu tindakan atau usaha antarabangsa untuk mengatasi masalah dadah.

Walaupun terdapat negara yang merasa ragu dengan pendirian Malaysia yang tegas atas mereka yang terlibat dalam menagih dan mengedar dadah, negara-negara ini menyokong secara am usaha-usaha negara kita untuk mengatasi masalah ini, dan memberi galakan kepada usaha Malaysia untuk membincangkan soal ini di persidangan-persidangan antarabangsa.

#### **GANTI RUGI KEPADA MANGSA KEMALANGAN KERETAPI**

**47. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Keretapi Tanah Melayu (KTM):

- (a) rela sebagai pegangan prinsip membayar pampasan kepada mangsa-mangsa atau keluarga mereka dalam nahas keretapi dekat Kulai dan kalau tidak mengapa;

- (b) mengapa KTM gagal memberikan bantuan sama ada dari segi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan, pengangkutan atau menyediakan tempat tumpangan untuk mangsa-mangsa dan keluarga mereka;
- (c) sama ada kegagalan KTM untuk memberi bantuan tersebut telah memberikan kesan buruk terhadap imej dan reputasinya memandangkan bantuan yang dialu-alukan yang diberikan kepada mangsa-mangsa kebakaran di Kampong Datuk Keramat; dan
- (d) sejauh manakah nahas keretapi ini akan menjejaskan usaha Kerajaan untuk mengswastakan KTM dengan memajak atau menyewanya sebanyak \$1/-

#### **Dato' Dr Ling Liong Sik:**

- (a) Ordinan Keretapi 1948 memberikan garis panduan bahawa KTM boleh dituntut untuk membayar pampasan atau gantirugi kepada mangsa-mangsa kemalangan sekiranya terbukti bahawa berlakunya kelalaian di pihak KTM semasa menjalankan perkhidmatannya. Mengenai kemalangan yang berlaku dekat Kulai baru-baru ini dan sebagaimana saya telah sebut dalam Dewan yang mulia ini, Badan Penyiasat yang telah dilantik oleh Kementerian Pengangkutan akan menjalankan siasatan bagi menentukan punca kemalangan tersebut dan selepas diketahui keputusannya maka mangsa-mangsa atau keluarga mereka bolehlah membuat tuntutan sekiranya didapati KTM telah melakukan kelalaian atau kecuaiian semasa menjalankan perkhidmatan.

(b)+(c) Saya tidak dapat menerima kenyataan ahli Yang Berhormat yang menyatakan KTM gagal memberi bantuan semasa kemalangan yang berlaku dekat Kulai itu. Sebenarnya KTM telah berusaha sedaya upaya dengan kerjasama pihak Polis dan Bomba dan lain-lain pihak yang berkenaan untuk mengangkut mangsa-mangsa kemalangan tersebut ke hospital dan lain-lain tempat pusat rawatan yang berdekatan, bahkan saya telah mengarahkan supaya bil-bil rawatan yang telah dikenakan oleh pusat-pusat rawatan dibayar oleh KTM tanpa sebarang prejudis terhadap penyiasatan yang dijalankan sekarang.

(d) Oleh yang demikian, segala usaha KTM itu tidak patut dianggap sebagai satu kegagalan sehingga menjatuhkan imej dan reputasi KTM sendiri dan saya juga percaya bahawa kemalangan dekat Kulai itu tidak akan menjejaskan usaha-usaha untuk menswastakan KTM. Sebenarnya, KTM masih merupakan jenis pengangkutan yang selesa dan selamat jika dibandingkan dengan pengangkutan jalan walaupun berlaku kemalangan baru-baru ini. Dalam hubungan ini, kemalangan tersebut tidak pula menjejaskan minat pelabur-pelabur yang ingin mengambil bahagian dalam penswastakan KTM. Malahan mereka telah terus menunjukkan keinginan untuk mengambil bahagian dalam usaha penswastakan kerajaan tersebut.

#### **STRUKTUR EKONOMI NEGARA—PERUBAHAN**

**48. Tuan Abdul Ghani bin Othman** minta Perdana Menteri menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk

membangunkan dan melengkapkan tenaga manusia di Malaysia menepati dengan matlamat perubahan struktur ekonomi negara.

**Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Berbagai usaha sedang dan telah diambil oleh pihak Kerajaan dari segi perancangan untuk membangunkan dan melengkapkan tenaga manusia di Malaysia menepati dengan matlamat perubahan struktur ekonomi negara. Antaranya ialah:

- (i) Usaha-usaha sedang dijalankan bagi memperkukuhkan dan melicinkan perjalanan jentera perancangan tenaga manusia di sektor awam dengan tujuan melaksanakan pendekatan perancangan pembangunan tenaga manusia yang lebih selaras dan berkesan. Antara langkah-langkah utama yang telah diambil oleh Kerajaan ialah penubuhan sebuah jawatankuasa perancangan tenaga manusia di bawah Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Negara. Jawatankuasa Kecil ini bertindak sebagai sebuah badan Penyelaras dasar tenaga manusia untuk menyediakan dasar-dasar mengenai tenaga manusia.
- (ii) Usaha-usaha juga sedang dilakukan oleh Kerajaan untuk membentuk satu sistem yang selaras bagi perancangan dan pembangunan latihan vokasional dan perindustrian yang menekankan penyertaan dan penglibatan sektor swasta yang lebih aktif. Ini akan membolehkan pembangunan tenaga manusia di berbagai peringkat kemahiran menjadi lebih berkesan lagi, bersesuaian dengan perubahan keperluan tenaga manusia industri.

- (iii) Dalam usaha-usaha meningkatkan peranan industri dalam pembangunan tenaga kerja yang berkemahiran, kerajaan juga seperti yang telah diumumkan dalam Ucapan Belanjawan, 1987 telah memberi insentif potongan dua kali bagi sektor pembuatan yang menjalankan latihan dalam bidang tertentu.
- (iv) Program-program pendidikan dan latihan di peringkat pengajian tinggi dan latihan kemahiran, akan diubahsuai dan dipertingkatkan untuk memenuhi keperluan kemahiran yang berubah dalam ekonomi, iaitu kesan daripada perubahan struktur yang dijangkakan dalam Pelan Induk Perindustrian, Dasar Pertanian Negara dan sektor perkhidmatan.
- (v) Usaha-usaha juga sedang dilakukan untuk melengkapkan para siswazah-siswazah dengan kemahiran yang bersesuaian untuk menambahkan peluang mereka mendapatkan pekerjaan atau bekerja sendiri.

#### **MENAMAKAN SEMULA JALAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**49. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar tentang tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menamakan semula 12 buah jalan dan lorong yang memakai nama Cina di kawasan Taman Tasik Titiwangsa yang mana menimbulkan rasa tidak puas hati yang meluas di kalangan masyarakat Cina. Tidakkah Menteri sedar kebanyakan nama-nama jalan ialah nama berbagai pemimpin masyarakat Cina yang terkenal dan dermawan yang telah memberikan sumbangan yang bermakna kepada pembangunan Kuala Lumpur pada awal 1900. Bolehkah Menteri

menyahut seruan masyarakat Cina ini dengan menukarkan semula nama ke nama asal yang mempunyai nilai sejarah oleh kerana tindakan menukar nama ini dibuat tanpa meminta pandangan dan hasrat penduduk-penduduk di situ.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Kerajaan sedar dengan tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menukarkan semula 12 buah jalan dan lorong yang memakai nama Cina di kawasan Taman Tasik Titiwangsa baru-baru ini.

Sebenarnya urusan menamakan semula jalan di kawasan Wilayah Persekutuan diuruskan oleh sebuah Jawatankuasa yang dikenali sebagai "Jawatankuasa Penamaan/ Menamakan Semula Jalan-jalan dan Kawasan-kawasan Perumahan Wilayah Persekutuan", yang dianggotai bersama oleh:

- (i) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan;
- (ii) Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah;
- (iii) Jabatan Muzium Negara, Jabatan Arkib Negara dan Dewan Bahasa dan Pustaka;
- (iv) Jabatan Pos Wilayah Persekutuan;
- (v) Institut Penyelidikan Perhutanan.
- (vi) Jabatan Polis Wilayah Persekutuan;
- (vii) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, dan
- (viii) Kementerian Wilayah Persekutuan.

Mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Seksyen 29 (1) Menteri Wilayah Persekutuan mempunyai kuasa untuk menamakan jalan dan juga menukar nama jalan atau sebahagian daripada jalan tersebut. Walau bagaimanapun, setiap keputusan yang dibuat, Jawatankuasa

ini sentiasa menerima cadangan dan pandangan daripada semua pihak untuk dipertimbangkan. Saya juga sedar bahawa tidak semua keputusan yang dibuat dapat memenuhi kehendak semua pihak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penukaran nama-nama yang sedia ada di kawasan yang dimaksudkan tadi bukannya bertujuan untuk melupakan nama-nama Cina yang sedia ada, sebaliknya untuk menyelaraskan dan memudahkan jalan-jalan di kawasan berhampiran Tasik Titiwangsa. Ini bertujuan untuk memudahkan penduduk-penduduk tempatan, orang-orang awam serta agensi-agensi Kerajaan bagi mengenalpasti jalan-jalan yang berkenaan. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Jemaah Menteri dalam beberapa mesyuaratnya yang telah diadakan pada awal tahun ini telah pun membincangkan perkara ini. Perbincangan selanjutnya akan diadakan dengan pihak-pihak tertentu sebelum apa-apa tindakan lanjut diambil.

### PENJAJA WARGANEGARA ASING

**50. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai pendatang haram Indonesia didapati menjalankan perniagaan sebagai penjaja dan berniaga di Kuala Lumpur terutama di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Chow Kit, Jalan Haji Hussein, Jalan Raja Bot, mengapakah tidak ada tindakan sehingga ini untuk membersihkan mereka. Kerana kemasukan mereka di kawasan tersebut telah mengancam kehidupan peniaga-peniaga tempatan. Adakah Kementerian yang menjalankan apa-apa banciaan ke atas bilangan penjaja pendatang haram dalam Bandaraya dan jika ada berapakah jumlahnya.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar

mengenai kemunculan penjaja warganegara asing (Indonesia) yang menjalankan perniagaan mereka di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Chow Kit, Jalan Haji Hussein, Jalan Raja Alang dan Jalan Raja Bot. Mereka menjalankan perniagaan sebagai penjual ubat, penjual buah-buahan, kain baju, makanan, minuman dan sebagai tukang kasut. Kemunculan mereka ini telah menimbulkan persaingan yang hebat ke atas penjaja-penjaja tempatan, terutamanya di kawasan tersebut.

Dengan sebab itulah maka Kementerian Wilayah Persekutuan bersama-sama dengan DBKL, dan agensi-agensi Kerajaan yang lain, telah memberikan perhatian yang serius bagi membanteraskan penjaja-penjaja warganegara asing daripada terus berleluasa di kawasan-kawasan tersebut. Usaha mencegah, mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan seringkali dijalankan ke atas mereka. Semenjak bulan Januari 1986 hingga bulan Februari 1987, sebanyak 1,413 kes tindakan penguatkuasaan kita telah diambil. Tindakan ini akan terus dijalankan dan ianya memerlukan kerjasama daripada semua pihak untuk membanterasnya.

Di samping itu, usaha-usaha mengenalpasti mereka juga telah dijalankan, terutamanya di kawasan tumpuan utama seperti yang telah saya sebutkan. Beberapa banciaan telah dijalankan semenjak tahun 1980 lagi. Mengikut banciaan yang telah dijalankan mengenai penjaja-penjaja warganegara asing ini, bilangan mereka adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Penjaja</i>
1980 .. .. .	15
1981 .. .. .	80
1982 .. .. .	136
1983 .. .. .	175
1984 .. .. .	335
1986 .. .. .	160

## LEBUHRAYA UTARA/ SELATAN—PEMBINAAN

**51. Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan Lebuhraya Utara—Selatan akan dimulakan dan berapa lamakah projek tersebut dijadualkan siap.

**Dato' S. Samy Vellu:** Kerja-kerja pembinaan sebahagian Lebuhraya Utara/Selatan telah pun siap dan sebahagian daripadanya dalam pelaksanaan. Bahagian-bahagian lebuhraya yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Jitra—Alor Setar
- (ii) Ipoh—Changkat Jering
- (iii) Senawang—Air Keroh
- (iv) Air Keroh—Pagoh

Bahagian-bahagian ini dijangka siap pada pertengahan tahun 1987. Baki Lebuhraya Utara/Selatan yang belum dilaksanakan sepanjang 494 km telah pun diswastakan dan pembinaannya dijangka siap, dalam tempoh 5 tahun. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula pada pertengahan tahun 1987.

## UNIT PERONDA LEBUHRAYA

**52. Tuan Adam bin Abdul Kadir** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah sebabnya polis peronda lebuhraya meronda di jalan biasa, sedangkan Yang Berhormat Menteri berkenaan pernah menjawab dalam sidang Dewan Rakyat yang baru lalu bahawa yang dimaksudkan lebuhraya ialah Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban, Kuala Lumpur/Karak dan Utara/Selatan, dan ini tentunya tidak termasuk jalan antara Kuantan dengan Kuala Terengganu di mana rondaan yang disebutkan itu berlaku. Dan lagi, apakah Yang Berhormat Menteri sedar polis peronda lebuhraya yang memakai Volvo WAW 1583 pada pukul 11.45 pagi 16hb Februari, 1987 telah menahan banyak kenderaan di kepala

selekoh yang terletak di hujung sebuah bukit antara km 143 dan km 144 Kuala Terengganu-Dungun. Jika sedar, apakah langkah tegas supaya peronda begitu faham bahawa memerangkap kereta di kepala selekoh adalah sangat merbahaya.

**Dato' S. Samy Vellu:** Ingin saya tegaskan di sini bahawa Unit Peronda Lebuhraya, Lembaga Lebuhraya Malaysia tidak pernah meronda di jalanraya-jalanraya yang bukan di bawah kuasa unit tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang Unit Peronda Lebuhraya hanya menjalankan rondaan di lebuhraya-lebuhraya seperti berikut:

- (i) Lebuhraya Alor Setar—Gurun
- (ii) Lebuhraya Bukit Kayu Hitam—Jitra
- (iii) Jambatan Pulau Pinang
- (iv) Jalan Slim River—Tanjung Malim
- (v) Lebuhraya Kuala Lumpur—Karak
- (vi) Lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban; dan
- (vii) Lebuhraya Senai—Johor Bahru.

Sebahagian daripada lebuhraya-lebuhraya tersebut adalah rangkaian Lebuhraya Utara/Selatan yang telah siap pembinaannya dan sedang beroperasi.

Mengenai peristiwa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa peronda lebuhraya yang mempunyai pendaftaran WAW 1583 telah menahan kenderaan di antara Jalan Kuala Terengganu dan Dungun, sukacita saya nyatakan bahawa Unit Peronda Lebuhraya, Lembaga Lebuhraya Malaysia tidak mempunyai kenderaan yang bernombor seperti yang disebutkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan-jabatan lain Kerajaan, seperti Jabatan Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan, juga mempunyai Unit Peronda yang menjalankan tugas-tugas meronda dan penguatkuasaan menurut budibicara masing-masing.

### INDUSTRI KAMPUNG

**53. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) setaras dengan usaha Kementerian bagi meningkatkan hasil-hasil Industri Kampung, tidakkah ada rancangan segera Kementerian bagi mewujudkan Pusat-pusat Karyaneka dan Industri Kampung di peringkat Negeri dan/atau daerah bagi menjamin pemasaran hasil-hasil tersebut sama ada untuk pasaran dalam atau luar negeri;
- (b) sejauh ini apakah sambutan dan kejayaan hasil-hasil industri kampung dari segi keupayaannya menembusi keperluan pasaran luar negeri.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Bagi makluman Yang Berhormat, sukacitalah saya menjelaskan kedudukan perkara-perkara yang dibangkitkan seperti berikut:

- (a) Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sememangnya telah merancang dan mengadakan Pusat-pusat Pemasaran Karyaneka baik di peringkat Negeri ataupun di Ibu Kota Kuala Lumpur untuk memasarkan hasil-hasil industri kampung. Sebuah Syarikat Pemasaran telah pun diwujudkan dan telah pun beroperasi dikenali sebagai Syarikat

Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd. (SPKSB). Syarikat ini bertanggungjawab bagi memasarkan keluaran Industri Kampung baik di dalam maupun di luar negeri. Buat masa sekarang tumpuan pemasaran keluaran industri kampung secara keseluruhannya belum lagi dapat memenuhi kehendak pasaran di luar negeri.

- (b) Sekarang ini sambutan dan kejayaan hasil-hasil industri kampung adalah membanggakan dan diharapkan ianya dapat menembusi keperluan pasaran luar negeri pada masa-masa akan datang. Agensi-agensi pelaksana di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar seperti Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Batik Malaysia dan Syarikat Pemasaran Kraftangan Malaysia sentiasa berusaha mempertingkatkan daya pengeluaran dan mutu barang-barang hasil pengeluaran industri kampung di samping mendapatkan pasaran di luar negeri.

### HUKUMAN KESALAHAN PERDAGANGAN

**54. Dato Mohamed bin Rahmat** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan berpuas hati bahawa hukuman penjara dan denda atau kedua-duanya mencukupi bagi kesalahan-kesalahan perdagangan atau "Commercial Crime" bagi mengelakkan penipuan-penipuan yang berlaku selama ini tidak akan berulang lagi masa hadapan. Apakah Kerajaan bercadang meminda "penal code" bagi mengenakan hukuman sebat ke atas mereka-mereka yang melakukan kesalahan perdagangan seperti penipuan bank, penipuan dalam koperasi yang telah merugikan rakyat

dan negara untuk menentukan keyakinan rakyat terhadap institusi-institusi kewangan di negara ini dan keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia tidak akan hilang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Kanun Keseksaan ataupun mana-mana undang-undang berkenaan. Pihak Kerajaan adalah berpuas hati di atas hukuman maksima yang diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan.

#### AKTA PELAJARAN 1961— PINDAAN

**55. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapa Seksyen 21 Akta Pelajaran 1961 tidak dipinda seperti yang telah dijanjikan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan semasa sebelum Pilihanraya Umum 1986.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Seperti pernah saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini, Kerajaan belum lagi membuat keputusan tertentu mengenai Seksyen 21 Akta Pelajaran 1961. Kerajaan akan mengkaji Akta ini termasuk Seksyen 21 dengan lebih menyeluruh dan terperinci dengan tujuan untuk memperkukuhkan lagi Akta tersebut supaya Dasar Pelajaran Kebangsaan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan.

#### PENDATANG HARAM INDONESIA

**56. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan dari negara kita pendatang-pendatang haram Indonesia yang menjadi satu punca ancaman kepada keselamatan di negara kita.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kementerian Dalam Negeri sentiasa memandang berat dan mengambil tindakan tegas terhadap kemasukan pendatang tanpa dokumen, termasuk dari negara Indonesia. Kerajaan sedang dan akan terus bertindak untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir mereka. Selain daripada itu, Kementerian Dalam Negeri juga telah mengetatkan lagi kawalan dan rondaan di kawasan perairan dan sempadan daratan Malaysia. Tugas ini dijalankan bersama oleh Jabatan Imigresen, Polis dan lain-lain agensi Kerajaan yang berkaitan.

#### PENGANGGURAN—JUMLAH

**57. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan** minta Menteri Buruh menyatakan senarai jumlah pengangguran di bidang tertentu bagi 5 tahun lampau dan jangkaan jumlah bagi 5 tahun yang akan datang. Apakah tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan bagi mengawal dan mengatasi masalah ini.

**Tuan Kalakau Untol:** Jumlah penganggur pada tahun 1980 adalah dianggarkan seramai kira-kira 292,000 orang. Berikutan dari pertumbuhan ekonomi yang lembab, bilangan tersebut telah meningkat ke paras kira-kira 449,00 orang dalam tahun 1985. Sekiranya kadar pertumbuhan yang lembab itu berterusan bagi jangkamasa tima tahun akan datang, bilangan penganggur akan terus bertambah lagi tetapi bilangannya sukar diramalkan pada masa ini.

Memandangkan keadaan pengangguran ini adalah berpunca dari pertumbuhan ekonomi yang lembab, Kerajaan sedaya upaya cuba meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Peluang pekerjaan akan bertambah jika ekonomi negara bertambah dengan kadar yang memuaskan.

Ke arah mengatakkan pertumbuhan ekonomi dan seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan, Kerajaan telah membuat beberapa pengubahsuaian dan kelonggaran dalam dasar-dasar pelaburan. Kemudahan-kemudahan dan insentif-insentif yang lebih menarik dan khusus telah ditawarkan. Prosedur-prosedur pelaburan telah diselaraskan dan diperkemaskan. Demi mencapai tujuan mengatasi masalah pengangguran, pelaburan yang berpotensi mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak adalah lebih digalakkan daripada pelaburan lain.

Langkah-langkah yang dapat meningkatkan daya pergerakan tenaga kerja (mobiliti) akan membantu mengurangkan bilangan penganggur. Mereka yang menganggur itu harus mempunyai sikap yang lebih positif dan realistik dan sedia menerima peluang pekerjaan di mana-mana tempat pun. Kerajaan bersedia membantu mereka dengan memberikan maklumat yang berkenaan dan kiranya perlu, latihan atau latihan semula yang sesuai akan juga ditawarkan.

Kerajaan juga bercadang membendung kadar kenaikan upah sebagai satu langkah yang penting untuk membendung kenaikan kos pengeluaran. Dengan kadar kenaikan upah yang rendah, kos pengeluaran dapat dikawal dan daya saingan barang-barang keluaran negara ini akan menjadi lebih kukuh di pasaran antarabangsa.

Disamping tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran, penganggur-penganggur sendiri harus lebih bersikap berdaya dan berdaya usaha. Sektor swasta pun harus memainkan peranan yang aktif menyahut seruan Kerajaan dengan menanam pelaburan yang diperlukan itu.

## BERNAMA—LIPUTAN BERITA

**58. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Penerangan menyatakan kenapa Bernama dibenarkan bercampur tangan dalam hal pilihan ke Majlis Tertinggi UMNO seperti dituduh oleh Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat.

**Menteri Penerangan (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj):** Kementerian Penerangan tidak pernah membenarkan BERNAMA dan BERNAMA sendiri pun tidak pernah campur tangan dalam kegiatan mana-mana parti politik. Liputan berita oleh BERNAMA adalah liputan berita biasa yang dibuat berpandu kepada kepentingannya sebagai sebuah berita. Akta BERNAMA menggariskan iaitu liputan BERNAMA mestilah lengkap, benar dan saksama.

## UNIVERSITI LUAR KAMPUS

**59. Tuan Chua Jui Meng** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyakkah jumlah peruntukan kepada program Universiti luar-kampus dan universiti manakah telah mengadakan program luar-kampus ini. Berapa ramaiakah penuntut bumiputera telah mendaftar diri di bawah program tersebut serta adakah penuntut bukan bumiputera diterima untuk program luar-kampus tersebut.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan mengurus dan penyelenggaraan program luar kampus adalah sebanyak \$759,903.00 untuk tahun 1986. Hanya Universiti Sains Malaysia sahaja yang mengadakan program luar kampus. Jumlah penuntut bagi sesi 1986/87 ialah seramai 1,845 orang yang terdiri dari bumiputera dan bukan bumiputera.

## KBSR—PENCAPAIAN MURID

**60. Dr Lim Ann Koon** minta Menteri Pelajaran menyatakan mutu dan prestasi 3M berbanding dengan sistem

pelajaran lama di sekolah rendah. Adakah Kementerian Pelajaran telah mencapai objektifnya serta apakah perubahan yang diperlukan dalam KBSR untuk meningkatkan mutu pelajaran.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari pengesahan yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran beberapa kesan positif didapati dalam pembelajaran dan pencapaian murid yang mengikuti KBSR.

- (i) Prestasi akademik murid-murid pada keseluruhannya telah meningkat.
- (ii) Dari segi perkembangan sahsiah atau personaliti, didapati murid-murid KBSR lebih aktif daripada murid-murid Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR).
- (iii) Murid-murid KBSR didapati lebih bersopan-santun, tertib, hormat-menghormati dan dapat bergaul dengan lebih mesra dengan rakan-rakan.

Setakat ini boleh dikatakan bahawa Kementerian Pelajaran telah mencapai sebahagian besar daripada objektif-objektif yang disarankan bagi KBSR.

Perubahan-perubahan yang sedang dirancang bagi meningkatkan lagi mutu pengajaran/pembelajaran KBS terdiri dari dua aspek, iaitu dari segi kurikulum dan dari segi pelaksanaan. Dari segi kurikulum, Kementerian Pelajaran akan menghalusi lagi cakupan mata-mata pelajaran dan pengagihan isi kandungan mata pelajaran untuk menentukan supaya bebanan pembelajaran dapat diringankan.

Dari segi pelaksanaan, Kementerian Pelajaran akan mempertingkatkan lagi perkhidmatan sokongan di-peringkat sekolah dan juga kemahiran para guru, seperti mengukuhkan lagi peranan

pusat sumber sekolah dan perkhidmatan bimbingan profesional guru-guru.

### **PENGGREDAN SEMULA JAWATAN UTAMA**

**61. Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah pelaksanaan peng'upgrade'an terhadap pegawai-pegawai Kerajaan di peringkat daerah seperti Pegawai Daerah, Jurutera Kerja dan sebagainya memandangkan tugas-tugas dan beban kerja mereka semakin bertambah.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Penggredan semula jawatan-jawatan utama di peringkat daerah perlulah dilaksanakan mengikut keutamaan dan keperluan semasa serta kemampuan kewangan kerajaan. Dalam hal ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keutamaan pada masa ini diberi kepada penggredan semula beberapa jawatan utama di Pejabat Daerah sebagai satu usaha meningkatkan kecekapan dan kemampuan pentadbiran daerah. Satu kajian mengenainya telah diusahakan dan beberapa perubahan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Fasa pertama pelaksanaannya yang berkuatkuasa pada 1 Mac 1987 ini melibatkan penggredan semula beberapa jawatan tertentu bagi pentadbiran tanah dan pembangunan.

### **PENDATANG HARAM**

**62. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) tindakan-tindakan selanjutnya yang dibuat untuk mengenalpasti bilangan orang pendatang haram dalam negara ekoran pengumuman oleh pihak berkuasa negara Indonesia bahawa terdapat lebih kurang 330,000 orang Indonesia yang masuk secara haram di Malaysia; dan

(b) adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menjalankan satu banci khas untuk mendapat gambaran sebenarnya mengenai bilangan orang pendatang haram dalam Malaysia. Jika tidak, mengapa.

**Dato Megat Junid bin Megat Ayob:** Mana-mana warganegara asing yang memasuki negara ini secara haram lazimnya akan menjauhkan diri daripada pihak berkuasa untuk mengelakkan diri daripada dikesan.

Oleh yang demikian, adalah sukar untuk mana-mana pihak bagi memberi angka atau jumlah yang tepat bagi pendatang haram dari Indonesia yang memasuki negara ini. Angka-angka mengenai pendatang haram Indonesia atau dari mana-mana negara juga yang berada di negara ini hanya merupakan satu tanggapan individu sahaja.

Kementerian Dalam Negeri tidak hercadang untuk mengadakan bancian bagi mendapatkan gambaran dan angka sebenar pendatang haram yang berada di Malaysia kerana cara itu adalah tidak praktikal. Kementehnan Dalam Negeri tidak bercadang untuk mengadakan bancian ke atas pendatang tanpa izin dari Indonesia kerana mereka itu tidak akan membenarkan diri mereka dibanci kecuali semua pergerakan orang ramai pada masa bancian dilaksanakan. Selagi orang rami bebas bergerak dari satu tempat ke tempat lain, urusan bancian pendatang tanpa izin Indonesia tidak dapat dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri. Oleh yang demikian, Kementerian Dalam Negeri akan terus bertindak sepertimana yang dilaksanakan sekarang untuk mengesan, menangkap dan mengusir keluar pendatang-pendatang tanpa izin itu. Sebaliknya Kementerian Dalam Negeri akan terus bertindak tegas untuk mengesan pendatang haram yang memasuki negara ini. Setelah dikesan, mereka

akan ditangkap, didakwa dan seterusnya diusir ke negara asal masing-masing.

### SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH— PERUNTUKAN

**63. Tuan Ling Chooi Seng** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyakkah peruntukan perbelanjaan di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, Tamil dan Sekolah Rendah Kebangsaan serta sama ada peruntukan ini seimbang dengan bilangan pelajar di sekolah-sekolah tersebut.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) sejumlah \$784.91 juta telah diluluskan bagi pelajaran rendah. Peruntukan tersebut tidak dipecahkan kepada SRJK(C), SRJK(T) atau SRK. Peruntukan tersebut akan dikeluarkan apabila ada permohonan untuk membina bilik darjah baru ataupun tambahan berdasarkan keutamaan, keperluan mendesak dan kesesuaian tempat. Walau bagaimanapun berdasarkan peruntukan yang diperolehi setiap tahun tidak semua permohonan keperluan bilik darjah dapat dipenuhi.

### KONTRAKTOR BUMIPUTERA— BAYARAN PINJAMAN BANK

**64. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil bagi membantu pengusaha-pengusaha dan kontraktor-kontraktor bumiputera bagi mengelakkan hartat tanah mereka daripada dilelong oleh institusi kewangan, terutama pada masa kemerosotan perniagaan seperti sekarang ini.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, keadaan kemelesetan ekonomi pada

masa ini telah menyebabkan secara keseluruhannya kegiatan-kegiatan perniagaan menjadi lembab. Akibatnya beberapa peminjam menghadapi masalah untuk membayar balik pinjaman mereka. Bank-bank telah pun digesa supaya lebih memahami akan keadaan yang sukar ini membincangkan masalah-masalah pelanggan mereka secara mendalam serta mencari jalan dan cara-cara untuk menolong mereka di dalam mengatasi keadaan yang sukar ini. Bank-bank juga telah digesa supaya tidak bertindak keterlaluan di dalam mendapatkan balik pinjaman mereka dengan apa cara pun dan yang boleh merugikan kemajuan keusahawanan. Bank Negara telah mengarahkan bank-bank supaya menubuhkan Yunit Pemulihan Khas untuk membantu di dalam pemulihan perusahaan-perusahaan yang berdayamaju tetapi mempunyai masalah. Yunit-yunit Pemulihan tersebut adalah bertanggungjawab untuk mengetahui akan masalah sebenar pelanggan-pelanggan mereka dan mencadangkan penyelesaian-penyelesaian yang berkenaan ke atas pembiayaan semula dan penjadualan semula, sekiranya perlu. Kerajaan akan terus mengawasi dengan rapi keadaan tersebut di atas.

#### HOSPITAL JENKA DAN MARAN

**65. Tuan Muhamad bin Abdulah** minta Menteri Kesihatan menyatakan iaitu bilakah Hospital Jenka dan Maran akan dibina kerana keadaan ekonomi sekarang telah beransur pulih.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Cik Teng Gaik Kwan):** Kementerian Kesihatan bercadang untuk membina sebuah hospital daerah di Bandar Pusat Jenka, Daerah Maran dalam Rancangan Malaysia Kelima ini. Pembinaan di jangka bermula dalam tahun 1988 dan siap dalam tahun 1990.

Kementerian tidak ada cadangan untuk membina sebuah hospital di Bandar Maran, Daerah Maran, kerana didapati bahawa hospital daerah di Jenka itu apabila siap kelak akan dapat menampung keperluan penduduk-penduduk dalam kawasan Daerah Maran.

#### PELAWAT ASING TINGGAL LEBIH MASA

**66. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah warganegara asing mengikut negara asal yang masuk secara sah ke negara ini yang tinggal lebih masa dan sejauh manakah sistem pengesanan dan kawalan yang ketat dapat di tingkatkan untuk mencegah mereka tinggal lebih masa di Malaysia.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kementerian tidak tahu jumlah sebenar pelawat asing yang tinggal lebih masa di Malaysia. Angka-angka yang digunakan bagi mengira mereka pada masa ini adalah berpandukan kepada kad pendaratan yang disimpan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Setiap pelawat asing yang tiba di Malaysia dikehendaki mengisikan kad pendaratan. Setiap pendaratan dibahagikan kepada 3 bahagian.

Apabila seorang pelawat asing tiba di Malaysia, Jabatan Imigresen akan mengecopkan kad pendaratannya. Pelawat asing itu dikehendaki menyimpan Bahagian A Kad Pendaratan, manakala Bahagian B dan C disimpan oleh Jabatan Imigresen. Apabila pelawat asing itu keluar dari Malaysia, ia dikehendaki menyerahkan Bahagian A kad pendaratannya kepada Jabatan Imigresen. Jabatan Imigresen akan mencantumkan Bahagian B dengan Bahagian A kad pendaratan itu yang disimpan oleh Jabatan Imigresen.

Bilangan kad pendaratan yang belum dicantumkan oleh Jabatan Imigresen, selepas tempoh berlaku

lawatan seorang pelawat asing ke negara ini, adalah mencerminkan jumlah pelawat asing yang belum keluar dari Malaysia. Mereka itu ditakrifkan sebagai pelawat asing yang tinggal lebih masa di Malaysia.

Berasaskan kepada angka ini, jumlah pelawat asing yang tinggal lebih masa bagi tahun-tahun 1984 dan 1985 adalah seperti berikut:

<i>Negara Asal</i>	<i>1984</i>	<i>1985</i>
Bangladesh .. ..	1157	1441
HongKong.. .. .	9398	9456
India.. .. .	11791	8287
Pakistan .. .. .	1519	2199
Sri Lanka .. .. .	2139	3003
Taiwan .. .. .	4868	4877
Jumlah ..	30872	29263

## PERATURAN PERKHIDMATAN PELAJARAN

**67. Tuan Hashim bin Safm** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kementerian Pelajaran bercadang membuat kajian dan meminda beberapa peraturan perkhidmatan pelajaran dan lain-lain peraturan yang berkaitan dengan perkhidmatan Pelajaran memandangkan ada peraturan-peraturan yang bertindih dan tidak sesuai dengan tuntutan masa.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian tidak mendapati mana-mana peraturan perkhidmatan pelajaran yang bertindih atau tidak sesuai dengan tuntutan masa.

## JAWATANKUASA SIASATAN KEMALANGAN KERETAPI

**68. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Jawatankuasa Siasatan Kemalangan Keretapi tergelincir di Sengkang, Johor, pada 11hb Februari 1987

bermula tugas kerjanya; dan apakah hasil penyiasatan ini, jika ada, setakat ini, berkaitan dengan sebab-sebab kemalangan dan kematian empat orang penumpang dan kecederaan berpuluh-puluh orang lain.

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Saya selaku Menteri yang bertanggungjawab ke atas perkhidmatan KTM telah pun melantik Yang Berbahagia Tan Sri Chang Min Tat, bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, untuk mengadakan satu penyiasatan di bawah seksyen 83 (1) Ordinan Keretapi 1948, ke atas kemalangan keretapi yang telah berlaku di Sengkang, Kulai Johor pada 11hb Februari, 1987.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyiasatan ini sedang dijalankan sekarang. Oleh yang demikian, pada ketika ini, saya tidak dapat mengumumkan sebab-sebab kemalangan dan kematian serta kecederaan ke atas penumpang-penumpang yang terlibat oleh sebab perkara ini ialah "sub judice" dan penyiasatan ini ialah "independent" atau bebas.

## MATA PELAJARAN PENGETAHUAN AGAMA

**69. Tuan Bernard Giluk Dompok:** minta Menteri Pelajaran menyatakan apa sebenarnya dasar Kementerian beliau mengenai pembelajaran mata pelajaran-mata pelajaran pengetahuan agama-agama selain daripada agama rasmi di sekolah-sekolah, dan sama ada di Negeri Sabah di mana terdapat ramai murid-murid bukan beragama Islam misalnya, boleh mempelajari agama mereka di sekolah bagi memudahkan mereka menduduki peperiksaan mata pelajaran pengetahuan agama (selain daripada Islam) di peringkat SPM dan STPM.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengajaran agama-agama lain selain daripada Agama Islam di

sekolah-sekolah adalah tertakluk kepada seksyen 38 Akta Pelajaran 1961 iaitu perbelanjaannya tidak boleh ditanggung dengan wang yang dibekalkan oleh Parlimen. Seseorang murid juga dilarang daripada mempelajari agama selain daripada agama yang dianutinya kecuali dengan kebenaran bertulis daripada ibubapanya. Akta Pelajaran 1961 telah diperluaskan ke Sabah dalam tahun 1976 di bawah Perintah Akta Pelajaran 1976.

### PENSWASTAAN JABATAN TELEKOM

**70. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah Penswastaaan Telekom dimulakan dan apakah syarat-syarat terkandung dalam penswastaaan tersebut. Berapakah jumlah harta benda tetap Telekom dan sama ada harta ini berperanan penting dalam perundingan penswastaaan ini serta nyatakan penama pemegang saham yang berjaya.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Telekom Malaysia (JTM) telah diswastakan dengan rasminya pada 1hb Januari, 1987 dan mulai dari tarikh tersebut semua operasi perkhidmatan telekomunikasi diambilalih oleh Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STM) yang dikehendaki mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam lesennya. Di antara syarat-syarat penting adalah membangunkan perkhidmatan telefon di luar bandar, mendapatkan kelulusan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos sebelum mengubah kadar-kadar tarif dan menjaga "secrecy" pemancaran telekomunikasi. STM masih dalam urusan menilaikan jumlah hartanya. Walau bagaimanapun, jumlah harta tetap adalah tidak penting dalam

konteks penswastaaan pada masa ini memandangkan saham STM dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan.

### PENTADBIRAN KERAJAAN— MEMPERKEMASKAN

**71. Tuan Ting Chek Ming** minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kerajaan akan mengarahkan Jabatan-jabatan di peringkat Persekutuan, Negeri dan daerah menyediakan senarai semakan atau garis-garis panduan yang jelas untuk Jabatan-jabatan Kerajaan dan juga orang ramai untuk mengelakkan:

- (i) kelambatan yang tidak dikawal;
- (ii) penyalahgunaan kuasa;
- (iii) rasuah; dan
- (iv) pilih kasih.

oleh Jabatan-jabatan Kerajaan bila memproses permohonan orang ramai. Kalau belum, sila nyatakan sebab-sebabnya.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Sukalah saya memaklumkan bahawa di samping undang-undang dan peraturan-peraturan kerja yang sedia ada, Kerajaan telahpun mengarahkan semua Jabatan meliputi Jabatan peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah supaya menyediakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja sebagai satu daripada langkah untuk memperkemaskan lagi pentadbiran.

Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja ini antara lain mengandungi panduan kerja yang lengkap dan jelas, senarai rujukan undang-undang dan peraturan yang terlibat, proses kerja yang terperinci dan senarai semakan yang lengkap atas sesuatu jenis kerja yang dijalankan termasuk kerja prosesan permohonan orang ramai kepada Jabatan.

Adalah menjadi tujuan utama Manual Prosedur Kerja dan Fail Kerja ini untuk memastikan proses kerja yang lebih cepat dan cekap serta

pematuhan kepada segala undang-undang dan peraturan-peraturan kerja yang telah ditetapkan. Peraturan ini dijangka dapat juga mencegah amalan-amalan buruk seperti penyalahgunaan kuasa, rasuah, pilih kasih dan sebagainya.

### **WANITA FILIPINA BEKERJA DI MALAYSIA**

**72. Dr V. David** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tujuan asas Kerajaan membenarkan wanita-wanita Filipina bekerja di Malaysia, tetapi menghalang kemasukan wanita-wanita dari India dan Hong Kong bekerja di sini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kementerian Dalam Negeri telah mengesan kegiatan yang dilakukan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang membawa masuk warganegara Filipina sebagai pembantu rumah haram. Untuk membanteraskan penyelewengan itu, Kementerian Dalam Negeri bersetuju membenarkan majikan tempatan membawa masuk pembantu rumah dari Filipina. Setiap permohonan untuk membawa masuk pembantu rumah dari Filipina adalah ditimbang mengikut merit masing-masing.

Kementerian Dalam Negeri bersetuju membenarkan pembantu rumah dari Filipina bekerja di sini memandangkan warganegara Malaysia sendiri tidak bersedia untuk bekerja sebagai pembantu rumah. Langkah ini merupakan langkah sementara dan akan dikaji dari semasa ke semasa.

Kementerian Dalam Negeri hanya membenarkan pembantu rumah dari Filipina bekerja di Malaysia berasaskan kepada semangat kesetiakawanan anggota-anggota ASEAN serta kesesuaian pembantu rumah Filipina dengan majikan masing-masing.

### **PENEROKA FELDA— PERTUKARAN**

**73. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan kenapakah kebanyakan peneroka-peneroka FELDA sering meminta tukar dari satu FELDA ke FELDA yang lain:

- (a) kepada siapakah pertukaran itu boleh dibuat;
- (b) apakah polisi dan dasar atas hal yang tersebut; dan
- (c) bilakah peneroka yang telah ditemuduga akan dipanggil dan ditempatkan di mana-mana FELDA kerana masih terdapat beribu peneroka belum kepastian sama ada dipanggil atau tidak dan umur makin meningkat tinggi.

**Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Untuk pengetahuan Yang Berhormat, adalah tidak benar bahawa kebanyakan peneroka FELDA memohon pertukaran daripada satu rancangan kepada satu rancangan FELDA yang lain. Sebilangan kecil permohonan pertukaran yang diterima adalah di atas alasan masalah kesihatan serta tidak sanggup menjalankan kerja di ladang sawit dan ingin bertukar ke rancangan getah. Ada pula peneroka-peneroka ingin bertukar ke rancangan lain yang lebih hampir dengan kampung asalnya dengan alasan untuk menjaga dan memberi perhatian kepada orang tua mereka.

Permohonan pertukaran boleh dimaju kepada Bahagian Pentadbiran Ibu Pejabat FELDA dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh FELDA. Mengikut polisi FELDA pada masa ini seorang peneroka yang telah ditempatkan di rancangan FELDA tidak boleh dan tidak digalakkan bertukar ke rancangan yang lain kecuali dengan sebab-sebab yang menasabah. Alasan-alasan yang boleh

dipertimbangkan adalah seperti ladangnya telah musnah oleh kerana kebakaran, banjir ataupun serangan perosak dan ladang tersebut tidak lagi dapat mengeluarkan hasil. Bila keadaan tersebut berlaku mereka akan ditempatkan di rancangan lain supaya tidak menjejaskan pendapatan mereka.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, peneroka yang telah ditemuduga akan dipanggil dan ditempatkan di rancangan FELDA setelah senarai nama-nama peneroka dikemuka kepada Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, tidak semua calon yang berjaya ditemuduga dan beroleh kelulusan daripada Kerajaan Negeri dapat ditempatkan di rancangan. Ini bergantung kepada kekosongan tempat yang ada. Ghalib-ghalibnya masa yang diambil dari tarikh temuduga iaitu tarikh dipanggil masuk untuk melebihi 3 bulan.

#### SKIM PERKHIDMATAN PERGURUAN

**74. Tuan Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah dua skim perkhidmatan perguruan (tepasan ijazah dan bukan ijazah) akan dilaksanakan secepat mungkin, mengapa Kementerian perlu menunggu lama untuk melaksanakan skim itu.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 2 skim perkhidmatan bagi Pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang dicadangkan itu masih dalam kajian dari segi implikasi kewangan dan perkhidmatannya.

#### RAKYAT MALAYSIA DITAHAN DI INDONESIA

**75. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benarkah sebelas (11) orang rakyat Malaysia telah ditahan oleh pihak

berkuasa Indonesia di bawah tuduhan menyalahi undang-undang memotong atau mengambil kayu balak di sempadan Tawau (Sabah) dan Kalimantan (Indonesia), dan sama ada Kementeriannya ada mengambil tindakan untuk menolong rakyat Malaysia yang telah ditahan tersebut. Kalau tidak, mengapa.

**Dato' Rais Yatim:** Kementerian saya sedar bahawa terdapat beberapa kes di mana rakyat Malaysia telah ditahan di Indonesia atas berbagai tuduhan menyalahi undang-undang negara itu. Kementerian ini sentiasa mengarahkan Kedutaan serta Konsulat-konsulat kita di tempat-tempat berkenaan untuk meneliti perkembangan kes-kes ini dan membantu di mana perlu. Oleh kerana kesalahan ini berlaku di negara asing, pesalah-pesalah walaupun warganegara Malaysia adalah tertakluk kepada undang-undang negara tersebut.

#### GAJI KAKITANGAN KERAJAAN—SEMAKAN

**76. Tuan P. Patto** minta Menteri Kewangan menyatakan, memandangkan keputusan Kerajaan Persekutuan membekukan kenaikan gaji kakitangan Kerajaan untuk selama tiga tahun mulai tahun ini, sama ada Kerajaan boleh mengekalkan kadar faedah atas pinjaman yang diperolehi oleh kakitangan Kerajaan daripada Kerajaan di paras 4%, jika tidak, mengapa.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Kerajaan tidak membuat keputusan membekukan kenaikan gaji. Kerajaan hanya membekukan semakan gaji untuk tempoh selama 3 tahun mulai daripada tahun ini.

Kerajaan telah pun mengekalkan kadar faedah 4% atas pinjaman perumahan yang diperolehi sebelum 24

Oktober 1986, Bagi Pinjaman selepas 24 Oktober 1986, kadar-kadar faedah seperti berikut dikenakan.

Kumpulan A & B atau setaraf	6%
Kumpulan C atau setaraf	5%
Kumpulan D atau setaraf	4%
Anggota-anggota Pentadbiran dan Negeri-negeri, Ahli-ahli Dewan Parlimen dan Dewan Perundangan Negeri dan para Hakim.	6%

Bayaran balik pinjaman atas kadar baru tidak akan menyulitkan peminjam kerana jumlah bayaran balik adalah dihadkan sebanyak 40% daripada gaji hakiki peminjam.

#### **PEMEGANG KAD PENGENALAN MERAH**

**77. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah pemegang-pemegang kad pengenalan merah yang dilahirkan di Malaysia sehingga ke hari ini yang masih tidak diberi status kerakyatan Malaysia; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan menghentikan cara permohonan sekarang yang pemerosesannya memakan masa yang begitu lama dan sebaliknya memberi masa yang begitu lama dan sebaliknya memberi status kerakyatan secara otomatik kepada pemegang-pemegang kad pengenalan merah. Jika ia, bilakah ianya akan dilaksanakan dan jika tidak, kenapa.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Jumlah pemegang kad pengenalan merah yang dilahirkan di Malaysia dan masih belum mendapat taraf kewarganegaraan sehingga 31-12-1986 ialah 104,212 orang.

Taraf kewarganegaraan seseorang penduduk Malaysia adalah ditentukan oleh Perlembagaan Malaysia. Orang-orang yang berhak mendapatkan taraf kewarganegaraan secara otomatik adalah terdiri daripada:

- (a) mereka yang lahir sebelum hari Malaysia yang juga warganegara Persekutuan oleh sebab peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Bahagian I Jadual Kedua, Perlembagaan Malaysia; dan
- (b) mereka yang lahir pada atau selepas Hari Malaysia, dan mempunyai mana-mana kelayakan yang ditentukan dalam Bahagian 2, Jadual Kedua, Perlembagaan Malaysia.

Orang-orang lain akan mendapat taraf kewarganegaraan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perlembagaan Malaysia dan Undang-undang berkenaan. Selagi mereka tidak dapat memenuhi syarat-syarat itu, orang-orang dalam kumpulan ini tidak akan mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia mereka.

#### **SKANDAL \$2.5 BILLION BMF**

**78. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah aduan polis yang dibuat setakat ini berhubung dengan skandal \$2.5 billion BMF dan dalam setiap kes tersebut nyatakan ciri aduan polis tersebut dan tindakan kerajaan ke atasnya.

**Dato\* Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak lima aduan polis berhubung dengan skandal \$2.5 billion BMF telah dibuat. Pihak polis telah pun membuka kertas siasatan terhadap aduan-aduan tersebut dan didapati aduan-aduan itu adalah berhubung dengan penipuan, pecah amanah dan

penyelewengan yang berlaku di Hong Kong. Memandangkan kejadian penyelewengan dan pecah amanah itu dilakukan di luar Malaysia maka kerajaan tidaklah dapat mengambil tindakan undang-undang kerana perkara itu berada di luar kuasa mahkamah.

#### KAUM ISLAM DI FILIPINA

**79. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sikap yang telah diambil oleh Malaysia berhubung dengan masalah yang berlaku di antara Kerajaan dan kaum Islam di Filipina. Sebagai Negara ASEAN apakah sumbangan dan nasihat kepada negara yang berkenaan.

**Dato' Rais Yatim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah kaum Islam di Filipina merupakan masalah dalam negeri Filipina dan terpulanglah kepada Kerajaan Filipina sendiri menyelesaikan masalah tersebut.

Bagaimanapun Malaysia mengalukan usaha kerajaan Puan Aquino mengadakan rundingan dengan kaum Islam dengan tujuan untuk menubuhkan satu kerajaan autonomi bagi orang-orang Islam di Selatan Filipina.

Malaysia menyokong usaha murni Kerajaan Pilipina ke arah ini sejajar dengan pendirian Malaysia dan lain-lain negara Pertubuhan Persidangan Islam dalam usaha memperbaiki taraf kehidupan dan ekonomi kaum Islam minoriti di seluruh dunia.

Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang juga dianggotai oleh Malaysia, di Sidang Kemuncak di Kuwait Januari, 1987, telah menyatakan harapan agar rundingan autonomi di antara MNLF dan Pemerintah Filipina akan membawa kejayaan.

#### KOPERASI PENGAMBIL DEPOSIT—SIASATAN

**80. Tuan Lim Guan Eng** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa suatu Suruhanjaya Di Raja tidak ditubuhkan untuk Skandal Koperasi yang telah mengakibatkan tujuh penyimpan-penyimpan wang membunuh diri dan melibatkan 588,000 pendepositer-pendepositer dan wang sebanyak \$1.5 billion memandangkan bahawa suatu siasatan awam boleh diadakan untuk menyiasat nahas keretapi dekat Kulai yang meragut nyawa empat penumpang.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melantik Jawatankuasa Tindakan Khas Koperasi pada 25hb September, 1986 untuk mengkaji masalah-masalah 24 Koperasi Pengambilan Deposit yang telah dibekukan dan mencadangkan rumusan yang sesuai untuk pelaksanaan. Sehubungan dengan ini, bagi menjelaskan kedudukan sebenar Koperasi Pengambilan Deposit kepada orang ramai dan bagi menghilangkan apa juga keraguan terhadap perlunya tindakan Kerajaan ke atas Koperasi Pengambilan Deposit, satu Kertas Putih berhubung dengan Koperasi telah dibentangkan dalam Dewan Parlimen pada 10hb November, 1986. Kertas Putih ini telah menerangkan secara terperinci mengenai Koperasi Pengambilan Deposit dan juga hasil penyiasatan yang telah dilakukan. Oleh yang demikian, saya tidak nampak mengapa Suruhanjaya Siasatan Di Raja sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat perlu lagi ditubuhkan.

#### PERKHIDMATAN PEKERJA LADANG—SYARAT-SYARAT

**81. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Buruh menyatakan sebab apakah syarat-syarat untuk perkhidmatan (conditions of service)

untuk pekerja-pekerja di ladang-ladang yang wujud di bawah golongan "MAPA" begitu berbeza jika dibandingkan dengan ladang-ladang bukan di bawah golongan "MAPA" dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk mensembang syarat-syarat tersebut dalam semua ladang-ladang tanpa mengambil kira di bawah mana golongan mereka sedang diuruskan.

**Tuan Kalakau Untol:** Keupayaan majikan perladangan untuk membayar upah dan menawarkan syarat-syarat perkhidmatan kepada pekerjaanya adalah bergantung kepada beberapa faktor termasuklah keuntungan hasil tanaman, saiz ladang, di mana letaknya ladang itu dan penawaran dan permintaan tenaga buruh di pasar buruh tempatan.

Dengan demikian, adalah sukar bagi Kementerian Buruh untuk berusaha bagi memperseimbangkan syarat-syarat perkhidmatan pekerjaan di sektor perladangan dan kadar upahnya.

#### PELAJAR MALAYSIA MELAN- JUTKAN PELAJARAN DI INDONESIA

**82. Dato' Mohamed Rahmat** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramaikah pelajar-pelajar Malaysia yang dihantar untuk melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi di Indonesia pada tahun ini. Apakah Kementerian bercadang untuk menjadikan Indonesia sebagai salah satu pusat penting dalam program pengiriman pelajar-pelajar Malaysia ke Seberang Laut.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Pada tahun ini JPA bercadang untuk menghantar seramai 50 orang pelajar untuk melanjutkan pelajaran di Pusat-pusat Pengajian Tinggi di Indonesia dalam berbagai bidang pengajian.

Kerajaan akan terus memupuk kerjasama dan hubungan yang erat dalam bidang pendidikan selaras dengan persefahaman dan semangat perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani oleh kedua-dua buah negara.

#### FERI MALAYSIA- SINGAPURA—PERKHIDMATAN

**83. Dato' Mohamed bin Rahmat** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah feri antara Malaysia dan Singapura akan dimulakan. Apakah bentuk feri itu dan berapakah belanja seluruhnya bagi projek ini. Apakah sumbangan Kerajaan Singapura bagi projek ini.

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Perkhidmatan feri ini pada mulanya dijangka akan dimulakan pada bulan Julai 1987, tetapi terpaksa ditunda kepada satu tarikh yang belum ditetapkan atas sebab-sebab teknikal.

Perkhidmatan feri ini akan menggunakan sebuah feri yang sedang digunakan di Pulau Pinang. Feri ini telah pun diuji di Selat Tebrau dan didapati sesuai sekiranya pengubahsuaian yang tertentu dilakukan ke atasnya. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah pun meluluskan peruntukan sebanyak \$7 juta untuk mengubahsuaikan feri ini dan juga bagi pembinaan jeti dan infrastruktur untuk projek ini.

Sumbangan Kerajaan Singapura dalam projek ini adalah menyediakan tapak untuk terminal jeti dan tanah yang ditambah di Tanjung Changi.

#### KUIL SRI ARULOLI THIRUMURUGAN— PERUNTUKAN

**84. Tuan Gooi Hock Seng** minta Perdana Menteri menyatakan kenapa Kerajaan tidak memberi peruntukan sebanyak \$50,000.00 kepada Kuil Sri Arloli Thirumurugan yang terletak di

Bukit Bendera seperti yang telah dijanjikan oleh Datuk Samy Vellu bagi pihak Kerajaan Persekutuan pada bulan April, 1986.

**Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi projek yang dimaksudkan itu telah pun dikeluarkan pada penghujung tahun 1986 yang lalu. Oleh yang demikian, perkara ini tidak perlu dibangkitkan lagi.

#### PELARIAN KILIPINA DI SABAH

**85. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan orang-orang pelarian (refugee) Filipina yang berada di Sabah dan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menghantar mereka balik ke tanah air mereka.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya memohon bagi menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gaya pada 16-3-87 kerana ianya mempunyai maksud yang hampir sama.

Jumlah sebenar pendatang haram Filipina di Sabah tidak dapat dipastikan dengan tepat. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah menjalankan usaha untuk mengesan mereka. Ini adalah satu usaha yang berterusan.

Sebahagian daripada pendatang haram itu telah masuk ke Malaysia kerana melarikan diri dari keadaan di Filipina. Sebelum apa-apa tindakan diambil terhadap mereka yang dikesan itu, kita perlu mengenalpasti bahawa mereka itu dapat dihantar balik ke negara asal mereka.

Keputusan yang akan diambil itu bergantung kepada faktor-faktor yang menyebabkan mereka datang ke Malaysia dan juga keadaan di Filipina.

Jika keadaan membenarkan mereka balik di Filipina, maka tindakan akan diambil untuk menghantar mereka balik. Walau bagaimanapun, mereka yang datang ke Malaysia atas sebab ekonomi, tindakan akan diambil untuk menghantar balik ke Filipina, jika kedatangan mereka tidak diperlukan oleh pihak berkuasa negeri Sabah.

#### KEMPEN JIMAT CERMAT KERAJAAN

**86. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah banyak wang yang telah diselamatkan sejak kempen jimat cermat dan pembekuan naik gaji serta jawatan-jawatan baru dilaksanakan oleh Kerajaan. Berapa peratuskah yang dapat dikurangkan daripada jumlah wang yang diperuntukkan kepada perbelanjaan mengurus.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Kempen jimat cermat Kerajaan bermula pada tahun 1982 apabila "Garis-garis Panduan Untuk Mengurangkan Perbelanjaan Awam" dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia pada 29-7-1982.

Pada keseluruhannya kempen tersebut telah berjaya mengurangkan kadar pertumbuhan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan. Dari tahun 1982 hingga tahun 1985 kadar purata pertumbuhan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan hanyalah sebanyak 8.34% sahaja berbanding dengan kadar purata pertumbuhan perbelanjaan di dalam jangka masa dari tahun 1978 hingga tahun 1981 sebanyak 18.58% iaitu berkurangan sebanyak 10.23%.

Adalah sukar untuk menentukan dengan tepat jumlah perbelanjaan yang dapat diselamatkan. Walau bagaimanapun jika dibandingkan perbelanjaan sebenar dengan peruntukan yang diluluskan kadar purata pengurangan perbelanjaan

sebenarnya bagi tahun 1978-1981 ialah 5.06% manakala bagi tahun 1982-1985 kadar purata pengurangan perbelanjaan sebenar ialah 10.28% iaitu meningkat sebanyak 5.22%.

Pada tahun 1986, sebanyak \$1,456 juta telah dikurangkan daripada peruntukan asal sebanyak 21,954 juta iaitu berkurangan kira-kira 6.6%.

### **SYARIKAT ANAK AGENSI YANG BERMASALAH**

**87. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada kesemua 34 buah anak syarikat yang menghadapi masalah di bawah Kementerannya telah menghantarkan laporan masing-masing kepadanya; dan sebutkan nama:

- (a) 6 buah syarikat yang sedang mengalami kesulitan untuk hidup;
- (b) 19 buah syarikat yang amat tenat; dan
- (c) 9 buah syarikat yang kurang baik;

dan apakah tindakan yang telah dan sedang diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

**Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Sehingga kini, kesemua agensi-agensi di bawah Kementerian ini telah pun menghantar laporan masing-masing mengenai syarikat-syarikat anak agensi yang bermasalah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini tidaklah mengklasifikasikan syarikat-syarikat yang bermasalah mengikut penjenisan seperti yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat iaitu syarikat-syarikat yang sedang mengalami kesulitan untuk hidup, syarikat-syarikat amat tenat dan syarikat-syarikat kurang baik.

Peringkat masalah yang diklasifikasikan oleh Kementerian ialah:

- (i) Tenat;
- (ii) Sangat lemah; dan
- (iii) Lemah

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian ini telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Pelaburan mengkaji masa depan syarikat-syarikat yang bermasalah. Jawatankuasa ini akan membuat perakuan mengenai cara-cara yang paling sesuai untuk mengatasi masalah ini. Dengan itu saya rasa buat masa ini, nama syarikat-syarikat ini tidaklah wajar dihebahkan kerana laporan mengenai syarikat-syarikat ini sedang dikaji oleh Jawatankuasa Khas Pelaburan Kementerian. Tindakan ini adalah bertujuan untuk tidak menjejaskan nama baik dan masa depan syarikat-syarikat ini.

### **POLITIK WANG SEMASA PILIHANRAYA**

**88. Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Kerajaan berhajat untuk:

- (a) merangka Rang Undang-undang; atau
- (b) meminda Akta Pilihanraya, supaya politik wang dapat dikikis semasa pilihanraya umum, pilihanraya kecil dan pemilihan parti-parti politik; selaras dengan penubuhan Jawatankuasa Etika Pemilihan UMNO baru-baru ini;

Jika ya, apakah di antara pemindahan atau perangkaan Rang Undang-undang yang sedang dikaji mahupun yang telah ditetapkan.

**Dato' Oo Gin Sun:** Politik wang sebagaimana yang dinyatakan adalah tidak ada dan dengan itu soal untuk menggubal atau meminda undang-undang tidak timbul.

**PENGISYTIHARAN HARTA  
KEPADA MENTERI/  
TIMBALAN/SETIAUSAHA  
PARLIMEN**

**89. Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bekas Menteri Kabinet, Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen yang telah didakwa oleh orang ramai, institusi-institusi kewangan dan Polis atas ketidakjujuran berkenaan dengan urusan kewangan dan juga nyatakan sama ada mereka ini telah mengisytiharkan harta-harta mereka kepada Perdana Menteri serta adakah pengisytiharan mereka ini bersesuaian dengan keadaan kewangan mereka kini, jikalau ia, kenapa mereka masih diamanahkan memegang jawatan-jawatan sekarang. Jikalau tidak, adakah mereka telah membuat pengisytiharan harta secara palsu, jika begitu, untuk mengelakkan perkara-perkara sumbang daripada berlaku, adakah Perdana Menteri akan mengenakan pengisytiharan harta secara umum.

**Dato' Oo Gin Sun:** Pihak Kerajaan hanya dapat memberikan jawapan ke atas pendakwaan yang dibuat oleh Polis sahaja. Setakat ini hanya seorang Timbalan Menteri dan 2 orang bekas Timbalan Menteri yang dituduh di Mahkamah atas kesalahan pecah amanah dan bersubahat.

Mengenai pengisytiharkan harta, secara umumnya semua Menteri, Timbalan dan Setiausaha Parlimen telah mengisytiharkan harta kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Setakat yang diketahui, pengisytiharan harta tersebut adalah

betul. Peraturan pengisytiharan harta yang berjalan sekarang adalah memuaskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
DIBAWA KE DALAM  
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG  
SURUHANJAYA PELABUHAN  
PULAU PINANG (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini,

**RANG UNDANG-UNDANG  
KERETAPI (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Keretapi 1948; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PENERBANGAN AWAM  
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kemudian.

**RANG UNDANG-UNDANG  
LEMBAGA PELABUHAN  
BINTULU (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh

Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kemudian.

## USUL

### AKTA ACARA KEWANGAN 1957

#### MENAMBAH BUTIRAN BARU "TABUNG KUMPULANWANG AMANAH PUSTAKA PERINGATAN P. RAMLEE"

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas masalah "Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 10 (4) Akta Acara Kewangan 1957, membuat ketetapan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran baru seperti berikut:

"Tabung Kumpulanwang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee".

(9hb Mac, 1987)

**Tuan P. Patto:** Point of order 12. Sewaktu 6.30 petang semalam saya telah mengingatkan Tuan Yang di-Pertua pada ketika itu bahawa perbincangan atas Usul tersebut hendaklah ditamatkan kerana Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan Dewan bersidang selepas 6.30 kecuali ada sebarang Usul dikeluarkan untuk melanjutkan tetapi pada ketika itu Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, saya kira sekurang-kurangnya telah berucap selama 3 minit melebihi 6.30 petang dan ini melanggar Peraturan Mesyuarat 12.

Saya meminta Tuan Yang di-Pertua membuat satu keputusan sama ada apa yang diutarakan selepas 6.30 petang itu sah atau tidak sah. Kalau tidak sah, saya meminta Tuan Yang di-Pertua mengarahkan supaya ia dikeluarkan daripada Penyata Rasmi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak silap saya ada satu syarat di dalam Peraturarj Mesyuarat kita yang

mengatakan jikalau ada benda-benda yang tersilap, yang tidak tersentuh kepada pokoknya, maka kesilapan ini tidak memansuhkan apa-apa keputusan atau perbuatan yang telah diambil. Pada fikiran saya melanggar tiga minit itu bukanlah satu perkara yang boleh merosakkan sesuatu benda yang boleh dikatakan besar. Dan dengan demikian pada fikiran saya apa yang berlaku dalam masa tiga minit itu adalah dianggap sah. (*Tepuk*)

Saya minta rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 99A menyatakan ada. Kalau sekiranya ada apa-apa perkara yang menjadi bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat, kegagalan yang sedemikian hendaklah dikira sebagai satu perkara di luar aturan dan tidak boleh membatalkan perjalanan mesyuarat atau keputusan berakibat daripadanya. Itu mengikut Peraturan Mesyuarat 99A.

Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berbalik kepada perkara yang di hadapan kita. Saya difahamkan kesemua perbincangan telah pun habis di atas Usul ini. Sekarang saya hendak kemukakan masalah bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 10 (4) Akta Acara Kewangan 1957, membuat ketetapan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran baru seperti berikut:

"Tabung Kumpulanwang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee", hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 10 (4) Akta Acara Kewangan 1957, membuat ketetapan bahawa Jadual Kedua

kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran baru seperti berikut:

"Tabung Kumpulanwang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee".

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketlga

3.41 ptg.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, skim keselamatan sosial pekerja sentiasa diberi perhatian demi untuk menjaga kepentingan pekerja-pekerja dan tanggungan mereka, dan pindaan ini pada dasarnya akan meningkatkan asas faedah yang diperuntukkan di bawah Akta Keselamatan Sosial 1969. Namun demikian, semasa merangka pindaan ini perhatian juga ditumpukan kepada prinsip-prinsip insurans sosial dan standard yang diluluskan melalui Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Tuan Yang di-Pertua, i/inkan saya menyentuh beberapa aspek penting pindaan ini, Kadar pembayaran faedah hilang upaya sementara yang menjadi asas bagi skim bencana kerja telah dinaikkan daripada 70% ke 80%. Kadar ini adalah kadar yang tertinggi jika dibandingkan dengan negara-negara yang maju di rantau ini seperti Jepun dan Korea Selatan yang masih kekal di paras 60%. Kenaikan ini akan meningkatkan kadar faedah

harian bagi setiap pekerja yang ditimpa bencana kerja. Dengan ini seseorang pekerja yang menerima gaji dalam lingkungan \$600 hingga \$700 sebulan akan menerima faedah sebanyak \$520 sebulan berbanding dengan \$445 yang dibayar sekarang.

Prinsip yang baru yang diamalkan melalui pindaan ini adalah supaya menggunakan kadar yang lebih tinggi akibat kecederaan parah dan kekal dan yang membawa maut. Pada masa ini kadar faedah bagi kecederaan hilang upaya sementara dan kekal adalah sama iaitu 70% daripada gaji harian purata. Melalui pindaan ini bagi kes kemalangan di mana pekerja meninggal dunia atau mengidap hilang upaya kekal kadar bayaran dinaikkan ke paras 90% daripada gaji harian. Ini bererti bahawa penerima akan mendapat faedah tambahan sebanyak \$70 sehingga \$190 sebulan bergantung kepada gaji mereka.

Perkembangan lain ialah prinsip pembayaran bagi kes hilang upaya kekal yang kini dibayar melalui pencen bulanan telah diubah di mana sebahagian daripadanya dibayar secara pukal dan bakinya sebagai pencen bulanan seumur hidup. Ini merupakan satu prinsip yang liberal yang tiada persamaan di bawah skim keselamatan sosial di negara lain. Dengan pertambahan kadar bayaran daripada 70% kepada 90%, seseorang pekerja yang tercedera kekal akan menerima pampasan permulaan yang lumayan di samping itu dijamin menerima bayaran bulanan seumur hidup.

Seseorang pekerja yang ditaksirkan mengidap hilang upaya kekal akan diberi pilihan sama ada menerima faedahnya secara pencen bulanan atau mengambil 1/5 daripadanya sebagai bayaran pukal manakala bakinya secara pencen bulanan. Sebagai contoh, pekerja yang berumur 33 tahun bergaji \$650 sebulan akan

menerima \$29,168 dan pencen bulanan seumur hidup sebanyak \$468 berbanding dengan pencen bulanan mengikut undang-undang pada masa ini ialah sebanyak \$409.50 sen sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ketinggalan pindaan ini juga memberi perhatian kepada orang yang tanggungan seseorang pekerja yang meninggal dunia. Syarat-syarat berhubung dengan pembayaran faedah orang tanggungan yang ketat masa kini akan dipinda bagi duda, adik-beradik dan ibubapa. Perlonggaran syarat adalah berhubung dengan definisi tanggungan mengikut konsep perkongsian keluarga yang menjadi satu norma di kalangan pekerja berpendapatan rendah. Atas konsep ini pendapatan sesuatu keluarga sama ada suami atau isteri dianggap punca pendapatan keluarga dan lantaran itu perlonggaran syarat akan melayakkan pembayaran faedah kepada duda, nenek sebelah ibu dan orang tanggungan yang lain yang bergantung kepada sebahagian sahaja kepada pendapatan pekerja.

Perlu ditegaskan bahawa pindaan ini mengambil kira tentang syer faedah yang dibayar kepada seorang tanggungan untuk membolehkan mereka menerima pencen yang lebih munasabah. Maksud saya di mana balu berkahwin semula atau meninggal dunia, syer anaknya dinaikkan dari 2/5 ke 3/5 daripada kadar anggapan harian. Sementara itu syer ibubapanya juga dinaikkan daripada 3/10 ke 4/10 dan bagi adik remaja daripada 2/10 ke 3/10 daripada kadar anggapan harian.

Di samping itu peruntukan berhubung dengan had umur bagi anak-anak menerima faedah diselaraskan dengan peruntukan pencen dalam sektor awam. Di bawah peruntukan baru ini anak-anak pekerja akan menerima faedah tanggungan sehingga umur 21 tahun

dan sekiranya mereka masih dalam institusi pengajian tinggi sehingga menerima ijazah pertama. Pada masa ini mereka menerima faedah sehingga umur 18 tahun sahaja. Bagi adik lelaki atau perempuan remaja yang belum berkahwin faedah akan dibayar sehingga mereka mencapai umur 21 tahun. Mengikut undang-undang semasa, mereka dibayar faedah hingga umur 16 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pekerja-pekerja yang bekerja di sektor perindustrian, perlindungan daripada penyakit khidmat perlu diperluaskan. Untuk tujuan ini satu senarai penyakit khidmat yang lengkap dan merangkumi penyakit-penyakit baru berbangkit daripada penggunaan teknologi baru telah disediakan.

Sehubungan dengan ini tempoh yang ditetapkan bagi seseorang pengidap penyakit yang terdapat dalam Jadual, dilanjutkan daripada setahun hingga ke 5 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya telah menyentuh pindaan berkenaan dengan skim bencana kerja. Bagi skim pencen ilat, Kementerian Buruh telah membuat dua perubahan besar bagi memperbaiki faedah di bawahnya. Pertama dengan menaikkan kadar faedah pencen ilat penuh daripada paras minima 40% ke 50%. Kenaikan ini akan menambah kuantum faedah dan akan dinikmati oleh semua penerima pencen ilat dan pencen penakat.

Pindaan kedua adalah dengan menetapkan pencen yang dikurangkan pada kadar 50%. Ini bermakna bahawa pencen ini digandakan daripada 25% ke 50%. Adalah menjadi hasrat Kementerian Buruh supaya lebih ramai pekerja mendapat perlindungan keselamatan sosial dan bagi tujuan ini pindaan yang dicadangkan ini akan membolehkan perusahaan di mana terdapat lebih

daripada 5 orang pekerja tanpa sekatan gaji perlu didaftarkan dan melindungi pekerja yang menerima gaji kurang daripada \$1,000 sebulan. Dengan ini lebih ramai pekerja di beberapa perusahaan akan menerima perlindungan keselamatan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, prinsip tri-partisma, dalam hal-hal yang melibatkan pekerja dan majikan telah menjadi amalan Kementerian Buruh. Melalui keanggotaan tri-partisma ini, Kementerian Buruh akan memastikan keseimbangan kepentingan antara pihak majikan dan pekerja. Baru-baru ini skop Skim Keselamatan Sosial telah diperluaskan ke seluruh negeri Sabah dan Sarawak dan selaras dengan dasar tri-partisma, pindaan kepada keanggotaan Lembaga PERKESO adalah dicadangkan untuk menambah bilangan wakil majikan dan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, tidak syak lagi pindaan yang dicadangkan akan memberi kesan baik kepada para pekerja yang akan diberi perlindungan secara automatik. Diharapkan ini akan mengatasi masalah yang kini dihadapi berhubung dengan kegagalan dan kelalaian pihak majikan mendaftarkan pekerjaannya mengikut peraturan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kita sering mendengar kritikan yang dilemparkan kepada Skim Keselamatan Sosial bahawa amaun yang dibayar tidak setimpal dengan jumlah wang yang terkumpul. Saya tidak menafikan bahawa pada peringkat awal skim ini diperkenalkan, faedah yang dibayar adalah rendah. Bagaimanapun kadar harian minima bagi faedah hilang upaya sementara dan kekal telah dinaikkan daripada \$2.50 kepada \$8.00, tnenjadikan faedah bulanan sebanyak \$240.00 bermula pada tahun 1985. Kesan daripada kenaikan ini atas kumpulanwang dan pengenalan faedah pencen penakat hanya akan

dirasai pada tahun-tahun akan datang. Dalam hal ini pengkritik harus memahami bahawa Skim Keselamatan Sosial telah dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia secara berperingkat-peringkat, manakala Skim Pencen Ilat hanya dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia dalam tahun 1980. Ini telah menyebabkan bayaran di bawah Skim Pencen Ilat rendah selaras dengan pulangan caruman pekerja yang rendah. Bagaimanapun dengan peredaran masa dan perubahan yang liberal pada kadar faedah, pembayaran faedah daripada kumpulanwang pasti akan meningkat. Dalam konteks saya sama ingin saya menekankan di sini bahawa wang PERKESO yang berlebihan adalah digunakan untuk perbelanjaan jangka panjang. Satu lagi penyesuaian yang merangsangkan yang dibuat ke atas pembayaran faedah ialah pemakaian formula baru kepada kes-kes dalam pembayaran yang akan menghasilkan pertambahan faedah bagi kebanyakan kes.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin pindaan yang dicadangkan akan memberi faedah keselamatan sosial kepada lebih ramai pekerja dan pada masa yang sama akan memperkenalkan prinsip baru di dalam pelaksanaan skim dan melipatgandakan faedah kepada para pekerja dan tanggungannya tanpa kenaikan kadar caruman. Dasar mengkaji semula peruntukan termasuk peraturan-peraturan akan diteruskan dan adalah diharapkan agar Skim Keselamatan Sosial di negara ini akan berkembang dengan lebih pesat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

5.55 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1987 yang tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Pada permulaannya saya ingin mengucapkan tahniah kepada PERKESO dan khasnya kepada Ketua Pengarah yang telah mengambil inisiatif untuk mengkaji semula perjalanan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan telah mengemukakan beberapa pindaan kepada Akta Induk yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini.

Saya dapat ingat bahawa saya telah lama menyuarakan di dalam Dewan yang mulia ini demi kepentingan para pekerja di negara kita, maka Akta yang tersebut iaitu Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 hendaklah sentiasa dikaji dari masa ke semasa untuk mengatasi berbagai-bagai kelemahan dan di samping itu untuk memperbaiki keadaan-keadaan tertentu. Saya memperhatikan bahawa Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1987 ini mengandungi sebanyak 39 pindaan. Saya dapat ingat bahawa pindaan-pindaan terakhir kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ada diperkenalkan dan diluluskan dalam tahun 1984 oleh Dewan yang mulia ini. Saya tidak bercadang untuk membahaskan pindaan demi pindaan seperti yang terkandung dalam cadangan Rang Undang-undang ini.

Walau bagaimanapun saya suka menyentuh tentang apa yang saya sifatkan sebagai penting dalam beberapa pindaan ini.

Fasal 2 (e) bertujuan untuk meminda takrif "orang berinsurans" dan mencadangkan bahawa takrif orang berinsurans itu diperluaskan kepada semua orang yang kena diinsuranskan, walaupun perusahaan itu atau pekerja itu atau kedua-duanya tidak berdaftar dengan Badan PERKESO. Cadangan pindaan bermakna bahawa pekerja-pekerja yang tidak berdaftar dengan PERKESO boleh menuntut faedah daripada pertubuhan selagi mereka adalah orang yang layak atau orang yang berinsurans. Saya mengalu-alukan pindaan ini kerana saya rasa bahawa adalah tidak adil bagi orang-orang berinsurans dinafikan faedah-faedah yang diberikan di bawah Akta, hanya kerana majikan gagal mengemukakan borang-borang yang dikehendaki kepada PERKESO.

Fasal 10 pula bertujuan untuk memperkenalkan satu seksyen baru iaitu seksyen 17A berkaitan dengan syarat-syarat kelayakan untuk pencon penakat. Fasal 11 pula bertujuan memperuntukkan kenaikan faedah berkenaan pencon ilat. Bagi orang-orang berinsurans yang telah genap bekerja sepanjang tempoh kelayakan, pencon bulanan asas dinaikkan dari 40% kepada 50% sementara mereka yang telah genap tempoh kelayakan yang dikurangkan pencon bulanan asas dinaikkan daripada 25% kepada 50% gaji bulanan purata.

Saya juga mendapati bahawa Fasal 22 Rang Undang-undang pindaan bertujuan untuk meminda seksyen 43 Akta dengan menambah satu proviso yang memberikan pilihan kepada orang berinsurans mengganti 1/5 faedah harian dengan wang pukal dan bakinya sebagai bayaran berkala jika kehilangan mata pencarian adalah lebih daripada 20%.

Terdapat juga pindaan Fasal 44 yang bertujuan meminda Jadual Keempat dengan menaikkan kadar taedah hilang upaya sementara dan hilang upaya kekal. Kadar bagi hilang upaya sementara adalah sekarang 80% daripada gaji harian purata anggapan, manakala kadar bagi hilang upaya kekal adalah 90%.

Rang Undang-undang ini saya juga memerhatikan adalah bercadang untuk meliputi berbagai penyakit pekerjaan atau bencana khidmat yang memakan beberapa tahun untuk menjadi yang mana pampasan boleh dituntut terhadapnya. Beberapa cadangan Faedah lain juga disenaraikan dalam Fasal 13 yang menyebut bahawa seseorang duda yang sepenuhnya atau sebahagian besarnya bergantung kepada pendapatan seseorang orang berinsurans perempuan yang mati sepatutnya layak menerima pencen penakat dan dalam Fasal 16 pula ada dinyatakan bahawa anak lelaki atau perempuan orang berinsurans yang lemah dan yang sebahagian besarnya bergantung kepada pendapatan orang berinsurans sepatutnya layak mendapat faedah orang tanggungan. Pelbagai cadangan pindaan yang diperkenalkan itu sepertimana yang tadi telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bertujuan untuk memberi lebih banyak pertambahan faedah kepada orang berinsurans.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pergunakan Mesyuarat*)

Cadangan pindaan ini adalah pasti satu pembaikan ataupun improvement, dengan izin, yang ada dalam Akta Induk pada masa sekarang dan sepatutnya dialu-alukan. Akan tetapi, apabila dipandang Akta Keselamatan Sosial Pekerja ini pada keseluruhan dan mengambil pertimbangan keperluan menyediakan keselamatan sosial yang lebih

komprehensif, yang lebih baik untuk pekerja-pekerja maka pindaan-pindaan seperti dicadangkan tidaklah boleh dianggap sebagai mencukupi atau sebagai komprehensif.

Saya sentiasa menyuarakan baik di dalam dan di luar Dewan ini usaha-usaha yang banyak perlu dilakukan oleh PERKESO untuk memberi faedah kepada pencarum-pencarumnya selaras dengan kedudukan kewangannya yang teguh. Bagi menjadikan pertubuhan ini benar-benar berfaedah kepada pekerja-pekerja, maka sesuatu perlulah dilakukan supaya lebih banyak perubahan dan pembaikan diperkenalkan selain daripada yang disentuh dalam cadangan Rang Undang-undang ini.

Sejak ditubuhkan dalam tahun 1971, PERKESO telah berkembang dengan pesat baik dalam bentuk keahlian mahupun kedudukan kewangannya. Pertumbuhan pesat ini berlaku kerana skim ini diwajibkan kepada para pekerja. Menurut Laporan Tahunan PERKESO 1985, keahlian berdaftar pertubuhan ialah berjumlah 2.9 juta orang dan amaun caruman yang diterima oleh PERKESO bagi tempoh yang sama sejak ditubuhkan berjumlah lebih kurang \$745.2 juta. Pada masa sekarang, kutipan PERKESO dalam bentuk caruman telah melebihi \$800 juta, tidak termasuk jutaan ringgit yang diperolehi menerusi pelaburannya.

Sementara keahlian dan aset bertambah dengan pesat sejak beberapa tahun ini, amaun yang dibayar keluar sehingga sekarang amat kecil. Sebagai misalan, dalam satu jawapan yang diberikan oleh bekas Timbalan Menteri Buruh dalam Dewan ini pada 16hb Oktober, 1985, beliau berkata bahawa daripada caruman yang diterima oleh PERKESO sehingga akhir Disember 1984 berjumlah \$621.8 juta, tetapi

hanya \$81.2 juta telah dibelanjakan untuk membayar pelbagai faedah kepada pekerja-pekerja berdaftar dan tanggungan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin tegaskan di sini ialah bahawa sementara pindaan-pindaan seperti yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini adalah satu pembaikan yang luas kepada Akta asal ataupun Akta yang wujud sekarang, tetapi saya merasa lebih banyak boleh dilakukan oleh PERKESO untuk memberi faedah kepada pekerja dan tanggungan mereka memandangkan kedudukan kewangannya yang teguh. Adalah benar dinyatakan di sini bahawa caruman yang diterima oleh PERKESO melebihi \$10 juta sebulan dan sehingga sekarang adalah tidak silap dinyatakan di sini bahawa satu bulan kutipan sahaja sudah mencukupi untuk membayar semua tuntutan sepanjang satu tahun.

Saya rasa bahawa untuk memberikan lebih banyak perubahan dan faedah kepada pencaerum-pencaerum dan orang tanggungan mereka, PERKESO hendaklah mengkaji cadangan-cadangan yang berikut:

Yang pertama, menaikkan lagi kadar faedah seperti yang diperuntukkan di bawah Akta ini kepada satu paras di mana pembayaran keluar menyamai caruman yang diterima daripada para pekerja. Sungguhpun kenaikan faedah berkaitan dengan pencen ilat seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 11 Rang Undang-undang ini serta kenaikan kadar faedah bagi hilang upaya sementara dan kekal adalah disanjung tetapi saya rasa kenaikan itu sepatutnya lebih tinggi lagi. Kuantum faedah mestilah kerap dikaji semula dan dinaikkan untuk faedah orang berinsurans dan orang tanggungan mereka.

Cadangan yang kedua yang saya ingin menyampaikan di sini ialah PERKESO haruslah menimbang menyalurkan kumpulanwangnya untuk penggalakan kesihatan pekerjaan dan keselamatan para pekerja dengan tujuan untuk mencegah kemalangan industri. Terdapat satu keperluan yang segera supaya ditubuhkan sebuah Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan bantuan Kumpulanwang PERKESO. Kesihatan pekerjaan dan bantuan kumpulanwang ini adalah sangat mustahak dan walaupun Rang Undang-undang ini menyebut berbagai penyakit atau bencana khidmat. . . . .

**Tuan Tieu Sung Seng (Sibu):** Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup kuorum.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Setiausaha, sila bilang.

(Ahli-ahli dikira, 23 Ahli hadir)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Setiausaha, sila bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Cukup kuorum—31 Ahli hadir. Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada menyatakan bahawa masanya telah tiba bagi Kerajaan untuk menubuhkan sebuah Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dengan bantuan Kumpulanwang PERKESO.

Walaupun Rang Undang-undang ini menyebut berbagai penyakit atau bencana khidmat yang mana pampasan boleh dituntut terhadapnya, tetapi kenapakah PERKESO berdiam daripada membuat sesuatu untuk menggalakkan keselamatan dan kesihatan pekerja.

Syor yang ketiga, saya ingin mengemukakan di sini bahawa PERKESO haruslah menyediakan program pemulihan yang moden bagi pekerja-pekerja cacat atau hilang-upaya termasuk pusat-pusat pemulihan dalam daerah dan bandar-bandar besar.

Keempat, PERKESO hendaklah memperluaskan Faedah supaya meliputi penyakit dan bersalin yang telah lama ditunggu-tunggu.

Kelima, menyemak semula Seksyen 24 Akta Keselamatan Sosial Pekerja berkaitan dengan kemalangan yang berlaku semasa dalam perjalanan dari dan ke tempat kerja dengan menggunakan kenderaan majikan. Adalah dicadangkan di sini bahawa PERKESO hendaklah juga meliputi pekerja-pekerja yang berjalan dalam kenderaan sendiri selain daripada pengangkutan pihak majikan, supaya sekiranya berlaku kemalangan yang menyebabkan mereka kehilangan pekerjaan dalam tempoh tersebut, beliau boleh juga menuntut pampasan. Semua ini amat diperlukan apabila kita membuat pertimbangan bahawa tuntutan pihak ketiga menerusi insuran mengambil masa sehingga 4-5 tahun untuk menyelesaikannya di mahkamah. Sementara menantikan tempoh yang lama itu, pekerja sepatutnya boleh mendapat sedikit-sebanyak bantuan kewangan daripada PERKESO.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya izinkan saya menyatakan di sini bahawa walaupun pelbagai pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini adalah satu "improvement" yang luas daripada apa yang kita mempunyai pada masa sekarang di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja yang wujud sekarang.

Saya suka menggesa Pertubuhan ini supaya terus menyemak semula fungsinya dari semasa ke semasa sebagai satu pertubuhan keselamatan

sosial dengan tujuan untuk memberikan banyak kebaikan dan faedah bagi pekerja-pekerja yang berkenaan. Dalam hubungan ini, saya berharap cadangan-cadangan saya di atas akan menerima pertimbangan yang bersungguh-sungguh daripada Pertubuhan itu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kepong.

*4.03 ptg.*

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menambahkan ucapan dan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang tadi yang semuanya waras dan bernas.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya pindaan-pindaan yang dibuat dalam Akta ini seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang adalah ke arah satu langkah yang lebih betul. Walau bagaimanapun, pindaan-pindaan ini tidaklah mencukupi dan harus memaparkan pemberian lebih faedah dan tuntutan yang memuaskan kepada para pekerja dan tanggungan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal pekerja-pekerja yang tercedera yang mati akibat kemalangan, mewujudkan satu situasi di mana ianya merupakan satu dwi-tragedi dwi-tragedi ke atas yang tercedera dan ke atas tanggungannya. Walaupun peratusan pampasan kepada seseorang berinsuran seperti kadar bagi hilang upaya kekal dari 70% kepada 80% daripada gaji harian purata sudah meningkat, bayaran pampasan yang dibuat oleh Persatuan Keselamatan Sosial hanyalah sebahagian kecil daripada caruman yang diterima.

Dalam tempoh 10 tahun yang pertama ditubuhkan PERKESO, caruman yang dikutip adalah berjumlah \$243 juta, manakala

pembayaran yang dibuat hanyalah sekadar \$9.7% daripada jumlah itu iaitu lebih kurang \$23.5 juta. Faedah yang telah diberikan kepada pekerja yang tercedera hanya sekadar 7% sahaja daripada jumlah besar caruman yang diterima.

Walaupun keadaan ini menurut Rang Undang-undang tersebut adalah diperbaiki sedikit-sebanyak, ia belum mencukupi. Pembayaran yang kurang memuaskan itu kurang berubah sehingga hari ini. Pada tahun 1985 didakwa bahawa Perkeso menerima didakwa bahawa PERKESO menerima juta dalam bentuk bunga dan dividen daripada pelaburan wang caruman. Daripada jumlah \$183 juta itu, hanya \$20 juta telah dibayar keluar kepada pekerja yang tercedera. Sekiranya ini dapat membayangkan pengurangan dalam bilangan kematangan, maka kami berasa amat bersyukur, akan tetapi apabila kami meninjau pula jumlah kemalangan perusahaan tahun-tahun yang lepas, bilangannya semakin meningkat.

Contohnya, dari 56,114 kes dalam tahun 1983 kepada 61,084 kes dalam tahun 1984 dan 61,717 kes menjelang bulan Januari tahun yang lepas. Sebab itulah cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang untuk mengadakan satu institusi keselamatan adalah wajar dan patut diterima oleh pihak Kerajaan. Pendek kata, PERKESO boleh dikatakan membolot wang caruman pekerja dan hanya tahu menerima tetapi kedekut semasa membayar pampasan.

Kerajaan sedang memperalatkan Perkeso atau lebih tepat sekali para pekerja untuk memperolehi satu sumber dana yang murah sama seperti Kumpulan Sinipanan Wang Pekerja (KWSP). PERKESO ini adalah lebih teruk daripada KWSP kerana caruman yang diterima langsung berada di luar kawalan dan pemerhatian pekerja.

Saya berharap Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengambil perhatian terhadap hal seperti itu. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat mempertimbangkan syor Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) pada tahun yang lepas supaya mengubahsuai sistem penyelarasan PERKESO kepada satu sistem insuran pekerja yang lebih teratur. Cadangan ini memang masuk akal kerana kebanyakan daripada pencarum PERKESO terdiri daripada mereka yang tidak berupaya untuk membeli insuran dari syarikat-syarikat insuran. Maka PERKESO seharusnya bertindak sebagai satu bentuk institusi insuran Kerajaan yang khas bagi pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting di sini Yang Berhormat dari Bukit Bintang ada mencadangkan satu peruntukan untuk mengadakan rancangan pemulihan pekerja-pekerja yang tercedera yang belum lagi diadakan oleh Kementerian Buruh.

Saya mencadangkan selain daripada mengadakan peruntukan satu dana, satu tabung diadakan untuk maksud tersebut, sebab kalau tidak ada tabung setakat ada peruntukan pun tidak berguna juga.

Cadangan yang ketiga ialah penguatkuasaan yang lebih berkesan ke atas pindaan-pindaan yang diadakan dikemukakan hari ini, kerana yang saya tahu kes-kes pampasan kadangkala 2-3 tahun pun tidak dapat lagi. Saya boleh tunjukkan kes ini kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu. Ada satu lagi yang penting setakat ini peruntukan di dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja ini menafikan pekerja yang tercedera mengambil tindakan sivil walaupun pampasan diterimanya dianggap tidak adil. Ini satu peruntukan di dalam Akta tersebut yang tidak adil dan saksama. Saya mencadangkan bahawa peruntukan di

dalam Akta ini yang menafikan pekerja yang tercedera mengambil tindakan sivil ini dibatalkan, kalau tidak dibatalkan jadi keadilan dan kesaksamaan tidak akan terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan dapat menerima cadangan-cadangan yang bernas ini yang dikemukakan oleh kami.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daudl: Yang Berhormat dari Lembah Pantai.**

4.24ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama menyokong satu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, yang mana telah pun dapat pandangan dari dua orang Yang Berhormat yang dahulu daripada saya tadi.

Saya ingin menyokong di atas pindaan Akta ini dan juga ingin menyokong serta mengucapkan tahniah di atas usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan sehingga dapat meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ini bagi memberi kemudahan kepada pekerja-pekerja dalam negara kita ini, apabila mereka ini menempuh kemalangan dan sebagainya, kerana selama ini sungguhpun ada Akta ini telah berjalan begitu lama, tetapi masih lagi majikan-majikan tidak mahu mematuhi undang-undang dan mereka ini juga kadangkala mencari jalan bagi mengelakkan untuk membayar kepada pekerja-pekerja yang telah dapat kemalangan, meninggal dunia dan sebagainya. Oleh itu dalam keadaan ini kita mengucapkan terima kasih dan mudah-mudahan dengan adanya Akta Keselamatan Sosial Pekerja ini yang mana telah dipinda supaya pihak Kerajaan benar-benar dapat menjalankan tugasnya, tidak ada pilih

kasih ataupun diskriminasi di antara satu sama lain bagi menjalankan tugas-tugas untuk kebaikan kepada pekerja-pekerja.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun menerangkan satu persatu di atas fasal-fasal yang melibatkan Akta ini, yang akan diikuti oleh pihak majikan dan juga pihak-pihak yang berkenaan yang mana fasal-fasal ini begitu panjang, rasa saya di antara 40 sampai 50 fasal.

Saya tidak dapat membaca satu persatu, tetapi selintas memandangkan hal ini amat baik, terutamanya dengan pembayaran-pembayaran apabila mereka ini dapat kemalangan atau kematian kepada yang tinggal ataupun waris-waris mereka dan juga jikalau mereka masih hidup yang mana telah diterangkan tadi iaitu antara gaji \$350 hingga \$700 akan mendapat lebih kurang \$520 sebulan dan begitu juga yang lainnya gaji \$650 akan mendapat pampasan \$29,168 ataupun dikira gaji bulanan atau bayaran bulanan \$468.

Rasa saya dalam soal ini kalau dibandingkan dengan gaji yang mereka dapat semasa mereka tidak ada berpenyakit ataupun tidak dapat kemalangan, ini amat bersesuaian dengan pampasan ataupun sagu hati bulanan kepada mereka yang terlibat. Dan di samping itu juga dia mengatakan kalau mereka ini meninggal dunia, waris-waris dahulunya adalah isteri ataupun suami ataupun anak sebagaimana dikatakan tadi umur 21 tahun, sekarang boleh mendapat apa yang dikatakan di sini nenek ataupun orang tua yang lain yang ada bersangkutan dengan yang mati atau yang cedera, mereka ini akan menerima gaji seperti yang disebutkan tadi. Ini rasa saya salah satunya kerana mereka yang masuk PERKESO ini adalah mereka yang berpendapat begitu rendah dan mereka ini adalah golongan-golongan yang datang

daripada kampung dan keluarga yang miskin, dengan adanya ini dapatlah menolong sedikit sebanyak kepada keluarga-keluarga yang tinggal untuk membelanja ataupun memberi sara hidup kepada anak-anak yang kecil ataupun isteri-isteri kemungkinan yang sakit ataupun nenek akan dapat sedikit meringankan beban kepada yang masih hidup.

Di samping itu saya mengharapkan kerana ada juga yang kita dengar, yang saya dapat pengaduan daripada orang ramai yang mana banyak majikan-majikan yang dahulu, tetapi dengan adanya pemindahan ini kemungkinan tidak akan berlaku lagi, banyak majikan-majikan yang mana apabila mereka ini masih berupaya bekerja dengan baik, tetapi mereka ini maklum sahaja sebagaimana yang diterangkan mereka berhadapan setiap hari dengan keadaan yang merbahaya. Umpamanya yang disebut di sini mereka yang bekerja dengan faktori yang mengeluarkan gas hidrogen dan sebagainya yang lain lagi yang rosak pendengar disebabkan oleh bunyi bising gas karbon dioksida, gas karbon monoksida.

Saya pun tidak tahu bagaimana hendak sebut kerana banyak "sidanya", gagasan paru-paru dan sebagainya kerana mereka ini banyak gangguan semasa bekerja. Oleh itu mereka ini kadangkala apa yang kita dapat tahu mereka ini selalu mendapat sakit dan kadangkala pergi berjumpa dengan doktor untuk mendapat rawatan, tetapi pihak majikan mengira di atas penyakit-penyakit ini apabila mereka pergi berjumpa doktor berapa hari yang pekerja tidak dapat bekerja, kadangkala mereka ini telah bekerja bertahun-tahun oleh kerana ini pihak majikan hendak mengelakkan pembayaran-pembayaran sekiranya mereka ini sakit ataupun mati, maka majikan-majikan mencari jalan untuk membuang mereka ini kerja lebih awal lagi. Ini selalu berlaku kepada pekerja-pekerja, khususnya di Kuala

Lumpur ini yang mana banyak kita dapat tahu, tetapi masalah ini selalu juga dibawa kepada pihak-pihak yang berkenaan, kadangkala pihak-pihak pekerja tidak mendapat layanan, sama ada pihak Kerajaan ataupun majikan tersebut kerana ada sebagaimana yang saya katakan tadi mereka ini ada cara-cara yang boleh mereka melarikan masalah-masalah ini.

Soal yang lain, kematian umpamanya. Begitu juga kematian jalan raya banyak berlaku kepada golongan pekerja ini kerana mereka ini adalah pergi bekerja dengan naik basikal ataupun naik motosikal dan sebagainya, kadangkala ada naik kereta, kadang-kadang berlaku kemalangan. Apabila berlaku kemalangan, ini juga menjadi beban kepada keluarga-keluarga yang hidup. Kemalangan-kemalangan yang berlaku ini selalunya membawa maut, kalau kemalangan di jalan raya, mereka akan mati. Bila telah meninggal dunia, bermacam masalah yang timbul. Pertama, mereka ini terpaksa dibawa ke hospital, ke rumah sakit. Bila bawa ke rumah sakit, bermacamlah; polis tolak kepada doktor, doktor tolak ke situ dan sini sehinggakan pihak-pihak yang terkena kemalangan ini berjam-jam, kadangkala memakan masa dua hari baru dapat dikeluarkan mayat daripada hospital disebabkan kononnya pihak polis tidak mahu melepaskan, mesti ada pembedahan ataupun "post-mortem" kerana kalau tidak, dia kata, insuran tak boleh bayar, PERKESO tak boleh bayar, bermacam-macam helah yang dilakukan oleh pihak polis dan juga pihak doktor.

Ini saya rasa dalam soal ini, lebih-lebih lagi kepada orang-orang yang beragama Islam, iaitu agama Islam ini kita tahu semua tiap-tiap orang Islam yang telah meninggal dunia kalau boleh hendaklah dikebumikan dengan seberapa segera. Di samping itu juga, rayuan-rayuan juga dibuat oleh pihak

waris-waris si mati supaya jangan dibedah kerana telah dapat terang-benderang dengan mata kepala sendiri iaitu yang kena langgar dan sebagainya telah nampak patah kaki, pecah kepala dan seterusnya, tak payah lagi hendak dibelah-belah lagi. Ini juga menjadi masalah. Oleh itu, dalam masalah ini saya mengharapkan supaya keselamatan sosial pekerja ini dengan pindaan ini juga dapat diambil perhatian. Sungguhpun perkara ini telah selalu kita perbincangkan di pihak segi agama boleh dan sebagainya, tetapi dalam masalah ini memakan masa yang lama. Kadangkala mayat-mayat ini bukan duduk dekat, kadangkala mereka ini hendak bawa ke Perlis, kadangkala ke Terengganu, ke Kelantan, memakan masa yang lama lagi. Oleh itu, dalam masalah ini juga dengan keselamatan sosial pekerja ini dengan ada Lembaga Pengelola yang mana dikatakan di dalam Undang-undang ini supaya dapat mengkaji agar apa yang saya sebutkan tadi mendapat pandangan daripada pihak-pihak yang berkenaan, terutamanya berhubung dengan mayat-mayat orang-orang yang beragama Islam.

Soal-soal yang lain, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi agar pihak-pihak majikan mestilah mengikut arahan-arahan yang ada dalam Akta ini kerana tidak berlaku sebagaimana saya sebutkan tadi perkara-perkara yang engkar, yang lari, yang tidak mahu membayar dan sebagainya dan begitu juga pembayaran-pembayaran ini macam-macam yang berlaku, khasnya di Kuala Lumpur yang menjadikan masalah-masalah yang begitu rumit kepada pekerja-pekerja yang mendapat kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal peratus-peratus yang telah dinaikkan tadi, ini rasa saya amat membanggakan pihak pekerja-pekerja sekarang ini kerana dengan adanya ini, mereka itu sedikit-sebanyak akan

dapat faedah apabila mereka menerima kemalangan dan sebagainya. Di samping itu juga pihak Kerajaan ataupun majikan yang berkenaan supaya apabila pembayaran-pembayaran ini dilakukan dapat dibayar seberapa segera yang boleh kerana mereka ini adalah golongan yang miskin yang saya katakan tadi. Kadangkala mereka ini selalu sangat begitu lama untuk mendapatkan pampasan ataupun bayaran gantirugi dan seterusnya ini memakan bertahun-tahun lamanya, kadangkala hendak melantik lawyer pula dan terpaksa pula membayar wang lagi untuk lawyer dan sebagainya. Ini juga berlaku kerana keengganan majikan-majikan untuk membayar sebagaimana yang dikehendaki mengikut Akta yang ada dalam ini. Sebagaimana disebut tadi masalah-masalah "post-mortem" tidak ada, hendak check balik tempat bagaimana, kadangkala cari polis yang membuat report dahulu kerana sudah berhenti. Ini juga menjadi masalah-masalah yang dialami.

Di samping itu juga, mengikut di sini saya hendak cari pun susah, panjang sangat, saya teringat tadi berhubung dengan mayat yang mana saya rasa juga supaya ada undang-undang sedikit, iaitu pihak majikan apabila mendapat tahu kemalangan kepada pekerja-pekerja mereka supaya pihak majikan dapat mengeluarkan lebih awal sedikit wang, iaitu untuk membiayai pengkebumian mayat-mayat ini. Ini juga menjadi masalah kepada orang-orang yang miskin yang duduk di Kuala Lumpur ini dan kepada mereka ini untuk membawa mayat-mayat keluar daripada Kuala Lumpur ini memakan belanja yang banyak. Di samping itu juga, saya mengharapkan agar pihak hospital supaya juga jangan minta wang pada masa itu juga apabila mayat telah tiba ke kawasan rumah mereka, masa itu juga berkehendak kewangan. Rasa saya selepas itu

hantar bil-bilnya kepada majikan-majikan yang berkenaan untuk membayarnya, tidak dipaksa kepada waris-waris si mati itu.

Oleh itu dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas Akta meminda Keselamatan Sosial Pekerja 1969 atau -PERKESO ini yang telah dapat dijalankan dengan begitu baik, saya rasa, agar pekerja-pekerja terselamat daripada malapetaka dan sebagainya. Oleh itu, dengan ini saya dengan sukacitanya juga menyokong Rang Undang-undang ini supaya diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Tanjong.

*4.37 ptg.*

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya daripada perakuan Yang Berhormat yang berucap tadi bahawa kalau dia mahu panjang pun susah dan ada arahan dikeluarkan untuk panjang-panjangkan perbahasan ini dengan tujuan nampaknya untuk membunuhkn usul mengenai Thaipusam. Tetapi saya berucap bukan oleh kerana untuk berucap supaya masa diberi untuk satu usul mahu isytiharkan Thaipusam sebagai hari besar, tetapi untuk membangkitkan satu perkara yang saya rasa sangat penting.

Tadi rakan-rakan saya dari Bukit Bintang dan Kepong ada berucap dari beberapa segi mengenai skim PERKESO. Saya tidak akan ulang apa mereka ada berucap dengan hujah-hujah dan fakta-fakta yang sangat teratur dan sangat baik, tetapi apa yang saya mahu sebut ialah mengenai satu peruntukan pindaan yang baru iaitu mengenai peruntukan Pasal 29 dan Pasal 34 dalam Rang Undang-undang ini.

Pasal 29 memindahkan seksyen 59 dalam Akta itu dengan membuat peraturan untuk jawatankuasa-jawatankuasa ditubuhkan yang terdiri daripada baikpun Ahli-ahli Lembaga atau bukan Ahli-ahli Lembaga atau gabungan kedua-duanya untuk menasihati atau membantu Lembaga dalam beberapa perkara atau fungsi-fungsi.

Fasal 34 dalam Rang Undang-undang ini membuat peruntukan mengenai pelaburan wang di mana seksyen 75 yang ada sekarang ada dipinda supaya pelaburan wang bolehlah dibuat atas beberapa syarat dalam pindaan yang baru. Saya rasa ini satu aspek pelaburan wang PERKESO yang sangat penting oleh kerana ini bukan satu jumlah wang yang kecil. Dalam Laporan PERKESO tahun 1985 nampaknya jumlah wang dalam tangan PERKESO sudah dekat \$900 juta dan sekarang ialah Mac, 1987 dan saya percaya ianya sudah melebihi daripada \$1 billion. Saya tak tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab bagi membentangkan Rang Undang-undang ini adakah angka-angka semasa atau yang selewat-lewatnya mengenai kedudukan kewangan sekarang dalam PERKESO. Kita semua tahu bahagian atau peratus yang dibayar sebagai gantirugi atau pampasan pekerja-pekerja 1/10 sahaja atau 10% dan apabila Kerajaan datang ke Dewan yang mulia ini untuk membuat pindaan-pindaan mengenai pelaburan-pelaburan wang-wang PERKESO, saya rasa kita ada hak untuk tahu apa yang sedang dijalankan dalam pelaburan-pelaburan wang-wang PERKESO sampai sekarang.

Semalam satu Kertas Pelaburan ada dibentangkan mengenai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)—lagi satu tabung mengenai wang untuk pekerja-pekerja - untuk tahun 1985 dan kita dapati bahawa dalam

pelaburan ada berlaku penyelewengan sebenarnya, penyelewengan dan keputusan-keputusan yang diambil bukan demi kepentingan kaum pekerja di mana Ketua Audit Negara sendiri dalam nota-nota mengenai syer-syer pasaran ada menunjukkan bahawa untuk tahun 1985, KWSP telah melaburkan sebanyak \$71 juta dalam syer-syer syarikat awam. Sebenarnya jumlah kos pelaburan syer-syer syarikat-syarikat KWSP sebanyak \$517 juta sudah jatuh dengan nilai pasaran sebanyak \$483 juta pada 31hb Disember, 1985 yang menunjukkan kerugian buku bersih, "paper toss" sebanyak \$33.75 juta dan kini lagi bahawa adalah dari pelaburan sebanyak \$517 juta, \$95 juta telah dilaburkan dalam sebuah anak syarikat; \$269 juta dalam 8 buah syarikat awam dan bakinya \$153 juta dalam 10 pinjaman (debenture) dan 78 buah syarikat awam yang lain. Lebih penting dan lebih serius lagi, bahawa KWSP (EPF) ada membuat pelaburan dalam non trustee stock yang melanggar Seksyen 4 (2) (b) Akta Kumpulanwang Simpanan Pekerja 1951.

Pelaburan dalam non-trustee stock atau saham-saham bukan amanah sungguhpun berjumlah \$18.86 juta untuk tahun 1985, tetapi sejumlah \$50.8 juta mungkin sebelum 1985 atau selepas 1985, itu tidak dijelaskan. Point yang saya sebutkan mengenai ini ialah, kita pun tahu, bahawa Tabung PERKESO ada digunakan untuk pelaburan dalam saham-saham pasaran terbuka dan saya percaya termasuk non-trustee stock. Ini satu amanah yang patut dikendalikan dengan perasaan tanggungjawab yang berat, bukan sepertimana ada berlaku dalam KWSP. Bukan sahaja ia melanggar Akta KWSP menggunakan wang itu dalam non-trustee stock tetapi. ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Duduk sekejap. Saya rasa Yang

Berhormat telah keluar daripada tajuk perbincangan kita yang sebenar—36 (1). Sepatutnya Yang Berhormat menumpukan kepada Rang Undang-undang pindaan yang dibentangkan, bukan Akta ataupun laporan EPF.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak bahas Laporan EPF. Saya menggunakan EPF sebagai satu contoh di mana wang-wang orang ramai khasnya wang-wang rakyat ada digunakan bukan untuk memajukan kepentingan mereka tetapi untuk memajukan segelintir orang yang ada hakmilik syarikat-syarikat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, saya membenarkan tadi untuk beberapa ketika sebagai perbandingan. Tetapi apa yang saya dapati bahawa Yang Berhormat telah menerangkan secara begitu detail sekali. Saya minta kalau boleh setakat itu sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya gunakan ini sebagai satu contoh, oleh kerana ini mustahak. Kerajaan ini bercakap bahawa ianya sangat serius mengenai beramanah, bersih, cekap. Saya rasa sebenarnya, kita patut bahas laporan KWSP. Kalau Kerajaan ini amanah, kalau Kerajaan ini bersih, kalau tidak bersih, tidak apa. Apa yang tidak bersih tidak boleh sebut, apa yang tidak beramanah tidak mahu sebut.

**TJmbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, tolong duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya sudah membenarkan Yang Berhormat membincang atau memberi contoh begitu panjang lebar sekali. Oleh kerana Kertas EPF telah dibentangkan di atas meja, Ahli Yang Berhormat tidak perlu sebutkan lagi oleh kerana contoh Yang Berhormat

telah berikan tadi telah mencukupi untuk Ahli-ahli mengetahuinya. Teruskan perbahasan mengenai Rang Undang-undang yang disebutkan hari ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Fasal 34—Penal Pelaburan. Penal Pelaburan dalam Rang Undang-undang di hadapan kita akan ditubuhkan dan akan dibenarkan untuk membuat pelaburan:

- (a) dalam pelaburan atau sekuriti yang dibenarkan bagi pelaburan wang amanah oleh mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuatkuasa iaitu trustee stock;
- (b) dalam pelaburan dalam syer atau debentur dalam mana-mana syarikat awam yang harganya disebut atau sudah diusahakan supaya disebut di bursa saham yang ditubuhkan di Malaysia; dan
- (c) dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

Ini ada terdapat dan contoh KWSP sangat sesuai dan tepat oleh kerana dalam Akta KWSP sungguhpun ada halangan terhadap menggunakan wang-wang untuk non-trustee stock, berlaku penyelewengan. Bukan sahaja berlaku penyelewengan—Timbalan Pengerusi Penal Investment ialah—Peguam Negara akankah dia membawa KWSP kepada Mahkamah oleh sebab sudah menjalankan tindakan-tindakan yang tidak sah. Adakah AG akan sue AG sendiri dalam perkara EPF? Kalau dalam Akta KWSP boleh berlaku penyelewengan, apa akan berlaku selepas pindaan-pindaan ini diluluskan di mana tidak ada kontrol. Siapa akan membuat keputusan? Menteri Kewangan.

Satu perkara yang sangat nyata dalam Kerajaan Malaysia sekarang ialah bahawa keyakinan, kepercayaan kepada Kerajaan sudah jatuh kepada satu tahap yang serendah-rendah sekali, termasuk Menteri-menteri. Adakah demi kepentingan negara, demi kepentingan pekerja-pekerja bahawa keputusan dalam tangan seorang Menteri Kewangan, sesiapa pun. Saya rasa adakah ini kehendak-kehendak kaum-kaum pekerja? Kalau kaum-kaum pekerja ini bersetuju, itu lain hal. Saya rasa oleh kerana wang itu wang yang beramanah untuk menjaga kepentingan, keselamatan pekerja-pekerja, dan saya rasa ini mustahak.

Saya tidak mahu tahu berapa peratus wang-wang PERKESO sekarang ada dalam non-trustee stock. Kita tahu mengikut laporan PERKESO tahun 1985, mengenai pelaburan ada disebut pelaburan bahawa pada hujung tahun 1985, pelaburan selain daripada pelaburan dalam sekuriti Kerajaan, merupakan 7.7% daripada jumlah pelaburan. Itu pada akhir tahun 1985, di mana jumlah pelaburan ialah sebanyak \$895.4 juta, dekat \$900 juta. 8% jumlah ini ialah lebih daripada \$70 juta dan sekarang kalau sudah lebih daripada \$1 billion. \$800 juta ialah lebih daripada \$800 juta iaitu satu angka yang besar. Bolehkah kita membenarkan tanpa satu sistem kontrol wang yang begitu besar ini digunakan untuk spekulasi oleh Kerajaan. Kerajaan sudah dua tahun ini berkata masa ini ialah untuk money managers.

Itulah ucapan yang selalu dibuat dalam dua tahun ini oleh Ahli Yang Berhormat Menteri Kewangan. Inilah masa untuk masuk pasaran saham, menaikkan pasaran saham. Dan inilah tanggungjawab, inilah cabaran pengurus-pengurus wang (money managers) termasuk PERKESO, termasuk KWSP. Tetapi wang siapa? Wang rakyat. Dan apa ada kerugian

dan siapa menderita macam KWSP tahun 1985 sudah rugi berapa? Paper loss dia kata, sudah rugi \$33 juta. Berapa paper loss sudah dialami oleh PERKESO?

Kita berhak untuk tahu, adakah pindaan ini sebenarnya untuk memberi satu lagi blank cheque untuk managers investment panel sesiapa yang akan dilantik untuk buat apa-apa pelaburan. Raley, Roxy atau saham-saham yang ada bersangkutan-paut dengan orang-orang yang terkemuka dalam Barisan Nasional baik UMNO, GERAKAN, MCA, MIC (*Tepuk*). Ini relevant khasnya dalam keadaan sekarang oleh kerana kita semua tahu ramai pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, dia ada syarikat-syarikat yang mahu lepaskan saham-saham tetapi tidak boleh. Adakah menggunakan wang rakyat ini untuk lepaskan mereka sendiri semacam UMBC shares, beli dan jual balik kepada PERNAS dengan wang rakyat, wang negara. (*Tepuk*)

Saya harap sama ada Yang Berhormat Menteri ada layak atau tidak layak untuk jawab apa pelaburan? Dan apakah kita dapat tahu senarai sepenuhnya semua syarikat-syarikat awam yang dilaburkan dengan wang PERKESO dan KWSP? Kita tahu Cycle & Carriage, Malayan Banking. Sebenarnya kesemuanya 78 buah syarikat. Kenapa KWSP sebuah lembaga sebagai bertanggungjawab senaraikan sepenuhnya 78 syarikat lagi, sesamanya PERKESO, governing council. Sebenarnya berapa syarikat awam, berapa non trusty stock dibeli dengan wang PERKESO, senaraikan? Dan kita boleh tengok adakah, dengan izin, justification atau tidak justification atau adakah wang rakyat dalam KWSP, PERKESO digunakan untuk menyelamatkan pemimpin-pemimpin UMNO, MCA GERAKAN sahaja? (*Tepuk*)

Saya sebut ini oleh kerana saya tahu dalam tahun 1984 dan 1985 wang PERKESO ada digunakan untuk stock spekulasi. Semacam wang KWSP ada digunakan untuk stock spekulasi. MAKUASA - Skandal MAKUASA sampai sekarang belum dijawab dengan seterang-terangnya. Saya harap bahawa kita mahu satu akauntibiliti yang lebih tulin.

Dalam Akta SOCSO (PERKESO) ada peruntukan di mana PERKESO perlu buat laporan tahunan akan dibentang dalam Parlimen, ada. Tetapi nampaknya laporan yang tidak lengkap dibuat. Mungkin inilah di luar daripada kuasa pentadbir-pentadbir PERKESO barulah ada tanggungjawab untuk mengendalikan skim-skim PERKESO mengenai apa yang akan berlaku wang-wang itu, policy decision dalam tangan orang-orang tertinggi, tetapi ini salahguna kuasa kalau begitu dan tidak patut sesiapa baik Menteri Kewangan atau sesiapa untuk campurtangan dalam keputusan-keputusan mengenai apa-apa saham dibeli, apa-apa syarikat diselamat. Dan untuk menjaga kepentingan pekerja-pekerja, satu sistem yang terbuka perlu diadakan mengenai proses pelaburan. Yang pertama, tahun-tahun satu laporan dibuat dalam Laporan Tahunan PERKESO mengenai semua syarikat di mana ada beli saham. Dan kalau ada berlaku pelaburan yang tidak sah, ahli-ahli governing council patutlah disurcharge untuk bayar balik kepada tabung ini, semacam KWSP. Ketua Audit Negara kata itu tidak sah, langgar Akta KWSP. Saya kata bahawa Lembaga patut disurcharge termasuk Peguam Negara, bayar balik kepada KWSP, apa yang dirugi (*Tepuk*). Barulah ada tanggungjawab boleh dikekalkan. Kalau tidak kita buat apa keputusan rugi, jatuh, tidak apa. Syarikat selamat cukup, pemimpin Barisan Nasional selamat cukup. Siapa jahanam? Rakyat jahanam, pekerja-pekerja jahanam.

Keduanya, saya harap bahawa oleh kerana ada peruntukan bahawa Laporan Tahunan perlu dibuat kepada Parlimen bahawa Jawatankuasa Kirakira Wang Negara siasat, semak, periksa akaun-akaun PERKESO termasuk KWSP dan mahu tahu mengenai proses pelaburan. Panggil PERKESO datang, panggil Governing Council datang ke PAC apa jenis syarikat-syarikat di mana wang PERKESO ada dilabur, kenapa, untung atau rugi? Ini sangat mustahak khasnya apabila kita menghadapi satu krisis keyakinan mengenai sama ada Kerajaan kita, satu Kerajaan yang bersih, beramanah, yang cekap atau satu Kerajaan sekarang sudah takut mendengar sesiapa yang cakap mengenai kebersihan, kecekapan dan keamanahan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Kampar.

4.58 *ptg.*

**Tuan Ngoi Thiam Woh (Kampar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan PERKESO tentang Fasal 45. Tadi kita semua sudah dengar Ketua Pembangkang telah memberi dengan panjang lebar macam mana PERKESO tidak menyenaraikan semua pelaburan-pelaburan yang telah dibuat tetapt dalam menindas pekerja-pekerja PERKESO ini sungguh cekap telah menyenaraikan penyakit-penyakit yang kena beri pampasan. Kita semua tahu penerimaan wang dari pekerja, PERKESO telah menerima banyak tetapi tentang bayaran sedikit sahaja.

Sebenarnya di sini penyakit-penyakit yang disenaraikan itu tidak patut disenaraikan. Saya cadangkan semua penyakit-penyakit yang boleh dihindangi oleh pekerja-pekerja mesti diberi insurans sepertimana seseorang

pekerja itu dapat penyakit. Apa jua penyakit itu dia patut diberi hak untuk memiliki doktornya dan semua kena dibayar oleh PERKESO iaitulah baru bermakna keselamatan sosial pekerja. Tetapi sekarang hanya terhad dalam senarai ini sahaja walaupun dalam huraian berkata senarai yang disenaraikan 30 tahun dahulu sekarang baru disemak, tetapi melindungi penyakit-penyakit yang terhad sahaja. Saya bercadang PERKESO memansuhkan senarai ini dan menggantikan dengan segala penyakit termasuk keluarga pesakit di mana pekerja ini adalah ahli PERKESO.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh menjawab.

5.00 *ptg.*

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli yang telah bangun dan bercakap terutamanya Ahli daripada Lembah Pantai yang telah menyokong Rang Undang-undang ini,

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Ahli-ahli daripada parti Pembangkang ataupun tegasnya Ahli daripada Bukit Bintang mencadangkan beberapa perkara tetapi pada keseluruhannya beliau sendiri berpuas hati tentang pindaan yang telah dibawa oleh Kementerian Buruh bagi Akta ini kerana beliau telah mengucapkan tahniah kepada Kementerian Buruh, dan saya mengucapkan terima kasih. Tentang perkara-perkara yang telah dibawa oleh Ahli daripada Bukit Bintang ini mengenai faedah pembayaran ini yang menurut pandangan beliau mencadangkan supaya pembayaran ini dibuat haruslah menyamai kepada bayaran yang diterima oleh PERKESO.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, perbelanjaan PERKESO telah meningkat ekoran daripada pindaan yang telah dikuatkuasakan mulai 1hb Januari, 1985. Dalam hubungan ini perlu diingat bahawa berdasarkan kesan awal pada pindaan itu menunjukkan bahawa dalam masa 8 tahun lagi jumlah perbelanjaan akan hampir sama dengan jumlah caruman yang diterima.

Ini adalah kerana bayaran-bayaran yang kita buat atau kes-kes yang diterima bertambah dari semasa ke semasa dan ada daripada bayaran pencen ini adalah merupakan bayaran pencen seumur hidup dan tentulah dia akan menyebabkan pertambahan perbelanjaan dari semasa ke semasa. Tetapi pada umumnya, untuk mengatakan perbelanjaan ini adalah tidak setimpal dengan caruman yang diterima adalah tidak benar oleh kerana pembayaran yang dibuat adalah berdasarkan kemalangan kepada pencarum-pencarum yang mengalami kemalangan diberbagai peringkat, mereka telah dibayar hak mereka mengikut hak-hak yang sepatutnya mereka perlu menerima.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan daripada Yang Berhormat itu supaya skim ini juga memasuki Faedah bersalin, suka saya menyatakan bahawa Skim Keselamatan Sosial telah diperluaskan dengan pengenalan faedah baru iaitu pencen penakat. Pindaan yang sekarang dicadangkan akan meningkatkan lagi kuantum faedah maknanya cadangan Yang Berhormat supaya skim ini yang menjadi lebih komprehensif telah kita ambil tindakan. Buat sementara ini pekerja berhak mendapat elaun dan cuti bersalin di bawah Akta Kerja 1955. Jadi, sebab itu kita tidak nampak mengapa harus faedah bersalin ini dimasukkan ke dalam Skim Keselamatan Sosial ini, oleh kerana

dalam Akta Kerja 1955, perkara ini juga telah diperuntukkan kepada majikan-majikan tempat pekerja-pekerja itu bekerja.

**Tuan P. Patto:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa Employment Act meliputi segala hak bagi pekerja-pekerja wanita yang bersalin. Saya ingin mendapat tahu apakah PERKESO memberi perlindungan kepada seorang pekerja wanita yang sewaktu bersalin meninggal dunia?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum, peruntukan yang ada dalam Akta ini ialah berkaitan dengan pekerjaan. Dari segi bersalin itu kalau dia meninggal dunia, itu bukanlah satu kemalangan kerana meninggal dunia bersalin itu bukan kemalangan yang berkaitan dengan pekerjaan.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sewaktu seseorang pekerja wanita bersalin maka ia dianggap masih dalam employment dan apabila ia masih dalam employment dan oleh kerana cuti bersalin itu adalah cuti yang sah, maka tidakkah ini bererti bahawa sekiranya kematian itu adalah disebabkan sewaktu bersalin berlakunya maka tidakkah PERKESO harus bertanggungjawab juga untuk membayar, bukan kerana kemalangkankah apa-apa sewaktu bekerja tetapi oleh kerana ia masih dalam employment sewaktu bersalin?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat bahawa soal bersalin ini bukan satu kemalangan dan dia juga bukan satu penyakit seperti yang disenaraikan dalam Jadual Akta ini. Jadi bukan penyakit dan bukan juga satu kemalangan, bersalin itu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan perkara lain kerana saya telah menjelaskan perkara itu. Berkenaan dengan cadangan Ahli danpada Bukit Bintang juga yang mencadangkan supaya pekerja-pekerja dibayar juga perlindungan semasa mereka dalam perjalanan ke tempat bekerja. Suka saya memaklumkan bahawa di bawah skim sekarang perlindungan diberi sekiranya seseorang pekerja menggunakan kenderaan majikan.

Selain daripada itu seseorang pekerja juga telah diberi faedah di bawah Skim Pencen Ilat bagi kemalangan tidak kira sama ada berbangkit daripada pekerjaannya ataupun tidak, sekiranya ia memenuhi syarat-syarat di dalam skim yang telah ditetapkan.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli daripada Bukit Bintang juga iaitu pemulihan bagi orang-orang yang berinsurans yang hilang upaya ataupun kesihatan, PERKESO ada menyediakan kemudahan bagi pemulihan jasmani termasuk pemulihan perubatan dan bekalan alat-alat perubatan serta pemulihan bagi orang-orang berinsurans yang mengidap hilang upaya kekal dan yang memerlukan pemulihan jasmani atau pemulihan badan ataupun kedua-duanya sekali.

Kemudian perkhidmatan pemulihan PERKESO ini disediakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, Kementerian Kebajikan, Pusat-pusat Pemulihan yang dikendalikan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela dan badan-badan Kerajaan serta juga pembekal-pembekal swasta. PERKESO tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk menubuhkan pusat pemulihan sendiri memandangkan Kerajaan ada menubuhkan pusat-pusat pemulihan orang-orang cacat di

seluruh negara iaitu satu daripadanya Pusat Pemulihan Negara yang terletak di Bangi, Selangor. Berkenaan dengan

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk memberi kesan kepada cara memulihkan yang tercedera ini kerana saya tidak nampak dari pengalaman saya rancangan pemulihan yang disebutkan tadi ini belum membawa kesan yang dikehendaki.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah sukar untuk mengesan berkenaan dengan kekesanan pemulihan yang telah kita buat ini, saya pun tidak ada data-data yang menunjukkan berapa banyak yang kita dapat pulihkan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan menyambung penggulungan ini. Saya ingin sedikit menjawab perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli daripada Kepong.

Ahli dari Kepong pada awalnya lagi telah menuduh bahawa PERKESO ini adalah satu badan yang telah menggunakan pekerja-pekerja dan seterusnya mengumpulkan wang dengan banyak dan setelah itu tidak membayar ataupun beliau menggunakan perkataan "kedekut" dan tidak membayar bagi kebajikan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah tidak benar oleh kerana seperti yang telah dibentangkan dalam Rang Undang-undang ini, kita membaiki dari masa ke semasa apa juga faedah

yang kita fikirkan patut diterima oleh kalangan pekerja-pekerja akibat daripada kemalangan yang mereka terima.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, ini adalah pindaan bagi kali yang ketiga. Sebelum ini dua kali telah kita pinda. Semua ini dibuat untuk membaiki keadaan atau skim ini dari masa ke semasa. Seperti yang disebut dalam pindaan yang sekarang ini kita telah menambah banyak perkara terutamanya dari segi pembayaran kepada pekerja-pekerja akibat kemalangan. Seperti yang saya telah sebut tadi, umpamanya kita telah menaikkan kadar pembayaran faedah hilang upaya sementara daripada 70% ke 80. Di negara-negara maju daripada kita seperti yang saya sebut tadi di Jepun dan Korea Selatan paras mereka masih kekal pada 60%.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar walaupun kadar PERKESO mereka itu lebih rendah kalau dibandingkan dengan pindaan sekarang tetapi mereka ada kemudahan-kemudahan dan Akta-akta yang lain untuk melindungi pekerja mereka termasuk welfare atau kebajikan syarikat-syarikat?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kita pun sedar perkara itu dan kita pun sedang membaiki keadaan ini dengan memberikan kemudahan-kemudahan yang lain. Selain daripada itu untuk mengatakan "kedekut" adalah juga tidak benar oleh kerana kebanyakan pekerja-pekerja yang layak menerima faedah ini yang mengalami kemalangan telah kita bayar pampasan pada mereka. Jadi, tidak kedekut dalam soal ini. Dan dari masa ke semasa memang perkara ini akan dibaiki, faedah ini akan dikaji di mana yang perlu.

Bagi soalan Yang Berhormat menyatakan tentang pembayaran diterima ini terlalu banyak dan pembayaran kita adalah terlalu sedikit ini sama juga jawapan seperti yang telah saya berikan kepada Yang Berhormat dari Bukit Bintang tadi. Tetapi seperti yang Dewan ini maklum, PERKESO ini kita laksanakan peringkat demi peringkat. Jadi untuk sampai kepada seluruh negara peringkat pelaksanaan ini memakan masa dan tentulah faedah yang terkumpul daripada wang-wang yang dikutip atau yang dicarumkan ini dari masa ke semasa bertambah. Oleh hal yang demikian kesan yang lebih baik tentulah akan dapat dilihat dari masa ke semasa terutamanya di masa-masa yang akan datang.

Ahli dari Kepong juga telah membangkitkan satu perkara mengenai peruntukan dari segi mengambil tindakan sivil ataupun tindakan menuntut pampasan di bawah, dengan izin, Common Law.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat konsep insurans sosial ini adalah berdasarkan kepada pengumpulan sumber dan perkongsian risiko. Jadi oleh hal yang demikian, majikan ini terpaksa mencarum dan bila berlaku kemalangan pekerja ini akan mendapat bayaran mengikut kadar-kadar dan kaedah tertentu. Jadi, adalah tidak adil kalau kita pula membenarkan untuk membawa tindakan di bawah dengan izin, Common Law.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak mengambil tindakan dari segi sivil haruslah ditentukan bahawa kecuaiian yang menyebabkan kemalangan itu adalah diakibatkan dari tindakan majikan. Ini juga satu perkara yang sukar untuk dapat ditentukan iaitu kecuaiian itu daripada tindakan majikan. Kerana itu sahajalah baru kita boleh bawa melalui tindakan sivil. Walhal melalui PERKESO ini kita tidak kira kecuaiian

daripada pihak mana tetapi mendapat perlindungan daripada skim ini. Maka itu kita kata cara ini adalah lebih baik daripada seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pampasan kadangkala yang diputuskan oleh mahkamah empat atau lima kali ganda daripada yang diperuntukkan melalui Akta tersebut. Akta tersebut setakat ini kalau pampasan itu untuk yang mati memang purata \$14,000 sahaja dan kadangkala di dalam mahkamah itu \$60,000 ke \$70,00 dan kalau tidak ada saluran yang lain, alternatif untuk melakukan keadilan, bagaimana si tercedera atau tanggungan si mati dapat menuntut keadilan kalau mereka merasa dan menganggap pampasan itu tidak adil dan kurang daripada yang patut?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, ini soal patut atau tidak patut terpulanglah kepada penilaian masing-masing. Tetapi soalnya mengikut skim ini adalah lebih mudah bagi pekerja-pekerja yang terlibat mendapat bayaran mereka dengan tidak menunggu masa yang lama dengan tidak terlibat dengan kos untuk pergi ke mahkamah ataupun mengambil peguam dan sebagainya, menjimatkan kos dan menjimatkan masa. Dan bagi keluarga yang terlibat ataupun pekerja yang terlibat pada masa mereka menerima kemalangan perkara yang penting mereka fikirkan ialah untuk mendapat wang dengan seberapa segera yang mungkin. Jadi sebab itu skim PERKESO menjamin perkara itu. Pampasan biasanya mengikut urusan menuntut dan sebagainya tidak lama di bawah skim ini. Kalau mengikut tuntutan sivil tentu dia akan memakan masa bertahun-tahun. Pada masa mereka memerlukan wang walaupun jumlahnya tidak sebesar

seperti Yang Berhormat sebut adalah lebih penting maknanya kepada keluarga yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong juga ada menyebut berkenaan dengan penguatkuasaan. Kementerian Buruh melalui PERKESO sentiasa memerhati soal-soal penguatkuasaan ini dan mana-mana majikan atau pihak yang engkar, gagal akan diambil tindakan yang sewajarnya mengikut peruntukan Akta ini.

Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai telah membangkitkan beberapa perkara dan cadangan. Saya mengucapkan berbilang terima kasih tetapi perkara-perkara seperti pembedahan yang dilakukan pada mayat itu adalah di luar bidang kuasa Kementerian ini. Walau bagaimanapun, tentang cadangan Yang Berhormat supaya bayaran-bayaran itu dapat diselesaikan tuntutannya dengan segera, ini akan diberi perhatian dan biasanya memang kita tidak mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan tuntutan berkaitan dengan kemalangan yang berkenaan.

Begitu juga Yang Berhormat dari Lembah Pantai menyebut tentang keenggaran majikan dari segi soal mendaftar pekerja-pekerja mereka menyertai skim ini dan juga tidak membuat bayaran ataupun membuat caruman kepada PERKESO. Perkara ini sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat memang menjadi perhatian oleh pegawai-pegawai di PERKESO dan seperti yang saya sebut kalau ada perkara-perkara yang berlaku keenggaran daripada pihak mereka diketahui oleh kita, kita akan mengambil tindakan yang sewajar.

Yang Berhormat dari Tanjong, Ketua Pembangkang, telah membangkitkan Fasal 29 dan 34 iaitu berkenaan dengan pelaburan dan jawatankuasa yang telah ditetapkan. Sukalah saya maklumkan bahawa

akaun dan penyata kita telah kita bentangkan di Parlimen. Seperti Yang Berhormat sebut dia ada membawa salinan Penyata Tahun 1985. Jadi, oleh hal yang demikian Penyata ini adalah terbuka untuk diperiksa oleh Ahli-ahli Parlimen. Begitu juga akaun kita diaudit oleh Ketua Audit Negara.

Berkenaan dengan pelaburan syarikat-syarikat awam, iaitu selain daripada sekuriti Kerajaan terpujanglah kepada saluran Yang Berhormat untuk mendapatkan Penyata yang lebih lengkap tentang syarikat-syarikat yang kita labur. Seperti yang kita maklum dalam amalan demokrasi, Parlimen kita bermesyuarat setiap masa dan di situ Yang Berhormat boleh mendapat penjelasan mengikut cara Yang Berhormat lebih faham.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya ingin tanya sama ada senarai-senarai itu sekarang? Apakah ini bererti bahawa Yang Berhormat sendiri pun tidak tahu, sendiri pun tidak layak tahu dan adakah ini juga bererti bahawa Yang Berhormat menolakan prinsip accountability. Kenapa mahu tunggu? Kalau tahu, beritahu; kalau tidak tahu, tidak layak tahu.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, bukan soal tidak layak tahu, saya tidak membawa ke dalam Dewan ini seluruh senarai-senarai itu oleh kerana pindaan pada hari ini menyentuh bidang-bidang untuk kebaikan pekerja-pekerja menambahkan bayaran-bayaran dan faedah-faedah. Saya tidak terlintas bahawa soal ini akan dibangkitkan dan selain daripada itu tentulah kita mempunyai senarai-senarai dan tidak dibawa setiap masa datang ke Parlimen ini untuk ditunjukkan kepada Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat pun cukup masa untuk mendapatkannya, dan saya tidak ada. Saya fikir setakat itu sahajalah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Beritahu dua atau tiga saham-saham yang terbesar, cukup. Tidak payah senarai penuh, kalau tahu. Tentu tahu 2, 3 jenis yang terbesar dalam pelaburan-pelaburan dalam saham-saham tabung PERKESO untuk kita faham. Tetapi sebenarnya, saya percaya Yang Berhormat sendiri tidak tahu. Langsung tidak tahu.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, itu dalam hati sayalah, dalam kepala saya, saya tahu ataupun tidak. Tetapi walau bagaimanapun, saya tidak hendak menjawab soalan daripada Yang Berhormat itu tentang syarikat-syarikat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun pada dasarnya bagi PERKESO akan memerhatikan bahawa semua pelaburan-pelaburan kita ini dibuat mengikut peraturan-peraturan seperti yang telah ditetapkan oleh berbagai-bagai peraturan bagi pihak Kerajaan dan juga peraturan-peraturan yang telah dibuat di dalam Akta yang sedia ada ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah Ahli dari Kampar telah meminta supaya senarai Jadual berkenaan dengan penyakit-penyakit tadi dihapuskan dan seterusnya diganti dengan semua penyakit.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal perusahaan dan perindustrian ini kita mengenalpasti tentang berbagai penyakit dari masa ke semasa yang dahulunya kita tidak dapat kesan, sekarang ini kita telah kesan dengan perkembangan sains dan teknologi, kita masuk dalam senarai ini. Tetapi untuk menyatakan secara umumnya semua jenis penyakit, saya fikir ini adalah perkara yang tidak munasabah. Jadi, kalau ada lagi penyakit sebagai tambahan, kita akan tambah pada jadual ini.

**Tuan P. Patto:** Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menolak cadangan rakan saya dari Kampar, saya ingin mendapat tahu mengapakah sejenis kimia yang begitu berbahaya yang telah pun diketahui umum yang digunakan oleh pekerja-pekerja di ladang-ladang iaitu paraquat yang telah membawa penyakit kulit kepada pekerja-pekerja yang menggunakannya. Mengapa kimia ini tidak disenarai di mana-mana pun dalam jadual ini. Adakah nama-nama saintifik yang tidak dapat difahami yang terkandung dalam senarai itu?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, apa jua penyakit-penyakit yang berkait daripada perusahaan-perusahaan ini dari masa ke semasa, saya sudah sebut akan dikaji. Untuk masa ini, dalam pindaan ini, inilah senarai dalam Jadual Kelima ini yang kita masukkan. Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Tuan P. Patto:** Penjelasan. Tidakkah bekas Timbalan Menteri Buruh iaitu juga yang ada di sini sekarang Timbalan Menteri Kesihatan mencadangkan supaya paraquat juga disenaraikan dalam senarai itu? Ada pernah dicadangkan atau tidak?

**Dato' K. Pathmanaban:** Saya tidak mahu berdiri seperti beliau.

**Tuan P. Patto:** Bukan! Kalau tidak tahu, duduk. Bukan tanya you, Timbalan Menteri Buruh. You bukan Timbalan Menteri Buruh, Timbalan Menteri buruk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Useless body.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta beliau tarik balik perkataan "buruk" itu.

**Tuan P. Patto:** Timbalan Menteri buruk, jawatan itu ada atau tidak?

**Dato' K. Pathmanaban:** Saya minta dia tarik balik. Dia tujukan kepada saya.

**Tuan P. Patto:** Kalau boleh terima, terimalah.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Ipoh, saya minta tarik balik perkataan "buruk".

**Tuan P. Patto:** Ya. Yang mana itu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Perkataan buruk yang ditunjukkan. . . . .

**Tuan P. Patto:** Ada Timbalan Menteri yang baik, ada Timbalan Menteri yang buruk, kalau ada yang baik mesti ada yang buruk.

**Tuan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya dengar Yang Berhormat kata "buruk".

**Tuan P. Patto:** Buruk memang ada. Kalau ada kita katakan satu Timbalan Menteri itu baik tentulah adanya yang buruk. Kalau tidak ada yang buruk mana kita tahu yang baik? (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Ipoh, saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan "buruk".

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah kata. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan "buruk".

**Tuan P. Patto:** Buruk?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Buruk.

**Tuan P. Patto:** Buruk sahaja? Boleh. Buruk sahaja saya boleh tarik balik tetapi saya gantikanlah. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti, saya minta perkataan "buruk" ditarik balik.

**Tuan P. Patto:** Perkataan "buruk" yang mana itu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat sebutkan tadi.

**Tuan P. Patto:** Timbalan Menteri Buruh?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Perkataan "buruk" yang disebutkan tadi.

**Tuan P. Patto:** Saya gunakan sekali gus. Perkataan "buruk" sahaja, itu boleh tetapi. . . . .

**Dato' K. Pathmanaban:** Tarik balik perkataan "buruk".

**Tuan P. Patto:** Buruk sahaja. Ya, Timbalan Menteri Buruh. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti, tarik balik perkataan "buruk".

**Tuan P. Patto:** Buruh?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Buruh.

**Tuan P. Patto:** Buruh, itu saya sudah kata tadi kepada Tuan Speaker. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sudah tarik?

**Tuan P. Patto:** Begini. Kalau kita katakan seseorang Timbalan Menteri itu baik. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat duduk. Saya sudah dengar dalam perantaraan di antara sebelah sini dan sebelah sana. Yang Berhormat ada sebut "buruk". Perkataan yang itu saya minta tarik balik.

**Tuan P. Patto:** Apakah kita akan sebut kepada seorang Timbalan Menteri yang bukan baik?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya minta tarik balik.

**Tuan P. Patto:** Tidak apalah, saya tarik balik "Timbalan Menteri buruk" saya ganti "Timbalan Menteri tidak baik"

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan "buruk".

**Tuan P. Patto:** Sudah tarik balik, "buruk" saya ganti "tidak baik".

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Duduk. Yang Berhormat sila teruskan.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ipoh tadi. Perkara itu ada dimasukkan dalam Jadual Kelima ini iaitu senarai (n). Silalah lihat dan buka balik.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan ini dan dengan itu saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis

bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

*Pasal 1 Hingga 50—*

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Fasal-fasal 11, 20 dan 44 (a), kiraan bayaran pampasan bagi pencen ilat, elau layanan sentiasa dan taedah hilangupaya sementara serta kekal harus membayangkan kuasa membeli semasa iaitu mengambil kira kesan inflasi atas tingkat harga barangan dan kos hidup. Sekiranya pihak Kerajaan tulus ikhlas dalam matlamat untuk melindungi serta menolong pekerja yang tercedera atau tanggungannya, maka bayaran yang setinggi mungkin harus diberi.

Contohnya bagi bayaran kadar faedah harian minimum sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dalam perenggan 5, Jadual Keempat kiraan gaji bulanan purata adalah berdasarkan purata gaji bulanan si berinsuran yang bersamaan dengan 36 caruman bulanan yang akhir. Memandangkan bahawa kebanyakan daripada para pekerja yang tercedera adalah dari golongan pendapatan yang rendah, ianya lebih adil untuk mempertimbangkan tingkat gaji yang paling maksimum diterima oleh seseorang pekerja.

Selain daripada ini, pembayaran harus membayangkan kuasa membeli semasa dan saya tidak nampak satu peruntukan di sini yang menyebutkan hal yang penting ini. Pengiraan yang

lebih berperikemanusiaan mesti dibuat, lebih-lebih lagi dalam kes-kes kecederaan yang mencacat sebarang bahagian tubuh.

Misalannya pembayaran \$1,000 dan \$28 kepada seorang pekerja kilang bagi kehilangan ibu jari dan tiga batang jari tangan kanannya jelas menunjukkan betapa murahnya jari pekerja. Adalah diketahui bahawa kehilangan sebatang jari dianggap hanya menjejaskan keupayaan mencari nafkah sebanyak 5% sahaja. Keadaan seperti ini diburukkan lagi apabila bayaran pampasan diberi pada kadar harian minimum \$1.50 sen selama dua tahun sahaja.

Fasal 35. Fasal ini bertujuan untuk menubuhkan suatu Panel Pelaburan untuk menasihatkan Lembaga. Salah seorang daripada ahli-ahli panel ini berupa seorang yang mewakili orang-orang berinsuran. Anggota yang dilantik untuk mewakili majikan-majikan serta orang-orang berinsuran kesemuanya daripada Lembaga asal. Apakah pengesyoran yang dapat diberi kepada orang ramai yang kedua-dua mereka akan bertindak demi kepentingan para pekerja dengan ikhlas. Jadi, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong tadi penyata-penyata yang lebih lengkap tidak dapat dikemukakan dan memandangkan apa yang telah berlaku kepada koperasi dan sebagainya dengan tidak ada amanah, dengan berlagak seperti penjenayah moden ekonomi, jika kita tidak dapat pastikan bagaimana Lembaga tersebut dapat menjalankan tugas dengan penuh accountabilitynya.

Fasal 38 membolehkan PERKESO mendakwa majikan di mahkamah untuk mendapatkan tunggakan caruman. Para pekerja tidak dibenarkan mengambil tindakan yang sama untuk mendapatkan lebih banyak bayaran pampasan. Ini adalah kurang adil terutama sekali apabila faedah dari

caruman tidak dinikmati dengan sepenuhnya oleh pekerja. Sekian, terima kasih.

5.53 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Pengerusi, saya ingin sebut lagi Fasa) 34 ialah mengenai seksyen 75. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak memberi jawapan-jawapan yang doleh memuaskan hati sesiapa. Tidak boleh selaras dengan satu taraf, satu komitmen Kerajaan yang bersih, yang beramanah. Ini mustahak oleh kerana kita perlu ada peruntukan-peruntukan untuk mengawal, menjaga kepentingan orang ramai khususnya tabung mereka.

Yang pertama, saya mahu tanya kenapa peruntukan seksyen 75 dipinda? Bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan? Kenapa dipinda daripada apa yang ada kepada apa yang dicadang? Baik! Tentu ada sebab. Ada apa sebab. Bolehkah Yang Berhormat memberi sebab-sebab? Adakah pindaan ini akan memberi skop yang lebih luas untuk pelaburan atau adakah pindaan ini akan mengesahkan apa yang tidak sah dahulu atau apa atau adakah ini dengan seronok-seronok sahaja? Saya mahu tanya. Ini mustahak oleh kerana jumlah wang yang terlibat ialah mungkin \$100 juta, kalau 8% daripada wang yang sejumlah lebih sebillion ringgit.

Kita tidak mahu wang rakyat disalahguna, khususnya, dalam erti koperasi ini, dalam era di mana koperasi bermaharajalela dalam Malaysia dalam semua peringkat, di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sudah mengatakan beberapa kali bahawa sekarang sangat susah, sangat sukar untuk jumpa seorang public officer, dengan izin, yang beramanah, Banyak menjadi pencuri, menjadi penipu—cheats and thieves (*Tepuk*). Kalau begitu kita mahu lebih meneliti peruntukan-peruntukan mengenai wang rakyat, khususnya wang

pekerja-pekerja dan kita tak boleh membiarkan peruntukan ini, pindaan ini dilepaskan tanpa perbincangan yang seinci-inci dan sekarang saya mahu tahu apa sebab rasional mahu pinda dan kalau mahu pinda kenapa tidak mahu menggunakan sebagai formula EPF (KWSP) dan di mana ada jaga, ada terhad kepada trustee stock dan bukan non-trustee stock sebagai Raleigh, Roxy dan apa-apa yang Pengerusi mahir dalam perkara ini, khususnya mereka yang ada bersangkutanpaut dengan pemimpin-pemimpin UMNO, MCA, Gerakan, MIC, adakah labur dalam Supreme Grand United, Ever Peace—tak tahu. Multi-Purpose (*Disampuk*), kita mahu tahu, sebab itu satu Kerajaan yang beramanah, tidak takut. Umumkan senarai. Kenapa takut?

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tadi Yang Berhormat tak mahu senaraikan. Dia kata, dia tidak bawa. Kalau dia tak bawa, dia cuai, dia lalai. Dia cuai dan lalai (*Tepuk*). Inilah kita mahu tahu. Bolehkah ia memberi satu jaminan, hari ini tak tahu besok datang dan buat satu kenyataan Kementerian (Ministerial statement) mengenai semua pelaburan-pelaburan dalam syarikat-syarikat khususnya yang ada bersangkutan-paut dengan pemimpin-pemimpin MCA, Gerakan, UMNO dan MIC, kalau ada, saya tak tahu—adakah atau tidak, saya tak tahu. Yang Berhormat Pengerusi pun mahu tahu, saya percaya, ada atau tidak ada.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Hal MIC saya tahulah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sama ada syarikat di mana pemimpin MIC ada kontrol, diberi oleh wang PERKESO, wang KWSP. Yang Berhormat Pengerusi tahukah tak tahulah. (*Ketawa*)

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** (*Bangun*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh! Yang Berhormat Menteri Buruh tahu?

**Dato' K. Pathmanaban:** Minta penjelasanlah. Mahu duduk?

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh.

**Dato' K. Pathmanaban:** Saya mahu minta penjetasan adakah sebarang Ahli Pembangkang mempunyai saham dalam sebarang kompeni. Sepanjang yang saya tahu pengerusi DAP mempunyai banyak estet di mana ada banyak penyiasatan buruh dijalankan. Jadi adakah tidak salah kepada mereka mempunyai saham tetapi salah kepada kita pula mempunyai saham dalam apa-apa syarikat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tak faham langsung apa yang saya utarakan. (*Tepuk*) Apa yang saya utarakan ialah di mana wang KWSP atau wang PERKESO digunakan untuk melabur dalam syarikat-syarikat yang dimiliki khas bahagian yang terbesar oleh baik pun pemimpin-pemimpin MIC, Gerakan, UMNO, MCA dan syarikat ini akan jahanam, akan mungkin liquidate, tetapi gunakan wang PERKESO, wang KWSP untuk selamatkan mereka. Adakah ini patut? Kalau ada kita mahu tahu. Kalau tidak, sebutkan senarai. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berani kata ada wang KWSP, wang PERKESO digunakan dalam syarikat-syarikat di mana pemimpin-pemimpin, anggota-anggota DAP memiliki? Tentu tidak. Saya mahu tahu. Kalau ada, saya mahu tahu sendiri. Umumkan, umumkan, saya mahu tahu.

**Dato' K. Pathmanaban:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat. . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh.

**Dato' K. Pathmanaban:** Sepanjang yang saya tahu MIC tidak mempunyai syarikat di mana wang EPF dilabur.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tak tahu sebab itu saya mahu semua syarikat-syarikat yang dilaburkan disenaraikan, diumumkan. . .

**Dato' K. Pathmanaban:** You boleh cabarlah.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ini berkenaan dengan public listed company bukan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Public listed.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Company?

**Tuan Lim Kil Siang:** Ya. di mana pemimpin-pemimpin ada memiliki saham-saham bahagian besar.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Dalam konteks. . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau Yang Berhormat mahu sebut MIC, saya tak sebut MIC sebagai sebuah politik. Kalau dia mahu sebut MIC, boleh, saya terima. Masuk MIC, masuk pun boleh (*Disampuk*), masuk MIC—saya tak sebut, dia mahu masuk MIC, masuk MIC, MICA, masuk MICA—MICA Holdings (*Tepuk*), boleh. Saya cabar, saya cabar senaraikan semua syarikat-syarikat. Saya cabar.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Pengerusi, saya jawab. MICA Holdings tidak mempunyai pelaburan daripada. . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tak percaya. Saya mahu tahu senarai.

**Dato' K. Pathmanaban:** Bodoh tak percaya!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tak percaya. Di sini saya kata, saya tak percaya. Saya tak percaya.

**Tuan P. Patto:** Tuan Pengerusi, saya mahu dia tarik balik, tadi dia ada menggunakan perkataan "bodoh", tarik baliklah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah dia bodoh?

**Dato' K. Pathmanaban:** Buruk.

**Tuan P. Patto:** Bodoh, jangan bohong, jangan bohong!

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia buruk, dia bodoh, dia bohong.

**Dato' K. Pathmanaban:** Saya tarik balik. (*Disampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat. . . . .

**Dato' K. Pathmanaban:** Semuanya perkataan. . . . . (*Disampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, ketiga Ahli Yang Bercakap tadi, minta duduk. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, sila teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik, dan saya rasa ini satu perkara, kita tidak mahu, dengan izin, derail daripada tajuk, ini mustahak satu amanah. MIC mahu detail perkara ini. Ini mustahak oleh kerana kita harap dalam era ini korupsi yang bermaharajalela, kita mahu peruntukan-peruntukan dibuat di mana wang Perkeso dijaga, dimonitor diaccountable, dan kalau tidak, kita tidak boleh menerima oleh kerana sangat senang di mana wang Perkeso, wang rakyat diselewengkan. Oleh kerana saya ada sebut tadi yang tidak dinafikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa dalam tahun 1984-1985 wang-wang PERKESO, wang-wang EPF digunakan untuk, dengan izin, speculative stocks, dia tak boleh

nafikan oleh kerana ini benar. Dan itulah perlu dijawab kenapa mahu pinda daripada apa yang sekarang kepada pindaan ini. Apa sebab?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, sila kalau ada lagi perbahasan.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada satu fasal sahaja iaitu Pasal 45. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menolak. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, saya tak dengar.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak merujuk kepada satu fasal sahaja, sebab tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Viandran):** Ahli Yang Berhormat, fasal berapa itu?

**Tuan Lim Guan Eng:** Fasal 45. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menolak cadangan rakan saya dari Kampar supaya meliputi semua penyakit-penyakit kerana dia mengatakan bahawa penyakit biasanya disemak dan dikemaskinikan. Saya hendak tegaskan di sini bahawa kepentingan pekerja-pekerja tidak akan dijaga kerana biasanya kalau pihak Kementerian tunggu sampai penyakit-penyakit itu diliputi atau dimasukkan dalam pindaan-pindaan, kepentingan mereka tidak akan dijagai oleh kerana pada masa itu sudah terlewat dan tambahan pula penyakit-penyakit biasanya dijumpai atau didapati lewat, seperti AIDS. Saya ingat penyakit-penyakit baru seperti itu bila ia belum berlaku semua orang pun tak tahu, tetapi bila ia berlaku mahu tunggu sampai pindaan dibuat, mungkin memakan masa satu dua tahun. Pada masa itu pekerja-pekerja itu telah menderita dan semua bayaran-bayaran hospital dan

perubatan siapa akan tanggung? Oleh itu, saya di sini membuat cadangan bahawa pihak Kementerian patut memasukkan satu fasal bahawa bayaran-bayaran seperti itu boleh diretrospectivekan, dengan izin, supaya kepentingan mereka dijagai. Terima kasih.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjawab dahulu berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Jadual yang kita tambah ini, jenis-jenis penyakit ini adalah berikutan daripada perkembangan daripada masa ke semasa. Jadi kalau di masa akan datang, ramai rakyat Malaysia mengidap penyakit AIDS, kita boleh masukkan, atau apa-apa jua jenis penyakit yang difikirkan sesuai dimasukkan dalam Jadual ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu ada dua-tiga perkara yang saya hendak jawab lagi.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

**Dato Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Saya tak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Saya tidak beri jalan. Kerajaan sebenarnya mengambil berat tentang semua sekali, apa jenis penyakit pun, kalau sekiranya perkara itu berlaku kepada pekerja-pekerja kita. Kita lebih bertanggungjawab dalam soal ini. Buktinya dalam pindaan kali ini kita telah membentangkan lebih banyak jenis penyakit dalam Jadual yang berkenaan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri salah tafsirkan apa yang saya cadangkan.

Betul pihak Kementerian biasanya sudah semak dan kemaskinikan tetapi apa yang saya katakan di situ sebelum ianya dimasukkan dalam Jadual ini, ia memakan masa yang panjang. Kalau seseorang pesakit mengidap satu jenis penyakit, dia dimasukkan ke hospital dan mendapat rawatan, semua perbelanjaan itu dia mesti tanggung sendiri. Kalau hendak tunggu sehingga penyakit itu dimasukkan dalam Jadual, ia mungkin memakan masa satu-dua tahun dan semua bayaran perbelanjaan yang mesti dibayar adalah tanggungan sendiri, mesti ditanggung oleh dia sendiri. Saya cadangkan di sini kalau boleh, kalau sesuatu jenis penyakit itu dimasukkan dalam Jadual, bayaran itu akan dibayar balik kepada seseorang pekerja berkenaan.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Pengerusi, dalam Jadual ini cukup banyak jenis-jenis penyakit yang telah disenaraikan. Agaknya semua penyakit itu boleh jadi sudah ada dalam senarai itu. Jadi sila semak balik semulalah, mungkin Ahli Yang Berhormat itu pun tidak faham berkenaan dengan jenis-jenis penyakit dalam senarai itu.

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, minta penjelasan.

Tuan Hu Sepang: Penjelasan, Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak minta sedikit penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan. Tadi beliau kata semua penyakit telah ada dimasukkan dalam senarai ini, tetapi saya rasa masih ada dua jenis penyakit yang belum dimasukkan iaitu "cancer" dan "AIDS" belum lagi masuk dalam senarai ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, itu dia kata semak balik.

**Tuan Hu Sepang:** Itu minta penjetasan tadi dia kata semua sudah masukkan dalam Jadual ini.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Dalam Jadual 5 ini mengenai (Seksyen 28)—"Occupational Diseases"—penyakit pekerjaan, saya hendak tahu daripada Ahli Yang Berhormat itu, bagaimana AIDS menjadi "penyakit pekerjaan" atau "occupational disease". Jangan kacau Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh sahaja. Bagaimanakah AIDS boleh jadi occupational disease?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran):** Ahli Yang Berhormat, sebentar. Dia minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Rasah.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan dari Timbalan Menteri Buruh, bukan Timbalan Menteri Kesihatan. Kadang-kadang pekerja ada terlibat dengan macam-macam kegiatan yang diperintah oleh majikannya. Mana tahu AIDS pun kena (*Ketawa*). Kadang-kadang boss bawa dia pergi lain tempat untuk mendapatkan perniagaan, pekerja terpaksa menjalankan tugasnya dan akibatnya mungkin boleh dijangkiti AIDS.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran):** Ahli Yang Berhormat, sudahlah. Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

**Dr Chen Man Hin:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran):** Ahli Yang Berhormat, minta penjelasan dari siapa?

**Dr Chen Man Hin:** Timbalan Menteri Kesihatan. Saya ingin terangkan kepada dia, tadi dia ada cakap. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran):** Ahli Yang Berhormat, sudah habis, Ahli Yang Berhormat.

**Dr Chen Man Hin:** Belum. Ini nustahak. Tadi rakanj>aya dari Rasah cata Aids mesti dimasukkan dalam Jadual, sebabnya ini bukan perkara main-main (*Ketawa*). Timbalan Menteri Kesihatan adakah faham kalau seorang jururawat atau doktor-doktor dekat pesakit AIDS boleh dijangkiti itu sebab darah pesakit itu terkena kepadanya. Paham tak, itu juga occupational disease. (*Tepuk*).

**Dato' K. Pathmanaban:** Saya lebih setuju dengan perkataan "main-main" dapat AIDS—main-main salah dapat AIDS.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran):** Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Pengerusi, berkenaan dengart perkara yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, pindaan kepada Pasal 35 adalah untuk mewakili kuasa yang sekarang terletak kepada Lembaga supaya berkenaan dengan pelaburan diuruskan oleh sebuah panel. Inilah pindaan yang telah dibuat. Dahulu terletak di bawah Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Pelaburan) 1985. Itu sahaja, tidak ada perkara yang untuk melindungi penyelewengan dan sebagainya.

Dan saya belum daripada itu, Tuan Pengerusi, juga saya tidak ada menafikan ataupun mengiakan statement daripada Yang Berhormat itu mengatakan bahawa adakah atau tidak wang ini dilaburkan dalam syarikat-syarikat seperti yang disebutkan. Saya tidak memberitahu nama apa-apa syarikat, saya tidak

menafikan dan mengiakan apa yang Ahli Yang Berhormat sebut. Itu saya hendak jelaskan untuk rekod dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pelaburan itu, seperti yang saya terangkan sebenar tadi juga, berkenaan dengan wakil pekerja ada di dalam Ahli Lembaga, ada wakil pekerja di dalam Ahli Lembaga itu, mereka juga boleh bersuara tentang apa-apa perkara urusan PERKESO kerana mereka adalah Ahli di dalam Lembaga ini. Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengenai faedah-faedah mengikut kajian dari masa ke semasa memang benar, faedah-faedah dalam bayaran adalah diselaraskan dari masa ke semasa bagi menampung kos sara hidup, peruntukan bagi maksud ini ada didapati dalam Akta ibu iaitu Seksyen 106. Itu sahaja Tuan Pengerusi, penjelasan saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, ada dua perkara lagi. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sudah habis.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dalam Jawatankuasa (Committee) Tuan Pengerusi, seorang Ahli boleh bercakap lebih daripada satu kali.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Apa hal Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Perkara 34 di mana Yang Berhormat tidak jawab, jawab salah dan satu lagi perkara yang lain di sini Committee stage, bukan polisi. Dalam Committee stage boleh capak 10 kali pun

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Apa soalnya?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut mengenai Investment Panel. Saya tidak tanya mengenai Investment

Panel. Saya tanya mengenai pelaburan investment. Seksyen 34 ialah mengenai pelaburan wang.

Seksyen 35 ialah Panel Pelaburan, saya tidak sebut Panel Pelaburan. Saya tanya mengenai pelaburan wang. Kriteria-kriteria kenapa mahu pinda ini daripada apa yang ada sekarang. Ini beliau tidak sebut.

Yang kedua, saya mahu timbulkan di sini ialah mengenai Schedule ke 9 iaitu mengenai Investment Panel dan Jadual Kesembilan orang-orang berikut tidak layak dilantik atau menjadi seorang Anggota Panel Pelaburan, (a), (b), (c), saya mahu sebut (a) sahaja:

"(a) seseorang yang telah disabitkan atas suatu kesalahan yang melibatkan fraud, penipuan, pecah amanah jenayah, salahguna jenayah harta atau apa-apa kesalahan yang melibatkan ketidakjujuran atau keburukan akhlak dan telah dijatuhkan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun;"

Tetapi kalau dia pecah amanah di Singapura. Kita sekarang ada peruntukan dalam Perlembagaan, seorang tidak boleh jadi Ahli Parlimen, kalau dia pecah amanah, breach of trust. Tetapi dia pergi ke Singapura pecah amanah di sana, dia masih lagi menjadi seorang Ahli Parlimen, Yang Berhormat dari Gopeng. Pemimpin-pemimpin MCA di sini, Yang Berhormat dari Selandar dia pun setuju, tidak payah resign, moral tidak mustahak. Itu kita mahu tahu, apakah ini boleh jaga, tidak boleh pecah amanah, tetapi kalau pergi Singapura bolehlah, datang lagi investment penal.

Di sini mungkin Yang Berhormat dari MCA membuat satu kenyataan mengenai kedudukan Ahli dari Gopeng, ini moral substitute atau

moral position; bukan moral substitute, tetapi moral position. Malu untuk Dewan Rakyat, malu untuk negara, malu untuk kaum Cina yang diwakili oleh MCA. Dan inilah yang patut kita dapat satu lesson mahu pinda, mahu buat undang-undang yang baik, tidak ada loop-hole, nampaknya sekarang lubang besar (loop-holes) banyak; sini ada, sana pun ada dan adakah boleh dijelaskan dalam perkara ini?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak banyak perkara yang dijelaskan dalam Jadual Kesembilan (Seksyen 75A), ini menerangkan kelayakan-kelayakan untuk menjadi Ahli Panel itu sahaja. Jadi, saya tidak boleh jawab selain daripada yang disebut oleh Yang Berhormat dari Tanjong kerana kesemuanya dalam Jadual Kesembilan ini sudah jelas apakah keiyakan untuk hendak menjadi Ahli Lembaga dan sebagainya, kalau orang itu bankrap, dia tidak layaklah menjadi Ahli Lembaga sebagai satu misalan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, walaupun ada jawapan mengenai Fasal-fasal 11, 20 dan 44A mengenai Akta ibu 102, tetapi saya tidak nampak jawapan itu boleh menjelaskan dengan memuaskan apa yang telah saya bangkitkan mengenai inflasi dan kos hidup yang semakin meningkat dan setakat ini saya percaya dan saya nampak tidak ada penyelarasan yang sewajarnya, kalau ada pun tidak mencukupi, itulah saya memerlukan satu jawapan yang lebih tepat lagi.

Mengenai Fasal 38 yang membolehkan PERKESO mendakwa majikan di mahkamah untuk mendapatkan tunggakan caruman, itu pun tidak ada jawapan daripada Yang Berhormat tadi.

Mengenai Fasal 45, Penyakit Khidmat dan Jadual Kelima itu walaupun ada campurtangan daripada Timbalan Menteri Kesihatan yang masih kurang faham mengenai hal pembuatan, walaupun di dalam jawatannya beberapa tahun sudah sekarang, jadi hendak memihak kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh juga, sepatutnya dia faham dahulu. Jadual ini walaupun merangkumi penyakit-penyakit okupasinya, tetapi belum mencukupi termasuk kepada AIDS, walaupun di dalam otaknya hanya homosexual sahaja yang dia faham, tetapi hal lain tidak faham, itulah sikap yang tidak bernas. Jadi, saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab fasal-fasal yang telah saya bangkitkan ini kerana di dalam Parlimen ini kita berhak ketika Jawatankuasa ini membangkitkan hal berulang kali.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Pengerusi, berkenaan dengan penyakit tadi saya tidak jawab bukan kerana saya tidak mahu jawab, tetapi dalam Rang Undang-undang ini adalah jelas berkenaan dengan kanser, ada dalam Fasal 21 dan 26 sila rujuk balik. Saya tidak mahu ulang, kalau hendak baca semua sekali sampai hari besok pun tidak habis Bill kita. Yang Berhormat juga telah berkali-kali sebut, cuba baca dan fahamkan dalam Rang Undang-undang ini semua senarai penyakit-penyakit lain boleh dimasukkan dalam senarai ini melalui Warta dengan kuasa oleh Menteri, jadi tidak payahlah proses yang lama; kita dapat tahu penyakit baru, kita boleh buat warta, masukkan. Kemudian ada perkara lagi?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat. . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Satu lagi mengenai Fasal-fasal 11, 20 dan 44 (a) mengenai inflasi, kos hidup dan sebagainya yang tidak dapat diselaraskan dengan pampasan itu.

Mengenai Fasal 38 yang membolehkan PERKESO mendakwa majikan di mahkamah untuk mendapatkan tunggakan caruman walhal para pekerja tidak dibenar mengambil tindakan yang sedemikian.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Pengerusi, seperti saya sebut tadi sama ada Yang Berhormat hendak puas hati ataupun tidak, terpujangluti. Soal dari masa ke semasa kita kaji tentang faedah ini mengikut kos sara hidup iaitu seperti yang ada dalam peruntukan Akta ibu, Seksyen 106. Itu saya jelaskanlah, jadi kita kena kajilah dalam keadaan dari masa ke semasa. Kemudian berkenaan dengan masalah mengapa majikan-majikan boleh didakwa kita tidak mencarum? Ini juga saya tidak faham, sebab tujuan peruntukan ini ialah untuk melindungi pekerja. Kalau majikan tidak bayar caruman mereka macam mana kita hendak membayar faedah kepada pekerja kalau berlaku kemalangan? Jadi, kita masukkan perkara ini untuk mengemaskan lagi peruntukan dalam undang-undang ini supaya kebajikan pekerja dapat dilindungi. Itulah tujuan diletakkan peruntukan itu.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahaja perkara yang telah dibangkitkan.

*Pasal 1 hingga 50* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

6.00 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun);** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon

mencadang iaitu satu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948 dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Mahkamah Rendah seperti berikut:

- (a) untuk menambah bidang kuasa Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret dalam kes-kes tuntutan sivil;
- (b) untuk menukar nama gelaran Yang Dipertua Mahkamah Sesyen;
- (c) untuk membuat peruntukan supaya Majistret Kelas Satu daripada orang-orang yang berkelulusan undang-undang sahaja;
- (d) untuk menyelaraskan bidang kuasa Mahkamah Majistret Kelas Dua di seluruh negara; dan
- (e) untuk membuat peruntukan supaya Pendaftar-pendaftar Kanan dan Pendaftar-pendaftar Mahkamah Rendah dilantik secara automatik menjadi Majistret Kelas Dua.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengemukakan dengan ringkasnya kepada Dewan yang mulia ini latar belakang dan asas-asas pindaan yang dikemukakan di dalam pindaan ini. Akta Mahkamah Rendah yang berkuatkuasa sekarang telah memperuntukkan 3 jenis Mahkamah Rendah yang penting, iaitu Mahkamah Sesyen, Mahkamah Majistret Kelas Satu dan Majistret Kelas Dua dan bidang kuasa yang diperuntukkan kepada mahkamah tersebut dalam kes tuntutan sivil adalah seperti berikut:

- (a) Mahkamah Sesyen di mana tuntutan ini tidak melebihi \$25,000 di dalam kes tuntutan biasa atau untuk mendapat semua harta tak alih, gantirugi dan sewa yang tidak melebihi \$24,000 atau satu tahun atau \$2,000 sebulan;

- (b) Mahkamah Majistret Kelas Satu di mana tuntutan itu tidak melebihi \$10,000; dan
- (c) Mahkamah Majistret Kelas Dua di mana tuntutan itu tidak melebihi \$250 di Malaysia Barat atau \$500 di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kes tuntutan yang melebihi \$25,000 hanya boleh dibuat di Mahkamah Tinggi sahaja. Setelah dikaji adalah didapati bahawa had bidang kuasa yang sedia ada sekarang ini adalah terlalu rendah dipandang dari segi nilai wang semasa dan ini menyebabkan bertambahnya kes tuntutan yang telah dikemukakan ke Mahkamah Tinggi. Ini mengakibatkan, dengan izin, "backlog of cases" di Mahkamah Tinggi. Sebahagian daripada tuntutan yang dibuat di dalam Mahkamah Tinggi adalah merupakan tuntutan yang senang, dengan izin, "straight forward" seperti kes-kes tuntutan kemalangan jalan raya yang tidak banyak melibatkan persoalan undang-undang dan ini tidak memerlukan seorang yang mempunyai pengalaman seperti Hakim-hakim Mahkamah Tinggi untuk menyelesaikannya. Dengan ini adalah dicadangkan bahawa bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Rendah ini dipinda kepada satu taraf yang lebih tinggi sebagaimana yang dinyatakan di dalam Rang Undang-undang seperti berikut:

- (a) *Mahkamah Sesyen*: Bidang kuasa dinaikkan kepada tuntutan biasa yang tidak melebihi \$100,000 dan di dalam tuntutan harta tak alih, gantirugi atau sewa bersangkut dengan harta tak alih tidak melebihi \$96,000 satu tahun atau \$8,000 sebulan;
- (b) *Mahkamah Majistret Kelas Satu*: Bidang kuasa dinaikkan kepada tuntutan yang tidak melebihi \$25,000;

- (c) *Mahkamah Majistret Kelas Dua*: Bidang kuasa dinaikkan dan diselaraskan kepada tuntutan yang tidak melebihi \$3,000 di seluruh Malaysia.

Dengan kenaikan bidang kuasa sivil bagi Mahkamah Sesyen adalah dijangkakan sebilangan guaman sivil yang sekarang ini dikemukakan di Mahkamah Tinggi akan dikemukakan diuruskan oleh Mahkamah Sesyen. Dengan itu kes-kes sivil yang kini kian bertambah dikemukakan di Mahkamah Tinggi akan dapat dikurangkan untuk mengurangkan, dengan izin, "backlog of cases" yang sedia ada.

Untuk menampung kemungkinan penambahan kes-kes di Mahkamah-mahkamah Sesyen oleh kerana kenaikan bidang kuasanya itu maka bidang kuasa Mahkamah Majistret Kelas Satu juga perlu dinaikkan untuk mengambilalih kes-kes tuntutan sivil yang pada masa sekarang berada di dalam bidang kuasa Mahkamah Sesyen dan kenaikan ini sebagaimana yang telah dinyatakan tadi. Dengan kenaikan bidang kuasa Mahkamah Majistret Kelas Dua di dalam kes sivil maka sebahagian daripada bidang kuasa mahkamah Majistret Kelas satu pula akan dapat diselesaikan oleh Mahkamah Majistret Kelas Dua dan dapat mengurangkan bebanan pekerjaan Mahkamah Majistret Kelas Satu.

Pada masa sekarang nama atau gelaran Yang Dipertua Mahkamah Sesyen atau di dalam bahasa Inggeris "President of the Sessions Courts", dengan izin, tidak mencerminkan tugas-tugas, imej, pendapat dan kedudukan jawatan itu dengan bertambah kes-kes yang dipertanggungjawabkan kepada mereka yang pada dahuhmya ditanggungkan kepada Hakim Mahkamah Tinggi adalah wajar nama atau gelaran Yang Dipertua Mahkamah Sesyen atau "President of

the Sessions Court", dengan izin, ditukar menjadi Hakim Mahkamah Sesyen atau, dengan izin, "Session Court Judge" untuk mencerminkan tanggungan yang lebih berat dibebankan ke atas mereka.

Perlantikan Majistret Kelas Satu yang sedia ada tidak dihadkan kepada seorang yang mempunyai kelulusan undang-undang sahaja. Tidak dinafikan bahawa kebanyakan Majistret-majistret yang ada sekarang adalah dari golongan mereka yang mempunyai kelulusan undang-undang yang terdiri daripada anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Dengan bertambahnya bidang kuasa yang diberikan kepada mahkamah tersebut, maka perlulah Majistret tersebut dilantik dari seorang pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Di antara syarat-syarat untuk kemasukan seseorang di dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan ialah ia mestilah berkelulusan undang-undang. Akta Mahkamah Rendah 1948 sekarang memperuntukkan supaya Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen hendaklah dilantik daripada pegawai-pegawai di dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Oleh itu, sudah sewajarnya peruntukan dibuat bagi memulakan Majistret Kelas Satu dilantik dari anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Walau bagaimanapun, seseorang yang tidak mempunyai kelayakan undang-undang yang bukan daripada anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan juga boleh dilantik menjadi Majistret Kelas Satu sebagai Majistret Kelas Satu Sementara, sebagaimana juga perlantikan sementara Yang Dipertua Mahkamah Sesyen.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang sedia ada sekarang memberikan bidang kuasa ianya yang berlainan di

antara Mahkamah Majistret Kelas Dua di Malaysia Barat dengan Mahkamah Majistret Kelas Dua di Sabah dan Sarawak. Bidang kuasa yang diberikan kepada Mahkamah Majistret Kelas Dua di Malaysia Barat adalah lebih terhad jika dibandingkan dengan mahkamah yang sama di Sabah dan Sarawak di mana Majistret Kelas Dua di Malaysia Barat hanya boleh menjatuhkan hukuman yang tidak melebihi 3 bulan penjara atau denda tidak melebihi \$250 atau kedua-dua sekali, manakala di Sabah dan Sarawak, Majistret yang serupa boleh menjatuhkan hukuman penjara tidak melebihi 6 bulan atau denda tidak melebihi \$1,000 atau kedua-duanya sekali.

Dengan ini adalah dicadangkan supaya bidang kuasa jenayah Majistret Kelas Dua di Malaysia Barat dinaikkan dan diselaraskan dengan bidang kuasa yang sedia ada di Sabah dan Sarawak sekarang. Pada masa sekarang perlantikan Majistret Kelas Dua secara automatik terdapat hanya di Sabah sahaja iaitu terdiri daripada Pegawai-pegawai Daerah dan Penolong-penolong Pegawai Daerah. Di negeri-negeri lain di Malaysia ini perlantikan itu dibuat oleh Raja-raja atau Yang di-Pertua Negeri yang berkenaan.

Dengan bertambahnya bidang kuasa yang diberikan kepada Mahkamah ini, maka dengan sendirinya kes-kes akan bertambah dalam mahkamah tersebut, maka perlulah dilantik secara otomatik diperluaskan kepada Pendaftar-pendaftar Kanan dan Pendaftar-pendaftar Mahkamah Rendah. Pendaftar-pendaftar Kanan dan Pendaftar-pendaftar Mahkamah Rendah adalah dilantik dari Penterjemah-penterjemah atau Kerani-kerani yang telah lama berkhidmat di Mahkamah-mahkamah dan dengan itu mereka mempunyai pengalaman yang agak luas di dalam

undang-undang dan adalah wajar mereka ini dilantik secara automatik sebagai Majistret Mahkamah Majistret Kelas Dua.

Butir-butir mengenai peruntukan Rang Undang-undang ini boleh didapati di dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Sekian, saya mohon mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.12ptg.

**Puan Ling Chooi Sieng (Kluang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Saya percaya bahawa ini adalah langkah pertama dalam tujuan melicinkan perkhidmatan kehakiman untuk menjadikan lebih cekap, produktif dan berkesan. Akta ini saya sedar adalah bertujuan untuk melegakan keadaan kes yang telah bertimbun-timbun, dengan izin, backlog di Mahkamah Tinggi di seluruh Malaysia. Saya tidak perlu membentangkan angka-angka untuk menerangkan keadaan buruk ini yang kini sudah menjadi pengetahuan biasa atau common knowledge. Saya tahu bahawa kes-kes yang melibatkan hukuman mati seperti membawa dadah atau senjatapi dan kes-kes culik yang menunggu percikaraan sekarang di Mahkamah Tinggi akan memakan masa hampir-hampir 4 atau 5 tahun sebelum dijelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan ini mungkin tahu bahawa kes-kes koperasi dalam perkara pecah

amanah dan fraud telah dipindahkan ke Mahkamah Tinggi sebab complexitynya. Dengan adanya kesedaran politik, perkara-perkara Perlembagaan juga dibawa ke Mahkamah Tinggi. Semua jenis perintah mahkamah. . . . .

**Tuan Ting Chek Ming:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, nanti sekejap. Apa hal Yang Berhormat?

**Tuan Ting Chek Ming:** Kita sekarang ini membahaskan untuk Mahkamah Rendah, bukan Mahkamah Tinggi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ya, Yang Berhormat. Dia memberi sebab-sebab apa sebab dia menyokong Akta ini.

**Tuan Ting Chek Ming:** Tidak relevent.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sebab sekarang kita perlu hantar kes-kes ke Mahkamah Tinggi. Sila duduk Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat.

**Puan Ling Chooi Sieng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan adanya kesedaran politik, perkara-perkara Perlembagaan juga dibawa ke Mahkamah Tinggi. Semua jenis perintah Mahkamah, injunctions, sama ada jenis perniagaan atau politik dipohon tiap-tiap hari daripada Hakim-hakim Mahkamah Tinggi. Bilangan Hakim-hakim adalah terbatas untuk melayan kes-kes yang membanjiri Mahkamah Tinggi. Kebanyakan daripada mereka yang dituduh sedang menunggu percikaraan dalam tahanan di penjara. Mereka yang menghadapi hukuman mati tidak dibenarkan bail. Kebanyakan yang diberi bail tidak dapat menunaikannya. Mereka ini tidak bersalah sehingga terbukti sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, andaikan satu keadaan di mana seorang yang tertuduh itu ditahan selama 4 atau 5 tahun dan kemudian dibebaskan selepas perbicaraan. Orang ini akan dipenjarakan selama 4 atau 5 tahun bagi satu kesalahan yang dia tidak buat. Kebebasan asas yang terkandung dan termaktub dalam Perlembagaan kita, dengan izin, Cundamental Jiberty as enshrined and entrenched in our Constitution tidak akan bermakna jika perkara begini berlaku. Kejadian begini harus diperbaiki dan diperbaiki cepat. Jika tidak, perkataan "independence of the Judiciary is one of the pillars of democracy", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, akan ring hollow atau menjadi kosong belaka. Kehakiman yang dilambat-lambatkan itu adalah kehakiman yang tidak diberi—justice delayed is justice denied indeed, dengan izin. Akta ini dengan menambahkan bidang kuasa Mahkamah Sesyen bertujuan mengurangkan bebanan Mahkamah Tinggi. Saya menyokong penuh Akta ini.

Hakim-hakim Mahkamah Sesyen adalah orang yang berpengalaman. Hampir-hampir semuanya berke- layakan menjadi Hakim-hakim Mahkamah Tinggi. Dalam hal ini dan selaras dengan tujuan menambahkan bidang kuasa Mahkamah Sesyen harus diberi kuasa untuk mendengar kes-kes yang terbabit dengan perkahwinan dan perceraian. Isu-isu yang terbabit dengan perkahwinan dan perceraian tidak begitu kompleks dan susah untuk memerlukannya diluluskan oleh Mahkamah Tinggi. Hakim-hakim Mahkamah Sesyen boleh menguruskannya. Selain daripada itu, dengan meluaskan bidang kuasa Mahkamah Sesyen, rakyat negeri ini boleh menikmati sistem tiga tingkat atau three tiers system kerana rayuan-rayuan akan dibawa ke Mahkamah Tinggi dan lepas itu ke Mahkamah Supreme.

Sambil menyokong Rang Undang-undang ini, saya terpaksa mencadangkan supaya Yang Arif Hakim Besar harus memberi perhatian terhadap Mahkamah-mahkamah Sesyen dan Majistret" untuk memperbaiki kecekapan dan jika perlu menambah bilangan Hakim-hakim dan Majistret-majistret. Jika pentadbiran tertinggal seperti sekarang, ia cuma akan memindahkan kes backlog dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Sesyen tanpa sebarang tindakan berkesan. Pada masa sekarang, Hakim-hakim Mahkamah Sesyen dibenarkan mendengar kes-kes yang bersabit dengan hukuman mati dan kes-kes jenayah. Oleh sebab kes-kes jenayah adalah diberi keutamaan, kes-kes sivil akan ditangguhkan. Mangsa-mangsa dalam kes-kes kemalangan akan menunggu banyak tahun sebelum gantirugi ditetapkan. Mungkin perkara sedemikian ini akan menjejaskan kepercayaan dalam perhakiman.

Sebagai seorang peguam, saya sedar bahawa bilangan kes yang didaftarkan di Mahkamah Sesyen dan Majistret di seluruh Malaysia bertambah dengan pesatnya. Sudah menjadi satu tabiat biasa fail-fail akan hilang dan dokumen-dokumen tidak teratur pada hari sesuatu kes itu disebutkan di Mahkamah. Saya cadangkan supaya alat komputer diperkenalkan dalam perhakiman untuk mengaturkan kerja-kerja memfail dan merakamkan untuk menambahkan daya pengeluaran dalam perhakiman.

Suatu lagi aspek yang menjejaskan kelicinan pentadbiran adalah penangguhan kes. Untuk mengelakkan penangguhan yang tidak perlu, saya cadangkan supaya arahan diberi seperti dilakukan di Singapura bahawa seseorang peguam yang dilibati dalam satu kes yang dijadual untuk perbicaraan menolak kes-kes lain yang juga dijadualkan untuk perbicaraan pada hari yang sama walaupun satu kes diadakan di Mahkamah Tinggi dan kes lain diadakan di Mahkamah Rendah.

Nampaknya seorang peguam sekarang mempunyai hak untuk menengguhkan kes di Mahkamah Rendah jika ia terlibat dalam kes di Mahkamah Tinggi pada hari yang sama.

Adalah kewajipan peguam, hakim-hakim dan pihak Polis untuk melicinkan perjalapan pentadbiran perhakiman. Saya harap ahli-ahli politik yang menjalankan tugas peguam akan menghargai perkara ini dan tidak akan memberi keutamaan bagi peristiwa politik. Jika seorang peguam tidak dapat menghadiri mahkamah pada hari yang dijadualkan kerana ia menghadiri sesi Parlimen atau peristiwa politik, ia harus menolak kes itu.

Adalah menjadi hakikat kita semua bahawa kita memerlukan perhakiman yang cekap. Semua orang yang terlibat dalam pentadbirannya iaitu para peguam, Peguam Negara dan lain-lainnya mesti tampil ke hadapan dalam perkara ini. Oleh sebab itu, saya cadangkan supaya suatu task force khas ditubuhkan untuk menentukan keperluan kakitangan tambahan, bilangan bangunan mahkamah yang diperlu dan pengenalan sistem komputer. Sebagai suatu langkah permulaan, kajian lengkap yang akan meliputi sistem pentadbiran pada keseluruhannya dibuat dengan tujuan memperbaiki, mengelakkan Parlimen membuat undang-undang ad-hoc dari semasa ke semasa.

Akhirnya, dengan sukacita saya ingin memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, saya mempunyai satu salinan pengajian lengkap yang ditulis oleh Encik Peter Robinson mengenai Hongkong judiciary di mana beliau menyatakan pendapat-pendapat konstruktif serta recommendation yang sesuai. Laporan berkenaan boleh didapati daripada saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

6.24 ptg.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita sekarang. Tuan Speaker, apa yang perlu dengan tinggikan bidang kuasa Majistret-majistret dan President of the Sessions Court adalah kebebasan Presiden-presiden dan Majistret-majistret ini. Tuan Speaker, jikalau kita tinggikan bidang kuasa beliau juga itu apa yang asas, bukan asas yang kami hormati oleh kerana apa yang saya kata tadi, Tuan Speaker, apa yang perlu kebebasan kehakiman. Hakim-hakim seperti President of the Sessions Court, Majistret-majistret, Tuan Speaker, tentu ada satu kebebasan bagaimana beliau tidak takut siapa yang ada di hadapan beliau, tidak kira pangkat. Apa yang perlu, dengan izin, "justice be done", dengan izin, Tuan Speaker juga, "no one is above the law".

Tuan Speaker, sepertimana ada berlaku case dalam Mahkamah Majistret baru-baru ini dalam mana Tuan Speaker juga ada terlibat. (*Tepuk*) Kes Siewdoor Properties, Tuan Speaker juga tidak bayar sewa untuk satu bilik dalam. . . . (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila merujuk. . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Bolehkah saya. . . . Kebebasan, bukan kebebasan kehakiman, kebebasan saya untuk sebut apa yang benar, tidak takut siapa-siapa pihak, termasuk Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat. . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu jadi demokrasi dalam masa. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kita sekarang membincang. . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** . . . ituyang kami mempunyai, Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya bagi peluang untuk. . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan satu hipokrasi. . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat. . .

**Tuan R. Karpal Singh:** . . . .tetapi satu demokrasi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Duduk! Sila duduk!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, jikalau membuat satu keputusan untuk dihantar ke Bar Council yang ada dibuat oleh. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila duduk!

**Tuan R. Karpal Singh:** Beri notis dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila duduk!

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya boleh duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sila duduk! Saya bagi amaran.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jangan bagi amaran.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Jangan.

**Tuan R. karpal Singh:** Amaran!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat kata satu perkataan lagi, saya ambil tindakan yang berat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa tindakan, Tuan Speaker?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran):** Duduk Yang Berhormat!

**Tuan R. Karpal Singh:** Kebebasan demokrasi. Saya mahu sebut apa yang benar. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila duduk!

**Tuan R. Karpal Singh:** . . . . apa yang terdapat dalam satu mahkamah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, duduk!

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya bukan tinju, mahu lawan dengan Tuan Speaker. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Bentara!

**Tuan R. Karpal Singh:** . . . . tetapi. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya buat keputusan sekarang. Yang Berhormat keluar dari Dewan satu hari. Yang Berhormat keluar dari Dewan. Sila Bentara keluarkan dari Dewan, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Vijandran will regret this.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia sudah biasa ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa biasa? You are frightened of the truth.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, lagi satu perkataan saya ambil tindakan yang lebih berat.

**Tuan R. Karpal Singh: Gantung?**  
(*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Suka?**

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh gantung.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kalau suka. Satu perkataan lagi. . . . .

**Tuan R. Karpal Singh: Gantung** sampai mati, boleh, Tuan Speaker. Ada kuasa, Tuan Speaker.

**Dato K. Pathmanaban:** Keluarlah.

**Tuan R. Karpal Singh: Boleh keluar.** Tetapi apa yang perlu saya tidak takut oleh kerana. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, jangan. Saya sudah bagi peluang pada Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat kata perkataan lain,. . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Buat satu aduan kepada Bar Council. Jangan menjadi Judge in your own course.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya akan ambil tindakan. Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Nanti sekejap, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebelum itu saya mahu tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, nanti sekejap, nanti sekejap.

**Beberapa Orang Ahli:** Point of order! point of order!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Nanti sekejap. Biar dia keluar dahulu.

(*Ahli dari Jelutong diiringi oleh Bentara Mesyuarat keluar Dewan*)

**Timbalan Yang di-Pertua <Tuan D. P. Vijandran); Apa point of order, Yang Berhormat?**

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya rasa tidak perlu mengadakan prosedur yang spesifik baik pun apa-apa segi Peraturan-peraturan Mesyuarat dan sebenarnya. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran);** Peraturan Mesyuarat nombor berapa, Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Dalam perkara ini saya rasa kita mahu ikut Peraturan Mesyuarat 44, on its all fours, dengan izin. Dan sebenarnya kita patut ikut Peraturan Mesyuarat 44 dan, dengan izin, ini tidak diikuti.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran);** Saya sudah ikut itu, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak ikut. Baca Peraturan Mesyuarat 44.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya sudah ikut. Habis perkara itu. Ada Yang Berhormat yang suka berucap?

**Tuan Chua Jui Meng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, minta maaf, jam sudah cukup.

#### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3) iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Di-pertua,** saya mohon menyokong.

#### UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

#### Majlis Perbandaran Seberang Perai—Perkhidmatan Asas Kepada Orang Raniai

6.30 ptg.

**Tuan Teoh Teik Huat (Bagan):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa ke pengetahuan Dewan yang mulia ini tentang keadaan yang menyedihkan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kawasan pilihanraya Bagan.

Tuan Yang di-Pertua, Butterworth ialah satu bandar yang telah dicapkan sebagai bandar paling kotor di negara ini dan ini bukanlah tanpa sebab.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil peluang untuk membangkitkan satu isu semasa yang penting berkaitan dengan kuasa dan tanggungjawab Majlis Perbandaran Seberang Perai. Penduduk-penduduk Bagan Dalam dan lain-lain kawasan di Butterworth telah lama berdamping dengan masalah-masalah sampah sarap dan najis yang tidak diangkut, parit-parit yang kotor dan tersumbat yang mengakibatkan suasana yang begitu mengganggu akan kesihatan di sekitarnya.

Apa yang menghairankan saya ialah bagaimana bekas Ahli Parlimen kawasan ini yang sekarang adalah Ahli Parlimen kawasan Labis setelah mewakili kawasan ini lebih daripada satu penggal telah membenarkan penduduk-penduduk di sana tersesat dengan keadaan yang menyedihkan ini sehingga begitu lama.

Tuan Yang di-Pertua, apabila isu ini dibangkitkan oleh D.A.P. baru-baru ini seorang jurucakap dari MPSP telah menyatakan melalui akhbar pada 3hb Pebruari tahun ini bahawa MPSP tidak semestinya memberi perkhidmatan-perkhidmatan kepada rumah-rumah yang tidak berdaftar. Yang lebih tepat lagi ialah bangunan-bangunan yang tidak mempunyai nombor dan yang tidak dikenakan cukai taksiran.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kebanyakan dari rumah-rumah yang tidak bernombor ini yang terletak di Kampung Kuala Perai, Kampung P.P.C dan kawasan sekitarnya telah wujud sejak lebih daripada 20 tahun yang lalu. Tuan tanah di mana rumah-rumah ini terletak yang dipunyai oleh Keretapi Tanah Melayu dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tidak menghalang penduduk-penduduk inr menumpang di tanah tersebut.

Dalam keadaan yang demikian, adakah ini bukan tanggungjawab dan fungsi pihak MPSP memberi nombor-nombor kepada rumah-rumah ini bagi maksud mengenakan kadar taksiran tahunan dan selanjutnya memberi perkhidmatan kepada orang-orang yang tinggal di kawasan-kawasan ini. Di bawah Undang-undang Kerajaan Tempatan kita pemilik-pemilik semua bangunan-bangunan di negara ini dan khususnya di Pulau Pinang adalah diharuskan untuk membayar kadar taksiran. Dengan tidak memberi nombor-nombor kepada rumah-rumah ini dan tidak mengutip cukai taksiran MPSP telah gagal dalam tugas dan tanggungjawabnya, maka soal tidak membayar taksiran adalah bukan kesalahan pemilik-pemilik rumah tetapi sebaliknya adalah satu tanda akan ketidakcekan pihak MPSP.

Jurucakap MPSP yang telah memberi alasan-alasan terhadap sampah sarap dan najis dan sebagainya yang tidak diangkut oleh

kerana rumah-rumah berkenaan tidak mempunyai nombor-nombor dan tidak membayar kadar-kadar taksiran mencerminkan kejahatan pihak MPSP akan tugas dan fungsinya. Bagaimana MPSP boleh beralih dari mengangkut sampah-sarap dan najis-najis dengan hanya alasan bahawa rumah-rumah itu tidak bernombor?

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 72 Akta Kerajaan Tempatan 1976 dengan terangnya telah menyebut akan kuasa pihak tempatan yang membolehkan ianya menubuhkan, menyelaraskan dan menjalankan perkhidmatan bagi kerja-kerja mengutip sampah-sarap, najis dan sebagainya. Pada hakikatnya ia mempunyai kuasa bagi melakukan apa sahaja bagi menjaga mempertingkatkan kesihatan orang ramai dan mengawal kawasan-kawasan supaya berkeadaan bersih dan bebas dari ancaman penyakit-penyakit. Ini adalah tugas dan tanggungjawab mereka dan MPSP haruslah bertanggungjawab dan bukan menolak tanggungjawabnya dengan memberi alasan-alasan yang mengelirukan.

Tuan Yang di-Pertua, rayuan-rayuan yang berturut-turut oleh penduduk-penduduk kawasan berkenaan kepada MPSP untuk memberi perkhidmatan kepada mereka telah diketepikan.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri.

**Tuan P. Patto:** Jangan cuba jadi Tuan Speaker. Itu sebab saya kata tadi "Timbalan Menteri Buruk".

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat. . . . .

**Dato' K. Pathmanaban:** Bodoh!

**Tuan P. Patto:** Bodoh, bahlul!

**Datuk K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Ipoh, jangan gunakan perkataan itu.

**Tuan P. Patto:** Saya tidak akan gunakan lagi, (*Ketawa*)

**Dato<sup>1</sup> K. Pathmanaban:** Saya sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, mengatakan segala yang diperkatakan itu adalah perkara di bawah Perlembagaan di bawah Negeri, MPSP dan sebagainya dan bukan Kerajaan Persekutuan.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Habiskan Yang Berhormat, ada dua minit lagi.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Okay. Penduduk-penduduk di Kuala Perai melalui Pertubuhan Kebajikan Masyarakat Islam Kuala Perai telah menulis surat kepada Yang di-Pertua MPSP dan salinannya kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beberapa kali, tetapi malangnya sehingga hari ini mereka masih tertunggu-tunggu akan jawapannya. Yang di-Pertua MPSP juga telah menolak permintaan rakan saya ADUN kawasan Perai untuk mengadakan dialog di antara MPSP dan penduduk-penduduk kawasan berkenaan tentang perkara ini apabila beliau menulis kepada pihak MPSP.

Tuan Speaker, suasana di kawasan itu masih mengancam kesihatan penduduk-penduduk di sekitarnya dan saya mendesak Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian dalam perkara ini dan mengarahkan pihak MPSP supaya tidak menolak tanggungjawabnya dan

segera memberi perkhidmatan kepada orang ramai tidak kira sama ada rumah-rumah mereka bernombor atau tidak. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.37 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar); Tuan Yang di-Pertua, sememangnya benar perkara ini adalah sepatutnya dikemukakan kepada Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, menurut pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai, masalah tidak mengutip sampah-sarap, najis dan suasana kotor yang membimbangkan di kawasan sekitarnya yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan rumah-rumah setinggan yang dibina di tanah Kerajaan di Bagan Dalam, Seberang Perai.

Dalam hal ini, pemungutan sampah adalah urusan penduduk-penduduk dan perbelanjaan pemungutan sampah itu hendaklah ditanggung oleh mereka sendiri. Walau bagaimanapun Majlis Perbandaran Seberang Perai telah cuba membantu dengan menguruskan kontraktor baru untuk mengangkut sampah di kawasan itu tetapi penduduk-penduduk rumah setinggan enggan membayar perkhidmatan itu. Terima kasih.

#### TUNGGAKAN BIL AIR DI PETALING JAYA/SELANGOR

6.38 ptg.

**Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya):** Tuan Yang di-Pertua, pembayaran tunggakan bil-bil air di Petaling Jaya dan Negeri Selangor. Dalam Mesyuarat Parlimen pada bulan

November, 1986, saya bagi pihak pengguna-pengguna bekalan air di Petaling Jaya telah membangkitkan isu pembayaran tunggakan bil-bil air ini dua kali. Pihak Kementerian Kerjaraya dalam Dewan yang mulia ini memberitahu isu ini akan mendapat satu penyelesaian yang memuaskan hati semua pihak dengan segera, tetapi isu ini setakat hari ini masih mengganggu kesentosaan orang ramai dan juga melanggar hak-hak keadilan rakyat.

Semakin lama isu ini dilanjutkan semakin lebih isu ini akan membongkar pentadbiran buruk yang berkurangan cekap di Jabatan Bekalan Air. Pihak perwakilan pengguna seperti FOMCA, Residents Associations, Rukun Tetangga dan P.J. People's Association di kawasan Petaling Jaya dan Negeri Selangor telah membantah tindakan pemungutan ini.

Saya Wakil Rakyat Petaling Jaya mendesak pihak Menteri Kerjaraya singkirkan atau tukarkan Pengarah Bekalan Air Selangor dan juga pegawai kanan JBA di daerah Petaling Jaya.

**Dato' K. Pathmanaban:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dr Eng Seng Chai:** Tidak beri jalan.

**Dato' K. Pathmanaban:** Point of order.

**Dr Eng Seng Chai:** Apa point of order?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Petaling Jaya, sila duduk!

**Dato' K. Pathmanaban:** Tidak cukup kuorum.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** (Ahli-ahli dikira, 26 ahli hadir) Cukup! Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

**Dr Eng Seng Chai:** Jangan main-main—malu!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Petaling Jaya, teruskan.

**Dr Eng Seng Chai:** . . . . Petaling Jaya atas isu ini yang membabitkan beratus-ratus ribu pengguna kerana mereka tidak mengamalkan sikap cekap dan beramanah kerana mereka kekurangan bertanggungjawab tugas-tugas mereka dengan sungguh-sungguh. Sewajibnya pentadbiran JBA Negeri Selangor dan Petaling Jaya dirombakkan keseluruhannya untuk menarik balik semula kepercayaan dan keyakinan rakyat bahawa JBA mampu bertugas atas kepentingan rakyat sesuai dengan cogan kata Bersih, Cekap dan Amanah.

JBA Selangor mengakui sejak tahun 1976 hingga 1985 tugas-tugas mereka kurang tanggungjawab dan juga semua akuan pengguna air ialah dalam keadaan kelam-kabut dan colak colang.

Jika mereka tidak dapati membeli atau mengguna komputer baru bagi tahun 1986 mereka akan terus berkurangan menepati uruskerja dan tugas lagi. Mereka akan berturut-turut menyeleweng lagi. Peraturan dan garis panduan bayaran bit air dan penalti dan hukuman kelambatan bayaran adalah jelas sewajarnya jika mereka bertugas dengan sungguh-sungguh dan cekap.

Bekalan air sesiapa yang berhutang beberapa bulan pun dipotong dan dihentikan selepas amaran sesuai tetapi jika peraturan dan garis panduan ini tidak diikuti dan dipatuhi oleh Pengarah JBA Selangor dan pegawai-pegawai kanan, siapakah mereka yang patut disalahkan hari ini—diri sendiri atau pengguna-pengguna air?

Tersedar sekarang tunggakan sejak tahun 1876 hingga 1980 yang berjumlah \$12 juta dan pada tahun 1981 hingga 1985 sebanyak \$81 juta mereka salahkan semua pengguna-pengguna air yang kebanyakan mereka memang tidak termampu membuktikan pembayaran mereka walaupun sudah dibuat dengan resit selama 5 atau 10 tahun.

Siapakah yang akan menyimpan resit-resit begitu lama? Saya cabar Menteri Kerjaraya dan Pengarah Jabatan Bekalan Air Selangor sendiri membuktikan mereka masih ada simpan resit-resit bil air selama 10 tahun. Sudahlah mereka membazirkan wang rakyat membayar gaji mereka bukan wang Kerajaan Barisan Nasional. Sesudah mereka mengakui mereka kekurangan pekerja hari ini, mereka ingin memboroskan lagi masa, tenaga dan kewangan pengguna-pengguna yang diwajibkan datang ke JBA dengan bercutian kerja membawa bukti resit lama mereka. Adakah ini adil? Bukankah tindakan JBA itu melanggar hak-hak keadilan rakyat Malaysia? Untuk mengelakkan sikap dan amalan yang memalukan Kerajaan, yang menyulitkan pengguna, saya Wakil Rakyat Petaling Jaya, menggesa pihak pemerintah menggubal undang-undang baru yang akan jatuhkan hukuman kepada JBA jika pengguna-pengguna mampu membuktikan kesilapan JBA dengan resit lama. Membuktikan JBA kurang cekap.

Jika Kerajaan tidak mengambil perhatian dan tidak bertolak ansur atas isu ini dan jika kerajaan Selangor dan JBA terus memungut tunggakan bil 1976 hingga 1980 juga maka saya menyeru dan saya cadangkan kepada perwakilan pengguna-pengguna menghadapkan Menteri berkenaan, Menteri Besar Negeri Selangor, Pengarah JBA dan pegawai-pegawai kanan tempatannya ke hadapan mahkamah dengan kes-kes percubaan menentang tindakan tuntutan

tunggakan ini. Sewajibnya mengikut misalan negara demokrasi lain tertibullah skandal penyelewengan perkhidmatan dan kewangan sebegini, Pengarah JBA dan Menteri berkenaan meminta maaf daripada rakyat jelata dan diikuti dengan perletakan jawatan mereka.

Di negara Jepun mereka akan bunuh diri secara "Seppuku" atau "Harakiri" (*Tepuk*). Tetapi setakat hari ini adakah Menteri berkenaan dan Pengarah JBA Selangor cukup mulia berbuat demikian.

**Seorang Ahli:** Tidak berani!

**Dr Eng Seng Seng Chai:** Saya sekali lagi menggesa, mendesak pihak pemerintah Barisan Nasional membatalkan tindakan pungutan tunggakan ini jika tujuan tindakan ini adalah untuk menampung perbendaharaan Kerajaan Barisan Nasional yang kosong sekarang. Kita ingatkan Kerajaan Barisan Nasional janganlah rompak, janganlah membebankan rakyat Malaysia lagi. Tidaklah wajar rakyat dirompak sekali lagi untuk menampung laci-laci kosong Kerajaan Barisan Nasional yang sudah membazir dan memboroskan cukup banyak wang rakyat melalui pelbagai skandal-skandat kewangan yang raksaksa setakat hari ini.

Saya yang berkhidmat, Tuan Yang di-Pertua.

6.44 ptg.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi penjelasan dan juga keterangan atas salah faham Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya mengenai pembayaran tunggakan bil-bil air di Petaling Jaya dan juga di Negeri Selangor.

Saya dapati bahawa maklumat-maklumat yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat itu berasaskan

kepada keterangan yang tidak tepat dan boleh mengelirukan. Pada pertamanya, sukalah saya menjelaskan di sini iaitu dari segi undang-undang permintaan pembayaran tunggakan bil-bil tidak melanggar hak-hak keadilan rakyat. Sebaliknya, memanglah menjadi tanggungjawab pengguna-pengguna menjelaskan bil-bil air mereka dalam jangka masa yang telah ditetapkan iaitu satu minggu.

Tunggakan bil-bil air ini, saya ingin beritahu bukan akibat kekurangan kecekapan Jabatan Bekalan Air Negeri Selangor. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1980 saya diberitahu sebanyak 20% pengguna-pengguna air daripada jumlah 380,000 pengguna-pengguna dalam tahun 1980 itu di Wilayah Persekutuan dan Negeri Selangor tidak menjelaskan bil-bil mereka. Jika diberi angka 20% ini. ....

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat ada yang hendak minta penjelasan.

**Tuan Osu bin Haji Sukam: Ya.**

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, tadi kita diberitahu pengguna-pengguna air diberi seminggu sahaja untuk membuat pembayaran. Tetapi jika garis panduan atau peraturan ini ada diikuti maka mana boleh kita dapat tunggakan yang sebegitu banyak sebagaimana baru disebut, mana kita boleh dapat beratus ribu orang masih berhutang kepada Jabatan Bekalan Air dan dapat sekarang guna bekalan air lagi. Mengapa mereka tidak ambil tindakan dulu?

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Terima kasih. Berilah saya kesempatan untuk menjawab seluruh soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita beri masa seminggu tetapi ada yang datang lebih daripada itu pun kita terima.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, jika diberi angka 20% itu ianya adalah lebih kurang 76,000 pengguna-pengguna yang tidak membayar. Dalam amalan biasa jika bil-bil tidak dijelaskan dalam satu bulan, Jabatan Bekalan Air akan mengambil tindakan untuk memotong bekalan air kepada pengguna-pengguna ini. Tetapi dengan bilangan kakitangan yang sedia ada dan dengan kian bertambah bilangan pengguna-pengguna baru dalam kawasan Wilayah Persekutuan dan Negeri Selangor tiap-tiap tahun, malangnya tindakan ini tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya dan masalah tunggakan pun telah meningkat. Adalah jelas kepada Jabatan Bekalan Air Selangor bahawa suatu cara positif untuk mengatasi masalah ini ialah menggantikan sistem pengeluaran bil-bil air yang sedia ada dengan satu sistem berkomputer. Dalam pelancaran sistem berkomputer ini terdapat masalah-masalah awal atau dengan izin, teething problems. Maka terdapat bil-bil yang dikeluarkan dari tahun 1981. ....

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran);** Yang Berhormat adayangbangun.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Berilah saya selesaikan.

**Dr Eng Seng Chai:** Penjelasan.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Saya beri.

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, dia kata ada computer teething problems. Saya harap nanti dia akan beri satu penjelasan berapa lama ini teething problems akan dilanjutkan?

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, dalam pelancaran sistem itu yang saya

katakan tadi maka terdapatlah bil-bil yang dikeluarkan dari tahun 1981 ke tahun 1983 yang akaunnya belum dikemaskinikan. Sukacita saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa oleh kerana usaha pegawai-pegawai di Jabatan Bekalan Air Selangor, masalah-masalah awal yang dihadapi di dalam penggunaan komputer telah dapat diatasi sekarang.

Akaun di dalam bil-bil air itu telah dikemaskinikan dan dapat ditunjukkan secara terperinci mengenai akaun semasa dan juga tunggakan pada tahun-tahun 1981, 1982 dan 1983. Satu penyata akaun yang mengandungi semua bil-bil dan pembayarannya sejak 1981 hingga 1985 telah pun dikeluarkan kepada tiap-tiap pengguna dan mereka bolehlah menyemakannya dan mana-mana butiran yang didapati tidak betul boleh dibawa kepada pengetahuan Jabatan Bekalan Air Selangor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Bekalan Air Selangor sehingga hari ini telah berjaya mengutip \$12 juta dari Wilayah Persekutuan dan daerah Petaling daripada jumlah tunggakan keseluruhan iaitu \$80 juta.

Saya juga suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa oleh kerana dedikasi pegawai-pegawai Jabatan Bekalan Air Selangor, peratusan pengguna-pengguna yang tidak menjelaskan bil-bil mereka telah jatuh kepada kurang dari 5% sejak tahun 1986, berbanding dengan 20% dalam tahun 1980. Dengan penjelasan ini saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat menasihatkan pengguna-pengguna di dalam kawasan Yang Berhormat membayar bil-bil mereka dalam jangkamasa yang ditetapkan. Kerjasama dari pihak pengguna-pengguna adalah penting

untuk menjayakan sebarang sistem pungutan bil-bil air yang digunakan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran);** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Majlis mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.52 petang.*